



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL KETIGA

Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 1765]

PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1765]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1765]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 [Ruangan 1788]

USUL:

**Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan
Mesyuarat [Ruangan 1818]**

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBaidULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

- Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN MOHAMAD (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIAN TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

 Rabu, 21hb Disember, 1977

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dr Lim Keng Yaik.

 PENGUMUMAN
 YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Ahl-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Ahli yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap dan percaya beliau akan terus berkhidmat dengan cemerlangnya.

 JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
 BAGI
 PERTANYAAN-PERTANYAAN

GURU—PENGAMBILAN CUTI SAKIT

1. Datuk Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran:

- (a) berapa jumlah Guru mengambil cuti sakit dalam tahun 1977. Tidakkah keadaan ini menjejaskan pelajaran murid-murid itu; apakah langkah yang sedang dibuat supaya tidak berleluasa;
- (b) adakah didapati kes Guru-guru berasmara dengan murid-murid dan penuntut atau sebaliknya, kiranya ada apa tindakan telah diambil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah guru yang mengambil cuti sakit dalam tahun 1977 cuma boleh didapati daripada Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri dan sekolah-sekolah. Dalam masa yang singkat ini, sukar bagi saya untuk mendapat jumlah guru-guru seperti yang dikehendaki oleh Yang Berhormat itu. Sekiranya Yang Berhormat masih ingin mengetahui jumlah guru itu, jawapan bertulis akan diberi pada masa hadapan. Walau bagaimanapun, inginlah saya menegaskan bahawa apabila guru-guru tidak hadir untuk mengajar beberapa hari, kerja mereka diambil alih oleh guru-guru lain dan untuk tempoh yang lebih panjang, guru sementara boleh diluluskan sebagai ganti. Pengajaran oleh guru pengganti sudah tentu tidak baik seperti guru biasa. Sebab itu Kementerian mengawasi cuti yang diambil oleh guru. Tindakan tatatertib akan diambil terhadap guru-guru yang menyalahgunakan cuti sakit itu.

- (b) Ada satu atau dua kes yang telah dilaporkan dan Kementerian Pelajaran telah mengambil tindakan tatatertib terhadap guru-guru yang terlibat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, kalau dengan keadaan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi saya sudah buat soalan ini sebulan dahulu, maka Kementerian Pelajaran tidak dapat hendak memberikan satu natijah yang betul guru-guru yang bercuti ini, dengan keadaan ini saya menunggu jawapan bertulis itu. Tetapi walau macam manapun, dapatkah Kementerian ini mengakui bahawa dengan keadaan guru-guru yang bercuti akan melibatkan pelajaran anak-anak kita terganggu.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan dalam jawapan memang Kementerian Pelajaran sedar tentang keadaan di mana apabila guru itu bercuti lebih panjang pelajaran murid-murid memang terjejas, tetapi seperti mana yang saya telah terangkan Kementerian Pelajaran akan mengambil tindakan apabila guru-guru itu menggunakan cuti yang lebih panjang dan guru sementara akan ditugaskan untuk menggantinya. Sebagaimana yang telah saya katakan, jawapan untuk angka guru-guru yang bercuti pada tahun 1977 belum dapat saya berikan pada hari ini oleh kerana guru-guru yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu meliputi Sabah dan Sarawak. Insya Allah, saya akan beri jawapan bertulis sekiranya Ahli Yang Berhormat mengkehendakinya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada bahagian (a). Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau mengatakan jikalau guru mengambil cuti yang lebih panjang maka guru sementara boleh diambil. Saya suka bertanya samada Kementerian Pelajaran ada mengadakan satu regulation atau peraturan selama manakah yang sekolah-sekolah itu boleh mengambil seorang guru sementara. Dari pengalaman saya, ada sebahagian daripada sekolah-sekolah di Kuala Lumpur ini yang saya tahu, kalau seorang guru itu sakit dua tiga hari mungkin tidak perlu diambil guru sementara tetapi ada masanya sampai dua minggu yang mana guru tidak datang dan guru sementara pun tidak ada. Rasa saya dua minggu itu terlampau lama. Saya suka bertanya di sini samada Kementerian telah membuat peraturan berapa lamakah seseorang guru itu boleh tidak hadir oleh kerana cuti sakit dan jikalau selepas itu terpaksa sekolah itu mengambil guru sementara, kerana alasan yang diberi oleh sekolah-sekolah sekarang ini ialah peruntukan tidak ada bagi mereka hendak ambil guru sementara. Itulah sebabnya saya suka bertanya samada ada peraturan tertentu yang diarahkan kepada tiap-tiap sekolah.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, guru-guru tidak ada mempunyai hari cuti yang sebenarnya selain daripada cuti penggal. Kadang-kadang terdapat guru-guru yang mengambil cuti oleh kerana

mereka sakit dan kita tidak dapat menentukan panjang manakah sakit guru-guru itu. Sebenarnya kalau sakit itu lebih dari dua minggu langkah diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk mengadakan guru sementara dan kalau cuti itu kurang dari dua minggu guru-guru yang ada di sekolah itu akan mengambil alih tugas-tugas guru-guru yang sedang mengajar di sesuatu kelas. Jadi, saya percaya tidak ada satu regulation yang tertentu untuk membolehkan guru-guru itu bercuti mengikut sesuka hati mereka sendiri dan cuti yang diberi selain daripada cuti penggal ialah cuti untuk belajar dan semasa itu guru-guru sementara ataupun guru-guru yang menyandang jawatan itu akan mengambil alih tempat guru-guru biasa.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Soalan tambahan. Bolehkah saya mengerti daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa tarikh itu dua minggu ke atas atau dua minggu ke bawah? Atau patutkah Kementerian mengadakan peraturan yang tertentu, kalau umpamanya empat hari seseorang guru itu tidak dapat hadir kerana sakit ataupun seminggu tetapkan masanya supaya menyenangkan sekolah itu mencari guru sementara. Saya rasa perlu kita ada satu peraturan supaya guru besar sekolah itu tidak susah untuk mencari guru-guru sementara. Kalau tidak ada peraturan yang demikian adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri ber-cadang membuat sesuatu peraturan.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar tentang kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu tetapi untuk mengadakan sesuatu undang-undang menentukan apabila guru itu tidak boleh bertugas dalam masa empat hari melibatkan banyak masalah pentadbiran, masalah pengambilan guru-guru yang lain. Jadi adalah mengikut budibicara Pengetua Sekolah yang terlibat untuk menentukan samada apabila guru itu tidak dapat hadir dalam masa empat atau lima hari pelajaran murid-murid itu terjejas. Saya percaya peraturan yang tertentu mungkin akan kita dapat selidiki apabila keadaan memaksa.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ini sedar bahawa masalah guru

yang selalu mengambil cuti sakit adalah guru-guru yang selalu bertugas di luar bandar yang duduknya di bandar samada cutinya panjang atau pendek. Ini kerap kali telah ternyata dan kerap kali kita telah mengetahui. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apa langkah-langkah disiplin kepada guru ini akan diambil oleh Kementerian Pelajaran berkenaan dengan cuti sakit dengan tidak ada betul-betul sakit.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya telah terangkan dalam jawapan saya seseorang guru yang menyalahgunakan cuti sakit tindakan tatatertib, iaitu disiplin akan diambil apabila laporan-laporan yang tertentu diterima oleh Pegawai Pelajaran di daerah-daerah yang tertentu.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Soalan tambahan. Jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu adalah saya kata melepaskan batuk di tangga sebab tidak tepat disiplin akan diambil mengikut peraturan yang ada ini, tetapi soal saya guru yang mendapat cuti sakit bagaimana Kementerian ini mengambil tindakan oleh sebab cuti sakit ini doktor mengeluarkan Medical Certificate, bagaimana menentukan mereka ini adalah bercuti kerana sakit?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang telah dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu seseorang guru itu sakit apabila telah disahkan oleh doktor. Jadi samada kita hendak menerima pengesahan doktor itu bahawa seseorang guru itu sakit atau tidak bergantung kepada budibicara Pegawai Pelajaran di dalam daerah itu. Sebenarnya saya tidak sedar apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa ada guru-guru dari luar bandar yang selalu minta cuti sakit yang tidak sakit. Kalau mereka didapati berbuat demikian, guru besar sekolah tersebut akan melapurkan kepada Pegawai Pelajaran di negeri tersebut dan tindakan untuk menyasiat akan diambil samada guru itu betul-betul sakit atau tidak, kalau betul tidak sakit tindakan akan diambil.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab pelajaran murid yang penting sekali dan kita tahu ada banyak kes di mana banyak sekolah guru-

gurunya bercuti sebab sakit atau lain-lain hal dan banyak kelas-kelas tidak mendapat guru pengganti sebab guru mengambil cuti, bolehkah Jabatan Pelajaran di tiap-tiap negeri mengadakan seorang pegawai untuk mengkaji atau memeriksa dari masa ke semasa berkenaan keadaan di sekolah-sekolah di mana gurunya mengambil cuti tanpa pengganti.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, memang ada pegawai dari Kementerian Pelajaran yang membuat lawatan-lawatan ke sekolah-sekolah. Pegawai itu adalah di bawah School Inspectorate dan School Supervisor. Mereka selain daripada melapur aktiviti-aktiviti di sekolah juga melapur tentang aktiviti-aktiviti yang luar dari sekolah terutama sekali mengenai behaviour guru-guru seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi sakit dan sekiranya Yang Berhormat dapat memberi maklumat yang tepat di mana guru-guru sekolah tersebut selalu meminta cuti sakit, insya Allah, Kementerian Pelajaran akan membuat siasatan.

TANGGAGAJI BARU JAWATAN-KUASA KABINET

2. Puan Zawiah binti Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapakah jumlah tunggakan yang dibayar oleh Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan dan juga Badan-badan Berkanun, berikutan dengan pelaksanaan tanggagaji baru Jawatankuasa Kabinet;
- (b) mengapa Pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang belum disahkan dalam jawatannya yang meletak jawatan dan menggantungkan perjanjian untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti sebelum tarikh kuatkuasa opsyen itu pada 1-7-1977 adalah tidak layak ditawarkan opsyen dibayar tunggakan gaji mulai tarikh yang tidak terawal dari 1-1-1976. Tidakkah ini satu penganiayaan terhadap mereka.

Menteri Tak Berpottfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum dapat diketahui jumlah sebenarnya bayaran tunggakan gaji kebelakangan kakitangan Kerajaan dan Badan Berkanun, memandangkan pembayaran itu dibuat secara beransur-ansur dan ini akan mengambil masa sedikit untuk mengumpulkan

maklumat-maklumat dari beberapa pejabat pembayar di seluruh Malaysia. Walaupun demikian, kesemua bayaran adalah ditafsirkan sebanyak lebih kurang \$680 juta.

Mengenai soalan (b), tawaran opsyen tidak dikeluarkan kepada kakitangan Kerajaan termasuk guru-guru yang telah meletakkan jawatan sebelum 1hb Mei, 1977. Tawaran opsyen dibuat hanya kepada kakitangan Kerajaan yang sedang berkhidmat pada 1hb Mei, 1977. Skim Tanggagaji Bersih dan Syarat-syarat Perkhidmatan Baharu adalah dilaksanakan mulai dari 1hb Julai, 1977. Oleh kerana kakitangan Kerajaan termasuk guru-guru yang telah meletakkan jawatan sebelum 1hb Mei, 1977 itu tidak membuat opsyen, maka soal penganiayaan kepada mereka tidak berbangkit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 136 orang pegawai-pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang menggantungkan perjanjian mereka untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti-universiti bagi tahun akademik 1977/1978 telahpun ditawarkan opsyen. Mereka telahpun memilih menerima tanggagaji baharu di bawah Lapuran Jawatankuasa Kabinet dan Kerajaan telahpun membayar tunggakan gaji kepada mereka dari tarikh 1hb Januari, 1976 hingga tarikh mereka menggantungkan perjanjian mereka.

GURU-GURU BESAR DI SEKOLAH RENDAH TAMIL/CHINA

3. Datuk V. Ponnusamy Pillai minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa Pejabat-pejabat Pelajaran telah melantik guru-guru sekolah-sekolah aliran Inggeris sebagai guru-guru besar di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan China dan oleh yang demikian tidak memberi peluang kepada guru-guru dari sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil dan China hendak naik pangkat menjadi guru besar dan juga mendatangkan rasa tak puashati di kalangan guru-guru ini dan jika ya, samada beliau akan memberhentikan kenaikan pangkat seperti ini dan samada guru-guru besar dari sekolah bahasa pengantar yang lain akan dilantik menjadi guru besar tetap.

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian sedar terdapat beberapa kes guru-guru Tamil dan China dari aliran Inggeris yang telah dicadangkan menjadi guru-guru besar di Sekolah Rendah

Tamil dan China. Perkara ini masih dalam kajian Lembaga Kenaikan Pangkat, Kementerian Pelajaran, samada mereka ini sesuai ataupun tidak untuk memegang jawatan-jawatan tersebut.

Hanya terdapat 3 kes Guru Tamil beraliran Inggeris yang dicadangkan menjadi guru besar di Sekolah Rendah Tamil Gred C di Perak. Perkara ini masih dalam timbangan Lembaga Kenaikan Pangkat samada mereka sesuai ataupun tidak.

Datuk V. Ponnusamy Pillai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran dan mengucapkan terima kasih. Tetapi saya hendak bertanya sedikit dalam Dewan ini, jikalau seseorang guru besar itu pindah daripada sekolah tersebut kemudian dilantik seorang guru memangku jawatan samada timbalan guru besar ataupun pemangku guru besar bekerja selama 4-5 tahun di situ tidak mendapat apa-apa elaun. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan bahawa guru itu tidak ada Gred C. Jadi kalau Kementerian Pelajaran sudah tahu siapa yang tidak ada Gred C. mengapa dia dilantik menjadi pemangku guru besar 4-5 tahun dengan tidak mendapat apa-apa elaun dan ada orang lain yang suka dia boleh ambil-alih; dia kerja juga dan tidak mendapat elaun hingga 4-5 tahun. Jadi Kerajaan mesti mengetahui dia tidak ada Gred C dan mengapa disuruh dia bekerja hingga 4-5 tahun?

Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana seorang guru itu tidak layak ataupun pada waktu itu difikir tidak layak untuk menyandang jawatan tetap maka guru itulah ditugas sebagai pemangku guru besar dan dalam tempoh 2-3 tahun satu kajian dibuat samada guru itu layak ataupun tidak. Jadi oleh kerana itulah seorang guru itu ditugaskan sebagai pemangku dahulu.

KEROSAKAN LETRIK DI NEGERI MELAKA

4. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) mengapa bekalan letrik di Negeri Melaka sering mengalami kerosakan yang mengakibatkan kesusahan dan kerugian kepada orang ramai; dan

- (b) apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Lembaga Letrik Negara Melaka untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Oleh kerana tiada kejadian yang khusus disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah dianggap bahawa pertanyaan itu ditujukan kepada kerosakan yang berlaku di Pencawang Elektrik Utama, Bona Vista, pada 27hb September, 1977 dan juga kepada gangguan bekalan letrik disebabkan oleh kekurangan tenaga sebanyak lebih kurang 4 MW pada penghujung minggu sebelumnya. Ingin dimaklumkan bahawa kerosakan yang berlaku pada 27hb September, 1977 adalah disebabkan oleh "flashover" di salah satu pemutus liter minyak pembekal 11 kV di Pencawang Utama Bona Vista manakala kekurangan tenaga sebanyak 4 MW adalah disebabkan oleh kerosakan ke atas kedua-dua kebel penyambung 11 kV di antara Stesyen Janaletrik Melaka dan Pencawang Bona Vista.
- (b) Saya ingin memaklumkan bahawa kerosakan-kerosakan tersebut telahpun diperbaiki dan pada masa sekarang keadaan bekalan adalah pulih seperti biasa.

Untuk mengelakkan kerosakan-kerosakan seperti ini di masa hadapan, beberapa langkah sedang diambil. Pertama, menggantikan papan suis 11 kV yang ada sekarang dengan papan suis yang baru. Tempahan telah dibuat dan dijangka akan sampai dalam tempoh 6 bulan. Kedua, menambah muatan dan pengeluaran Pencawang Utama Bona Vista sebanyak 7.5 MW lagi yang mana dijangka akan disiapkan pada pertengahan tahun 1978. Kos bagi memperbaiki sistem ini secara keseluruhan ialah lebih kurang \$400,000.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memperbaiki bekalan tenaga letrik yang berlaku kerosakan di seluruh negara bukan sahaja di Melaka, dan jika ada, bolehkah

Kerajaan membayar compensation atas kerosakan yang berlaku yang dialami kerugian oleh peniaga-peniaga.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain dan saya perlukan notis.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya ingat perkara ini berkenaan dengan letrik, tetapi saya tak sangka yang jawapan kepada perkara ini adalah soalan lain, sebab kalau dikatakan letrik adalah letrik. Soalan saya ini tidakkah bersangkutan paut dengan letrik bukan sahaja di Melaka tetapi di seluruh negara?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan asalnya berkaitan dengan letrik di negeri Melaka dan apa Ahli Yang Berhormat sebutkan tadi adalah berkaitan dengan keadaan letrik di negeri lain. Saya perlukan notis.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ini ada kaitan dengan letrik di negeri Melaka. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab bahawa soalannya umum atas soalan ini. Saya hendak berikan satu butiran yang details bahawa kerosakan letrik dalam kawasan negeri Melaka termasuk Jajahan Tangkak dan Jasin. Pada tahun ini sahaja empat kali berlaku kerosakan dan kerosakan itu berjalan bukan sehari tetapi sampai dua hari. Adakah Kementerian ini sedar bahawa kecuaiian hendak membaiki pencawang letrik di kawasan Merlimau itu memang sengaja diringan-ringankan oleh Jabatan yang berkenaan dan adakah Kementerian ini sedar bahawa pengguna-pengguna letrik dalam kawasan itu akan mengambil tindakan mahkamah menuntut kerugian atas harta-hartanya yang rosak dan juga mereka hendak meminta panduan atas hal ini kepada negeri-negeri yang maju atas kecuaiian Lembaga Letrik Negara.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar atas keadaan yang telah berlaku di negeri Melaka dan Kementerian ini telah siasat dan didapati bahawa punca masalahnya ialah sistem yang lama sekali. Jadi oleh yang demikian, sistem ini sedang dibaharui dan langkah sedang diambil.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan dengan bekalan letrik di Melaka dan lain-lain negeri. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kerosakan letrik di seluruh negeri telah berlaku siang dan malam, dan menjadi satu perkara yang biasa, apakah akan jadi umpamanya di hospital-hospital, atau balai-balai polis dan adakah apa-apa cadangan, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk mengadakan generator asing untuk hospital-hospital umum dan balai-balai polis di negeri Melaka dan juga di negeri-negeri lain.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah terserah kepada pihak-pihak yang berkenaan.

SEKIM KEMALANGAN "NO-FAULT"

5. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Undang-undang menyatakan hasil lawatan oleh Timbalan Menteri Undang-undang ke Negeri New Zealand mengenai "Tuntutan Tanggungan Ta'Salah" dan samada undang-undang seperti ini akan dimulakan di Malaysia dan sekiranya dikuatkuasakan, adakah undang-undang ini meliputi semua kemalangan dengan tidak mengira jenis.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab untuk Menteri Undang-undang Rombongan yang membuat lawatan ke New Zealand dalam bulan Mei tahun ini telah dapat bertemu dan berbincang dengan pihak-pihak penting yang ada kaitan dengan sekim kemalangan "no-fault" yang dijalankan di New Zealand, terutama sekali Ahli-ahli Suruhanjaya Pampasan Kemalangan, iaitu badan yang bertanggungjawab bagi melaksanakan sekim itu. Dari perjumpaan dan perbincangan ini rombongan itu telah dapat memahami sekim New Zealand ini dengan lebih mendalam lagi dan juga telah mendapat penjelasan mengenai berbagai-bagai aspek sekim itu serta mengetahui selok-belok perjalanan sekim itu dari segi praktiknya. Pengalaman yang diperolehi oleh rombongan tersebut dari lawatannya adalah merupakan satu faedah besar bagi usaha menubuhkan suatu Sekim Pampasan Kemalangan Jalanraya di Negara ini.

Sebagai satu langkah penting dalam usaha tersebut, pada masa ini sebuah jawatankuasa bernama Jawatankuasa Pampasan Kemalangan Jalanraya yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang sedang menyediakan sebuah laporan mengenai kemungkinan mengadakan sekim tersebut di sini. Langkah ini diambil berikutan dari arahan Jemaah Menteri. Laporan Jawatankuasa tersebut, apabila siap tidak berapa lama lagi, akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri untuk dipertimbangkan. Soal samada sekim itu serta undang-undang baginya, akan diadakan di Malaysia akan diputuskan setelah Jemaah Menteri mengkaji dan menimbang laporan itu.

Tugas Jawatankuasa tersebut adalah terhad kepada pengkajian kemungkinan mengadakan sekim untuk kemalangan jalanraya sahaja dan tidaklah meliputi kemalangan-kemalangan jenis yang lain.

PEMBIAKAN IKAN PERAIRAN MALAYSIA

6. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Pertanian menyatakan apakah usaha-usaha yang berkesan yang telah dijalankan oleh Kementerian untuk mem-banyakkan lagi ikan di perairan kita kerana sebahagian besar rakyat kita adalah nelayan.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar untuk mem-banyak atau menambahkan bilangan ikan di laut kerana perkara ini adalah berkaitan dengan alam semula-jadi. Walau bagaimanapun usaha-usaha telah dijalankan supaya subur ikan yang ada ini tidak merosot dengan mengambil beberapa tindakan.

Yang pertama, penangkapan ikan yang berlebihan daripada maksima yang boleh didapati dengan menghadkan bilangan lesen-lesen penangkapan ikan.

Yang kedua, penangkapan anak-anak ikan dengan cara mengharamkan pukut-pukat yang mempunyai mata pukut yang kecil.

Yang ketiga, penangkapan ikan di kawasan-kawasan terutamanya diperairan tepi pantai yang menjadi tempat pembiakan bagi ikan-ikan dan juga udang serta ketam dan lain-lain oleh pukut-pukat yang tertentu seperti pukut tunda. Dan selain daripada itu

Jabatan Perikanan juga telah berusaha mengambil langkah-langkah yang lain seperti mengadakan terumbu laut bagi kegunaan ikan bersarang dan menguatkan lagi aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dan sebagainya.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua Kalau tak silap saya salah satu daripada hujah-hujah yang diberi semasa Kerajaan kita menolak permintaan Kerajaan Inggeris supaya penerbangan kapalterbang Concorde dibenarkan diperairan kita ialah kerana dengung bunyi Concorde itu akan menakutkan ikan ataupun mematikan ikan. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri samada dengan pengharaman Concorde melalui perairan kita samada ikan akan bertambah banyak di perairan kita (*Ketawa*).

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Di atas perkara ini saya akan berhubung terlebih dahulu dengan Menteri Perhubungan sebab saya belum dapat mengetahui setakat mana kekuatan enjin Concorde itu yang akan melalui daratan Malaysia.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan berkenaan menambah ikan-ikan di tepi laut di negara kita. Kita tahu keadaan baik berkenaan menambah ikan di tepi laut kita. Apa tindakan yang diambil ikan dari masa ke semasa kurang dan nelayan-nelayan akan bertambah. Sebab apa tindakan yang diambil oleh Menteri tidak satisfy atau menarik perhatian nelayan-nelayan yang tidak boleh mendapat jalan yang baik untuk menjaga taraf hidup mereka dan dengan sebab keadaan ini adakah Kementerian mengambil tindakan untuk membolehkan nelayan-nelayan bekerja di tempat-tempat lain atau buat kerja lain seperti oil palm, agriculture dan lain-lain.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini oleh kerana terlalu panjang soalnya saya naik bingung apa maksud yang sebenarnya. Agak saya Yang Berhormat ini minta iaitu selain daripada mata pencarian sebagai nelayan apakah tindakan Kementerian untuk mencari mata pencarian yang lain—itu maksudnya. Kalau ini maksudnya Kementerian saya telahpun berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang mempunyai

tanah seperti Kerajaan Negeri Trengganu, Kedah, dan Perak dan tindakan telah diambil oleh Kerajaan Negeri Trengganu bagi mengurangkan jumlah nelayan-nelayan terutama nelayan kecil di tepi pantai supaya mereka dapat mengubah mata pencariannya menjadi petani-petani. Ini telah diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri Trengganu dan rundingan-rundingan sedang dibuat kepada Kerajaan Negeri yang mempunyai tanah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya pendek dan tidak mahu membingunkan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya oleh kerana keluar daripada kilang-kilang air racun-racun itu satu daripada faktor yang mengurangkan dan mematikan ikan, sebab itu ikan tidak berkembang. Adakah ini satu daripada sebab-sebabnya?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Ada sebahagian daripadanya air kimia yang mengalir ke laut tetapi ini tidaklah banyak sangat. Tetapi yang menjadi masalah besar ialah pencerobohan daripada sebahagian orang-orang yang tidak mematuhi peraturan-peraturan menangkap ikan, misalnya, pukuk-pukuk tunda yang ditentukan ke tengah 12 batu atau 15 batu ke laut tetapi mereka cuba mencuri menangkap ikan di kawasan-kawasan pantai. Ini yang menghabiskan anak dan cucu ikan yang menyebabkan ikan kekurangan dalam negara kita. Tetapi dari segi racun pendapat Yang Berhormat ini satu daripadanya boleh diakui kerana mati sumber-sumber ikan.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, masalah ikan di Pantai Timur adalah satu masalah yang besar. Sebagaimana yang kita tahu dan Menteri Pertanian tahu banyak negeri-negeri dalam dunia ini sudah meluaskan kawasan perikanan masing-masing sampai 200 batu. Tetapi bagi Malaysia yang kebanyakan penduduk-penduduk di Pantai Timurnya bergantung kepada perikanan, kawasan seperti ini sehingga sekarang belum lagi dibuat keputusan dan tidak diambil tindakan, padahal kita tahu sehingga baru-baru ini Kerajaan Russia sendiri sudah meluaskan laut perikanan sampai 200 batu. Kalau sekiranya kawasan di Pantai Timur seumpama Trengganu, Kelantan dan Pahang yang lautnya sampai beribu-ribu batu jauh

ke tengah kenapa kita tidak meluaskan laut perikanan kita sampai 200 batu? Yang demikian, pukuk-pukuk yang ada iaitu, pukuk-pukuk tunda dan sebagainya yang besar-besar itu kita suruh mereka tangkap ikan di tengah laut. Yang ada sekarang ini oleh kerana laut menangkap ikan hanya 12 batu sahaja dari pantai, jadi kawasan inilah yang menjadi pergolakan, pertelingkahan dan yang menjadi peperangan di antara tuan-tuan punya pukuk-pukuk dan tidak dapat hendak dikawal. Kalau sekiranya kita luaskan perairan perikanan kita ini lebih daripada 12 batu, maka setengah nelayan yang berada boleh pergi ke tengah laut dan yang miskin-miskin pula boleh memukat di tepi pantai.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Saya faham, Tuan Yang di-Pertua, tujuan soalan itu walaupun ianya merupakan penerangan sahaja tetapi saya faham apa maksudnya. Maksudnya mengapa Kementerian tidak menggalakkan menangkap ikan hingga kepada 200 batu. Sebenarnya, Kementerian saya telah lama menggalakkan supaya nelayan-nelayan ini menangkap ikan bukan setakat 12 batu, kalau boleh sampai 50 batu, 200 batu, 300 batu pun lagi baik. Ini yang digalakkan oleh Kementerian dan lesen-lesen pukuk tunda yang seperti itu kita akan keluarkan bila-bila masa, tetapi malang sedikit nelayan-nelayan ini walaupun pengakuan mereka akan menangkap ikan 50 sampai 200 batu tetapi apabila lesen diberi dia akan berpusing dekat pantai itu juga. Dia tidak mahu pergi ke tengah. Tetapi walau bagaimanapun, usaha sedang dibuat dengan pihak Korea mengadakan satu joint venture dengan pihak Majuikan telah menjalankan penyiasatan soal sumber ikan di kawasan 12 batu yakni di Sarawak dan juga sebelah Pantai Timur sedang berjalan pada masa ini. Apabila ini mendapat kejayaan yang bagus, insya Allah, pihak Majuikan akan membuat kapal yang lebih besar lagi untuk menangkap ikan jauh ke tengah sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara yang berlaku itu bukan begitu. Apa yang berlaku di Pantai Timur sekarang ini oleh kerana tidak dideclarekan laut perikanan itu 200 batu maka penangkap-penangkap ikan dari negeri-negeri lain seumpama dari Thailand dan Taiwan memasuki di kawasan laut kita.

Jadi inilah yang menjadikan pihak nelayan nelayan ini ketakutan. Beberapa kali sudah berlaku iaitu apakala pihak Thailand masuk ke laut Trengganu, oleh kerana kita ini cuma declare 12 batu sahaja laut perikanan kita maka mereka masuk itu di luar 15 batu. Jadi walaupun pihak Kementerian ini menggalakkan nelayan-nelayan tempatan supaya keluar lebih daripada 12 batu tetapi mereka mendapat persaingan dengan nelayan-nelayan antarabangsa iaitu Taiwan, Thailand dan sebagainya. Lainlah kalau kita declarekan laut perikanan kita 200 batu maka kita ada hak menegah mereka masuk. Mereka ini monopoli perairan kita itu.

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pandangan Yang Berhormat ini. Sebenarnya, apa yang saya faham soal mengistiharkan perairan Malaysia ini hingga 200 batu masih lagi dalam perbincangan di Bangsa-bangsa Bersatu. Saya harap Yang Berhormat ini bersabar dan ini tidak boleh diambil dan diistiharkan oleh Kementerian saya, kerana terpaksa berunding di peringkat Antara Bangsa.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat soalan tambahan iaitu sebab kekurangan ikan. Adakah Kementerian Pertanian ini sudah mula menyiasat iaitu mengahwinkan jenis-jenis ikan macam mengahwinkan nangka dengan cempedak.

Yang keduanya, adakah dia menabur benih-benih ikan di laut menggunakan kapal-kapal. Apa yang kita dengar dibuat di darat sahaja, Datuk Haji Mustapha sendiri saya ingat pernah ada bersama menaburkan 50 ekor yang dikeluarkan dalam TV.

Yang ketiga, adakah kerana ikan sekarang sudah bijak, Tuan Yang di-Pertua, ada congressnya untuk menyelamatkan nyawa kita, kita mesti lari dari tepi pantai. Adakah Timbalan Menteri tahu hal ini?

Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal mengahwinkan jenis ikan ini, saya fikir pada masa ini belum lagi dapat kita jalankan. Apa yang kita perlu sekarang ini untuk membiakkan jenis-jenis ikan terutama daripada ikan darat dan juga ikan-ikan di laut ini kita adakan turumbu-turumbu untuk ikan ini bersarang dan bertelur sebab dia ini saya fikir tidak

perlu sangat dikahwinkan, yang mustahak ialah ditempatkan di mana mereka ini boleh bertelur dan bersarang. Misalnya, kita gunakan seberapa banyak tayar-tayar buruk di pulau-pulau yang banyak sumber ikan seperti di Pulau Pisang, di Perak dan juga di Pulau Pinang yang sudah dibuat oleh Kementerian ini telah bertambah sumber ikan di dalam kawasan yang tersebut. Itulah sahaja yang dapat dibuat tetapi soal mengahwinkan ikan barangkali di antara ikan bawah dengan senagin ini belum dapat dijayakan lagi. Kalau Yang Berhormat ini dapat memberi tahu di mana pakar yang sanggup mengahwinkan ikan ini, insya Allah, Kementerian ini akan berhubung.

BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

7. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan menyatakan apakah tindakan yang akan diambil mengenai kerap kali berlakunya banjir hujan lebat di Wilayah Persekutuan dan tergendalanya kelicinan perjalanan lalulintas di jalanraya dan kesukaran kepada mereka yang tinggal di kawasan-kawasan yang rendah.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, sebagai langkah untuk mengurang dan mengatasi masalah banjir di Wilayah Persekutuan, Jabatan Parit dan Taliair serta Dewan Bandaraya di bawah Kementerian saya telah menjalankan kajian-kajian seperti berikut:

- (1) Memperbaiki Sungai Bunus dan pembinaan sebuah kolam takungan peringkat I. Ini akan dapat mengatasi masalah banjir di Jalan Pekeliling dan Kampung Bahru.
- (2) Memperbaiki alihan Sungai Bunus peringkat II (Sungai Bunus by-pass), kerja-kerja termasuk memperbaiki pementong yang sedia ada. Ini akan memberi perlindungan banjir yang lebih berkesan di Jalan Pekeliling dan Kampung Bahru.
- (3) Memperbaiki Sungai Penchala peringkat I. Ini akan dapat mengatasi masalah banjir yang melibatkan beberapa buah kilang perusahaan dekat Jalan 222.

- (4) Memperbaiki Sungai Penchala peringkat II. Ini akan dapat menyediakan pengaliran yang licin untuk Sungai Penchala.
- (5) Kerja-kerja perparitan di Batu 4½ Jalan Kelang Lama. Kerja-kerja sedang berjalan dan ini akan dapat menyelesaikan masalah banjir di Batu 4¼ di Jalan Kelang Lama.
- (6) Memperbaiki Sungai Kuyah. Ini akan dapat mengatasi masalah banjir di jalan keretapi Serdang.
- (7) Memperbaiki Sungai Batang Tolak. Sebuah jambatan akan dibina untuk menggantikan pementong yang ada.
- (8) Memperbaiki Sungai Kerayung. Ini akan dapat mengatasi masalah banjir di Jalan Kuchai Lama dan juga memperbaiki aliran-aliran beberapa sungai-sungai lagi iaitu Sungai Keruh, Sungai Jinjang, Sungai Untut, Sungai Anak Ayer Batu dan juga memperbaiki sistem perparitan di kawasan Cheras.

Pendek kata, Tuan Yang di-Pertua, semua aliran sungai yang sebu hendak dikorek dan dilawaskan.

DEKLARASI KUALA LUMPUR

8. Tuan Ali bin Ahmad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap dan pendirian Malaysia terhadap satu kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri Singapura pada 20hb Oktober, 1977 dalam akhbar US news dan World Report "bahawa Amerika-mestilah mengimbang Kuasa Tentera Laut Soviet untuk mengelakkan pengaruhnya di Asia" memandangkan bahawa kedua-dua negara Malaysia dan Singapura adalah anggota ASEAN.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, di dalam perkara ini Tuan Lee Kuan Yew sebagai Perdana Menteri Singapura adalah berhak memberikan pendapatnya tentang satu-satu persoalan politik di rantau ini. Apa yang kita harapkan ialah Deklarasi Kuala Lumpur yang telah kita persetujui bersama untuk menjadikan rantau ini aman, bebas dan berkecuali di pegang teguh.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Peperangan Vietnam, di kawasan Indo-China telahpun tamat dan

Asia adalah termasuk dalam kawasan Asia Tenggara di mana Malaysia sebuah negeri di dalam ASEAN, dan kita telah mengadakan pakatan perkongsian tidak membenarkan mana-mana pihak tentera di dalam kawasan tersebut, adakah Kerajaan Malaysia sedar jika kita membenarkan tentera Soviet Union dan Amerika dalam kawasan Asia Tenggara, kawasan ini boleh menjadi amat sensitif sekali lagi. Di atas hal itu, tidakkah patut Kerajaan membuat satu bantahan oleh sebab kita mengadakan satu pakatan perkongsian antara pemimpin-pemimpin ASEAN dan jika seseorang pemimpin mengeluarkan satu perkara yang tidak sesuai dalam pandangan pemimpin-pemimpin ASEAN bolehlah kita membuat bantahan iaitu perkara yang disebutkan dalam Forum itu tidak patut dibuat oleh sesiapa pun.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, benarlah begitu konsep aman, bebas dan berkecuali telahpun kita cadangkan sebagai principle exponent pada konsep ini yang telahpun dipersetujui oleh negara-negara ASEAN pada tahun 1971 dengan nama "Deklarasi Kuala Lumpur" supaya kawasan ini akan tidak menjadi satu kawasan rivalry di antara kuasa-kuasa besar. Kita ketahui, jikalau kuasa-kuasa besar menggunakan Asia Tenggara kita ini sebagai arena, kita sebagai negara yang kecil akan menjadi mangsa seperti kata orang tua-tua "gajah di hutan berbalah, maka binatang kecil yang dalam rumput sekelian akan menjadi mangsa". Jadi, dengan konsep ini jugalah maka pandangan kita bahawa kawasan ini perlu dijadikan kawasan aman, bebas dan berkecuali. Kita harap kuasa-kuasa besar tidak akan menggunakan kawasan ini sebagai kawasan rivalry sama juga mengadakan tentera-tentera mereka ataupun base-base tenteranya di kawasan ini. Itulah salah satu daripada konsep untuk mengadakan konsep aman, bebas dan berkecuali. Maka pada pandangan saya sungguhpun konsep ini benar begitu dan jika ada satu-satu perkara, pandangan-pandangan yang dibuat ini adalah pendapat perseorangan maka mereka boleh memberi pandangan. Tetapi sebaliknya negara-negara yang ada di sini khususnya negara-negara ASEAN sentiasa menjalankan konsep ini supaya pada masa akan datang dengan wujudnya konsep ini keadaan dan kestabilan negara ini akan tercapai dan keselamatan akan terjamin pada masa akan datang.

CUKAI IMPOT BUAH-BUAHAN

9. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau masih lagi memikirkan mustahak untuk mengenakan cukai yang tinggi bagi buah-buahan yang dibawa masuk ke dalam negara ini memandangkan pelbagai jenis buah-buahan tempatan yang terhad itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, penganan cukai impot bagi buah-buahan yang dibawa masuk ke dalam negeri ini masih perlu untuk menggalakkan penanaman buah-buahan tempatan supaya jenis dan jumlah bekalannya dapat ditambah. Kerajaan telah juga memberi galakan lain seperti "plantation allowance" kepada penanam-penanam buah-buahan tempatan. Di samping memberi galakan kepada petani-petani, harus juga kita memperkenalkan kepada orang-orang luar negeri bahawa buah-buahan tempatan adalah tidak kurang mutu dan zatnya jika dibanding dengan buah-buahan yang diimport. Kita harus juga berbangga dengan buah-buahan tempatan dan perlulah menggalakkan rakyat Malaysia mengenali buah-buahan tempatan dan tidak hanya mengenali buah-buahan luar negeri seperti epal, anggur dan sebagainya.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Masaalahnya begini, Tuan Yang di-Pertua, kalau apple itu barangkali buah luar negeri yang orang Malaysia ini tidak begitu suka; bukan ia semula jadi. Tetapi kalau limau umpamanya, limau yang datang dari negeri China lain betul manisnya, keadaannya dengan limau yang ditanam di Cameron Highlands dan lain-lain. Bolehkah buah limau itu diturunkan cukainya sedikit supaya ia boleh masuk ke negeri kita sedangkan petani di sini, hatta Kerajaan sendiri pun tidak boleh mengatasi limau yang original dari negeri China itu. Itu yang saya maksudkan. Bolehkah kita turunkan cukai, buah apple dan buah-buah lain itu boleh dinaikkan, kecuali limau.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu memang terdengar dari semasa ke semasa di negeri kita, akan tetapi saya percaya sekarang kita mempunyai satu dasar yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian kita yang sedang membuat kajian

supaya kita membaiki jenis limau tempatan kita dan jika pada satu masa keadaan pada keseluruhannya memerlukan cadangan itu, tentulah akan dapat ditimbangkan.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan ada mengatakan penyelidikan berkenaan buah-buahan tempatan di Malaysia ini kurang dibuat. MARDI tidak mendapat peruntukan wang yang cukup untuk mengadakan penyelidikan yang baik sekali dan dengan sebab itu buah-buahan tempatan tidak dapat dipopularisekan di negara kita yang banyak penduduk-penduduk di negara kita tidak mahu makan buah-buahan tempatan, yang mereka suka makan ialah apple, seperti limau (oranges) dan sebagainya. Saya tahu di Cameron Highlands ada banyak plantations yang cuba menanam oranges tetapi limau-limau yang didapati di situ tidak sedap dan manis, dan ada yang kurang air di dalam limau-limau itu. Saya tahu ini barangkali tidak ada kaitan dengan Kementerian tetapi bolehkah Kementerian bercadang untuk memberi peruntukan yang lebih sedikit kepada MARDI untuk membolehkan MARDI mengadakan penyelidikan yang baik sekali.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya masalah ini mengenai kekurangan wang untuk membiayai kajian ataupun penyelidikan dalam Kementerian Pertanian, saya fikir eloklah pihak Perbendaharaan menunggu satu masa apabila Kementerian itu minta perbekalan yang lebih lagi.

TAMBANG PERCUMA LAWATAN KE LUAR NEGERI

10. Datuk Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Perdana Menteri berapa jumlah kakitangan Kerajaan yang bermohon mendapatkan tambang percuma mengelilingi dunia dalam tahun 1977 dan apakah kelayakan bagi mendapat hak keistimewaan ini dan tindakkah ini berupa lanjutan amalan yang dibuat dalam zaman penjajah serta nyatakan apa faedahnya.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kakitangan Kerajaan yang memohon mendapatkan kemudahan tambang

percuma untuk lawatan ke luar negeri sekali dalam perkhidmatannya dengan Kerajaan dalam tahun 1977 ialah seramai 180 orang dan kesemua permohonan itu telah diluluskan.

Kelayakan untuk mendapat kemudahan tersebut ialah:

- (i) Pegawai Perkhidmatan Awam yang menjawat jawatan dalam Bahagian I pada atau sebelum 14hb November, 1970 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 10 tahun sebelum tarikh lawatan ke luar negeri itu.
- (ii) Pegawai Perkhidmatan Pelajaran yang menjawat jawatan dalam Bahagian I pada atau sebelum 15hb Disember, 1971 dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya selama 10 tahun sebelum tarikh lawatan ke luar negeri.

Kemudahan dengan syarat-syarat yang tersebut adalah antara syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dalam Bahagian I yang terkandung di dalam Perintah Am Bab "C" yang diluluskan sebelum mencapai kemerdekaan. Sebenarnya apabila Lapuran Suruhanjaya Gaji Suffian dan Lapuran Suruhanjaya Gaji Aziz dilaksanakan. Kerajaan telah menarik balik kemudahan ini daripada pegawai-pegawai Kerajaan. Tetapi oleh kerana kakitangan yang berkhidmat sebelum pelaksanaan Suruhanjaya Gaji Suffian dan Suruhanjaya Gaji Aziz itu mempunyai harapan untuk mendapatkan kemudahan tambang percuma untuk lawatan ke luar negeri itu, maka pihak Kerajaan telah memutuskan supaya kelayakan itu diteruskan tetapi terhad kepada mereka itu sahaja. Walau bagaimanapun, pegawai-pegawai Bahagian yang diambil berkhidmat semenjak pelaksanaan Skim Gaji Suruhanjaya Di Raja Suffian tidak ditawarkan keistimewaan yang tersebut.

Faedah yang diperolehi bagi lawatan ke luar negeri sekali seumur hidup oleh kakitangan yang berkenaan adalah merupakan pengetahuan dan pengalaman yang lebih luas daripada yang diketahuinya sebelum melawat ke luar negeri dan pengetahuan dan pengalaman yang baru itu jika digunakannya akan menambah mutu perkhidmatan mereka kepada Kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah perkhidmatan ini diluaskan kepada pegawai-pegawai yang beragama Islam diliputkan lawatannya ke Mekah?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kelayakan pegawai-pegawai yang beragama Islam untuk menunaikan fardu Haji ialah ada di dalam peruntukan yang lain dalam Bab "C" juga.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dengan mengadakan dua tingkatan bahawasannya mereka yang bekerja sebelum pelaksanaan Lapuran Suffian membolehkan mereka itu mendapat hak-hak keistimewaan untuk melawat ke luar negeri akan terjadi satu keadaan perselisihan faham, pendapat pegawai baru dengan pegawai lama dan apabila telah terdapat gejala tidak sefahaman ini; ini akan mengakibatkan kepada perkhidmatan awam seluruhnya. Adakah Kerajaan sedar yang perkara ini berlaku? Jika sedar, mengapa tidak mahu tarik balik, sebab itu amalan penajahan.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, kakitangan yang baharu dilantik sudah tahu tentang syarat-syarat mereka dan kakitangan yang dahulunya bekerja sebelum pelaksanaan Lapuran Suffian ada kemudahan seperti ini dan mereka juga mengetahui tentang kemudahan itu. Kerana itulah Kerajaan telah meluluskan supaya mereka yang ada kelayakan sebelum dilaksanakan Lapuran Suffian boleh terus menikmati kemudahan ini tetapi kakitangan yang baru tidak dapat. Kerajaan tidak sedar bahawa ada antara pegawai-pegawai itu yang tidak berpuas hati.

ORDINAN KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA

11. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Kewangan menyatakan samada Menteri dapat menimbang untuk meminda Ordinan K.W.S.P. berhubung dengan penanam Penama sebelum berkahwin oleh seseorang pencarum, tetapi setelah berkahwin, penamaan yang dibuat sebelum berkahwin itu harus dibatalkan, sepertimana yang terdapat

dalam peruntukan "Wills Ordinance 1959" untuk mengelakkan kesukaran kepada tanggungan-tanggungan yang sah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1951 untuk membolehkan penamaan-penamaan yang dibuat sebelum kahwin menjadi terbatal apabila pencarum yang membuat penamaan itu berkahwin.

Penamaan-penamaan boleh dibuat dan boleh dibatalkan oleh seseorang pencarum pada bila-bila masa sahaja dengan memenuhi borang yang boleh didapati dari Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Adalah dinasihatkan supaya pencarum-pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membuat penamaan baru apabila mereka berkahwin untuk memastikan yang isteri/suami mereka akan menerima kredit mereka apabila orang yang membuat penamaan itu meninggal dunia.

Dari semasa kesemasa pencarum-pencarum adalah diingatkan supaya membuat penamaan atau menukar penamaan mereka menurut taraf perkahwinan mereka. Peringatan-peringatan demikian terkandung dalam penyata kira-kira yang dikeluarkan pada tiap-tiap tahun dan dihantar kepada mereka yang masih membuat caruman.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Kedua sekarang". (19hb Disember 1977).

3.42 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, pada hari kelmarin saya telah bercakap di dalam soal iktisad bumiputra. Dan saya tidak mahu bercakap panjang seperti Ahli Yang Berhormat dari Johor, tetapi setengah sahaja jadilah daripada masa yang dicakannya itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan bumiputra dalam lapangan perniagaan dan perusahaan yang telah digalakkan oleh Kerajaan dan kita minta supaya UDA menjalankan perkara ini. Pada hari ini kita nampak dan kita semak bersama-sama iaitu UDA yang saya katakan pada hari semalam apa yang UDA telah jalankan ialah untuk membeli saham 30% daripada orang lain. Cuma untuk menenggek sahaja. Tetapi bukan mengambil bahagian (participation) yang penting, tidak, cuma mengambil 30% dan 30% UDA tidak ada bersuara langsung. Kalau beginilah peranan yang dimainkan oleh UDA, UDA akan dikudakan oleh orang selama-lamanya. Apabila saya bertanya berkenaan dengan perkara ini, akan dijawab UDA apabila sudah siap rumah, kita beri 10% diskaun kepada bumiputra. Itulah sahaja keuntungan 10% kepada bumiputra yang mempunyai duit. Itulah yang akan mendapat rumah dengan 10% diskaun. Tetapi bagaimana bahan-bahan untuk membuat rumah itu dalam satu perusahaan perumahan bumiputra tidak diberi peluang oleh badan-badan yang membuat rumah-rumah ini. Dengan sebab itu Kementerian yang bertanggungjawab terpaksa menengokkan perkara ini. Perkara ini mesti kita semak. Saya tidak sekali-kali menyalahkan Pengerusi UDA. Saya memandang Pengerusi UDA sebagai seorang yang berkebolehan tetapi bagaimana orang di bawahnya yang kita sangka boleh menjalankan peranannya. Kita sangka mereka 150% adalah berdiri di belakang kita. Tetapi kadangkala kita membuat salah atau silap, Tuan Yang di-Pertua. Ini sama-sama terpaksa kita tengok. Kita tengok macam mana gaya Hotel Century pada hari ini, bukan kerana salah Pengerusi UDA, tidak, tetapi orang yang di bawahnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap ini bukan kerana benci kepada UDA tetapi UDA jangan dijadikan perkakas kepada orang lain. Jangan kerana UDA; badan-badan yang berdampingan dengan UDA senang-senang mendapat tukar syarat itu dan ini. Sebab itu berdampingan dengan UDA. Ini yang kita tidak mahu. Apa sebabnya UDA tidak boleh membuat projeknya sendiri? Kalau tidak boleh bagaimana UDA mesti didirikan. Kalau tidak, bagaimana UDA hendak menjalankan peranannya untuk meninggikan taraf hidup bumiputra.

Saya tahu, setengah-setengah pegawai-pegawai UDA semata-mata kerana makan gaji; datang pukul 8.30 pagi balik pukul 4.30 petang. Di dalam dunia perniagaan dan perusahaan tidak boleh begitu! Datang pukul 8.30 pagi balik 4.30 petang Kalau hendak pun balik pukul 3.00 petang. Modal ini adalah modal Kerajaan. Modal ini datang-nya daripada rakyat. Kalau UDA bankrupt tidak siapa yang peduli. Kalau inilah caranya sampai dunia kiamat pun iktisad bumiputra tidak siapa yang boleh memperbaikinya. Dengan sebab itu, tugas pegawai-pegawai UDA bukan sahaja niatnya makan gaji tetapi adalah satu tujuan di dalam tempoh 20 tahun yang akan datang, tidak sampai pun 20 tahun tetapi 12 tahun yang akan datang UDA boleh memainkan peranan yang penting supaya dapat dipenuhi sekurang-kurangnya 30% iktisad bangsa kita orang Melayu yang ada di dalam Dasar Ekonomi Baru dapat dipertingkatkan. Ini adalah cita-cita semua orang termasuk Perdana Menteri, Menteri-menteri dan kita semua. Ini kita bising sedikit bukan kerana apa, tidak, kerana rakyat bumiputra berkehendakkan sekurang-kurangnya selepas 40 tahun mencapai kemerdekaan, 20 tahun sudah lepas, tinggal 12 tahun lagi, bermakna 32 tahun, sekurang-kurangnya 30% dapat dikecapi nikmatnya oleh bumiputra.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bercakap sedikit berkenaan dengan kemiskinan. Kemiskinan tidak memandang kepada bangsa, tidak memandang kepada ugama dan tidak memandang kepada kaum.

Negeri ini, Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak tengok lekas menjadi kominis, orang miskin kita biarkan meleset begitu sahaja, jadi lekas datang penyakit kominis. Apa sebabnya negeri kita kaya-raya dengan minyak, baru-baru ini kita dapati nisbahnya seperti kelapa sawit dan segala-galanya, tetapi 80% daripada rakyatnya miskin. Kalau kita pergi ke Eropah misalnya Denmark, Sweden, Norway negeri-negeri yang sejuk di sana yang tidak ada apapun tetapi rakyatnya senang-lenang. Kita ada mempunyai getah, bijih timah, minyak dan sebagainya dan kalau kita tengok orang kita mendirikan rumah di tepi-tepi jalan kereta- api, duduk di tanah-tanah haram tidak mempunyai rumah langsung baik apa

bangsa. Saya mengatakan begitu kerana kemiskinan tidak memandang bangsa, kemiskinan cuma diketahui oleh perut masing-masing, kalau misalnya lapar, mereka itu tahu nasib masing-masing. Jadi di sini tidak kira bangsa dan kita terpaksa membasmi kemiskinan dengan seberapa segera yang boleh.

Cuba kita tengok Singapura, apabila kita katakan Singapura nanti ada Menteri-menteri menjawab: Singapura bolehlah, sebab negerinya kecil sahaja. Tetapi kalau kita mengatakan di sini macam mana kita tidak boleh, sebab kita ada mempunyai banyak minyak dan sebagainya. Penduduk di Malaysia ini cuma ada 12 million sahaja tetapi kalau di Singapura $2\frac{1}{2}$ juta manusia dalam pulau yang begitu kecil. Mengapa hampir 90% daripada penduduknya pada hari ini telah mempunyai rumah walaupun duduk dalam flat. Sebagaimana dibanci di Kuala Lumpur baru-baru ini didapati hampir 150,000 families yang tidak mempunyai rumah yang telah bertahun-tahun. Katalah 1-2 tahun atau tiga tahun tidak menjadi apa sebab negeri baru merdeka, tetapi 4, 5, 6, 7 dan sekarang sudah 20 tahun bila lagi kita hendak buat, kita cuma ada Sulaiman Flats sebanyak 4-5 buah dan kita ada buat di Sungai Besi. Tetapi kita tidak buat dengan betul-betul, kita tidak berazam betul-betul untuk membuatnya. Betul dikatakan Rome tidak boleh dibina dalam satu hari, tetapi ini bukan satu hari, Tuan Yang di-Pertua, tetapi 20 tahun lamanya hendak menanti bila lagi? Bila semua orang mati, barulah hendak mendirikan rumah-rumah. Ini tidak bermakna membuat rumah batu besar-besar, tetapi yang kecil-kecil yang boleh mampu untuk rakyat yang miskin

Developers membuat rumah-rumah yang berharga \$45,000-\$50,000 sekurang-kurangnya di Kuala Lumpur dan \$28,000 pula untuk rumah murah apa ini? Rumah apa yang dibuat? Kerajaan tidak mengatakan kepada Developers 50% daripada rumah yang engkau buat mestilah yang berharga \$7,000. Boleh dibuat, bukan tidak boleh buat, 50% engkau boleh untung, tetapi 50% untuk orang miskin tidak payah untung, tetapi tidak—tidak dibuat begini. Ini adalah salahnya kepada Kementerian Perumahan. Mengapa tidak diadakan condition di dalamnya mengatakan sekurang-kurangnya 50% daripada rumah-rumah ini mesti dibuat, yang kita tahu iaitu tiap-tiap rakyat di

dalam negeri ini perlu diberi jaminan untuk hidup di dalam negeri ini dengan mempunyai rumah sendiri. Tetapi ini cuma dikatakan membuat rumah murah, ada association, kononnya ada pengerusi, tetapi pengerusinya pun Developer sendiri. Dia pun hendak untung, dia kata begitu sahaja, tiap-tiap Kerajaan Negeri buat begitu dan Bandaraya pun serupa juga. Begitu banyak State land, bekas tanah lombong, tanah ini katakan tak usah diberi kepada orang kaya sekarang diberi kepada orang miskin, kalau katakanlah \$3 satu kaki, ini 50 sen satu kaki, kerana ini tanah Kerajaan yang begitu banyak bekas tanah lombong. Mengapa tidak dibuat? Kalau Kerajaan hendak \$3, \$5, \$6 sekaki daripada orang miskin, itu menghisap darah mereka. Kata kita hendak menolong membasmi kemiskinan, membasmi kemiskinan apa? Jadi Kementerian yang bertanggungjawab baik siapa juga kita tidak mahu dijawab cuma dijawab sahaja, kita tidak mahu mendengar Menteri menjawab kerana suka hendak menjawab. Kita di sini datang samada Senator atau Wakil Rakyat adalah bertanggungjawab untuk rakyat, bukan kita duduk di sini untuk memamakan kerusi sahaja untuk mengatakan "ya" belaka.

Kita duduk dalam negeri berdemokrasi, negeri yang berdaulat, kita tidak hendak duduk dalam negeri yang dikatakan "robot" demokrasi, yang boleh berjalan bila dikatakan "jalan", tangkap orang itu—tangkap; katakan gigit orang itu—gigit, kita tidak mahu duduk dalam negeri robot. Jadi dengan sebab itu ubat untuk menjauhkan komunis ini bukan dengan senjata, bukan dengan peluru, tetapi Yang Teramat Mulia Tunku telah mengatakan pada masa yang lalu adalah benar, bukan untuk ditembak, mati satu atau dua seratus datang, yang benar sekali, katanya, roti (bread), nasi, beras, pakaian, perumahan inilah yang boleh kita membasmi fahaman komunis dan membasmi kemiskinan. Ini adalah penting bukan kerana untuk apa—tidak sekali-kali, tetapi ini adalah hasrat hati semua rakyat.

Selain daripada itu kemiskinan seperti squatters di pekan-pekan, pekerja di dalam kilang-kilang dan juga kita dapati di kampung-kampung dan New Villages dan estate-estate tidak kira apa bangsa. Kemiskinan ini kalau dikatakan di sawah, di masa penjajah dahulu orang bersawah, orang bertani hidup meleset betul.

Semalam telah dikatakan dalam taklimat oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh mengatakan iaitu di negeri Jepun orang tani dibela oleh Kerajaan kerana orang tanilah hidupan kita semuanya, bukan dia Tuhan—tidak, tetapi dia mengeluarkan beras, padi, kalau mereka tidak tanam, tentu kita tidak boleh makan. Dengan sebab itu orang tani ini mesti dibela baik-baik; Kerajaan cuma memberi bantuan tidak ada dibela, saya rasa Kerajaan kita telah banyak membela, mengadakan taliair dan sebagainya. Tetapi di negeri lain pun ada taliair, ada itu dan ini, tetapi yang penting sekali bukan taliair hendak ditambah, hidupnya tidak boleh senang, macam mana orang duduk dalam bandar. Subsidi yang benar-benar subsidi hendaklah diberi sebagaimana di negeri Jepun, segala instruction hendaklah diberi, tidak usahlah tanam padi lagi. Nah! Ambil duit ini dan duduk diam-diam. Hidup petani pada hari ini lebih mulia lagi daripada zaman-zaman dahulu.

Semalam Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh telah mengatakan iaitu pada masa akan datang, saya mengalu-alukan mengenai duit yang akan diberi kepada petani-petani tidak lagi subsidi-subsidi, tetapi duit tidak diberi kepadanya. Ini memang bagus dan syabas kalau diluluskan oleh Kerajaan, saham-saham yang begini bertaburan banyak diberikan kepada mereka untuk mereka. Orang-orang bertani ini pada masa yang akan datang ia juga dapat mengecap kemakmuran dalam negerinya sendiri.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap berkenaan dengan nelayan ini, kita ada MAJUIKAN dan sebagainya tetapi MAJUIKAN tidak maju betul. Sudah berapa lama MAJUIKAN tiga empat tahun MAJUIKAN. Apa kemajuan yang kita dapati, berubah sedikit, ini tidak ada perubahan dan mesti lekas. Yang kita hendak, hendak tengok lekas. Kita tengok nelayan kita sebelah Pantai Timor, Pantai Barat ini saya tengok masih lagi berkayuh sampan. Kais pagi, makan pagi; kais petang, makan petang. Orang tengah masih hidup lagi, banyak lagi hidup. Saya pergi ke Pulau Angsa, itu belum pergi ke Sungai Buluh lagi, di situ sudah ada orang tengah ini membeli bawal, beli senangin di tengah-tengah laut. Apa yang dibuat oleh MAJUIKAN. Apa yang dibuatnya? Tidak ada apa. Bunyinya

sedap MAJUIKAN, entah apa yang maju, kalau ikan berenang itu memang majulah dia. Tetapi manusia yang menangkap ikan itu tidak maju. Ini patut ditengokkan. Ditengok benar-benar bukan nama sahaja. Nama sahaja MAJUIKAN tetapi tidak maju.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tenaga. Tadi saya bercakap berkenaan dengan tenaga. Sekarang saya bangkitkan lagi soal tenaga, Tuan Yang di-Pertua. Siapa yang hendak datang ke negeri kita untuk menanam modal jikalau tenaga tidak cukup. Tiap-tiap kali rosak dua tiga jam, kalau sehari dua tiga jam, sebulan katakan dua tiga empat jam, kalau setahun berapa banyak orang rugi. Ini semua orang complain di atas perkara ini. Cuma hendak menjawab sahaja, tiap-tiap hari ini juga hendak ditanya, tetapi tidak betul-betul bagaimana. Macam mana orang luar negeri hendak menanam modal. Bukan senang-senang kalau empat jam kalau tenaga tidak ada, gaji orang yang hendak dibayar segala-galanya hendak dibayar, bahan mentah jahanam. L.L.N. tidak tahu perkara ini. L.L.N. kata kalau tidak ada sudah, notis pun tidak diberi, apa pun tidak diberi, suruh orang tanam modal. Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bersama-sama dengan Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam mestilah berhubung rapat. Orang tahu, semua orang tahu yang tenaga kurang. Dahulu satu masa, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dia kata bila saya tanya dia kata Cameron Highlands air tidak ada, air kurang sebab itu letrik dengan tenaga air sudah tidak ada macam mana hendak buat ini Tuhan punya fasal. Kita ini bodoh, dengan sebab itu boleh dipermainkan begitu sahaja. Lepas itu hujan lebat, hujan sudah banyak pergi lagi sekali. Macam mana, Apa tidak ada tenaga lagi? Baharulah tahu iaitu power station di Port Dickson belum siap-siap. Ini perkara benar cuma hendak mengelakkan sahaja. Kalau tidak ada, katakan belum siap lagi tetapi mengapa hendak mengelak-elak dan katakan Tuhan yang salah, berdosa orang itu yang mengatakan begitu. Itu dia kalau hendak menarik modal dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh berkenaan dengan judi di Genting Highlands. Ini saya minta pihak Treasury menengokkan sedikit perkara ini. Saya telah dilapurkan orang iaitu Genting Highlands

ini orang itu melarikan cukai judi. Ada Inspector Cukai daripada Treasury, dia beri duit untuk bermain, dia tidak ada memeriksa tetapi dia bermain judi sama, dan dalam satu minggu, beg wang itu dekat-dekat \$500,000 tidak ada berkira, pergi naik ke atas. Saya bercakap ini ada alasan, bukan bercakap-cakap sahaja. Tetapi jangan orang itu dibuang kerja. Orang itu boleh datang ke depan. Jadi kalau begini, rugi besar Kerajaan. Ini bersabit dengan cukai, katakan kita memang biarkan orang ini berjudi; orang berjudi kata Ugama Islam—saya bukan ustaz, saya ada sedikit-sedikit sahaja belajar lebai sahaja. Berjudi salah tetapi apa boleh buat oleh kerana negara berkehendakkan kewangan berjudilah bukan saya berjudi. Orang berjudi, dialah yang berdosa. Jadi cukai ini jangan dilarikan. Ini dapat kita membaiki untuk menolong orang miskin dan sebagainya. Ini dapat dilarikan, tolong siasat di atas perkara ini. Ada pula Chief Minister kita berjudi sampai rugi \$120,000 semalam. Dia pula menggalakkan orang-orang itu berjudi. Tidak usahlah tanya saya dari mana Chief Minister itu datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan ini kerana kita boleh mendapat hasil yang lebih daripada perjudian ini. Bukan saya menggalakkan—tidak, sebab Kerajaan sudah katakan begitu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya menyetujui berkenaan dengan Road Transport, Keretapi dan juga Kapal terbang. Kelmarin Yang Berhormat Datuk Ahmad Arshad menyatakan berkenaan dengan Pengurus Besar Keretapi Tanah Melayu. Saya memberi tahniah kepada Pengurus Besar Keretapi kerana tugasnya begitu baik, kerjanya bagus, tetapi apa boleh buat, orang kata begitu begini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita naik keretapi, servicenya cukup buruk sekali. Sekarang ini baik sedikit, tetapi itu pun buruk. Kantin keretapi itu cukup kotor, diletakkan nun di belakang sana. Relnya kecil. Orang daripada hadapan hendak berjalan ke belakang sekali, tentu sahaja sukar hendak berjalan, tambahan pula hendak bawa anak dengan berdokong sampai ke belakang. Bagaimanakah fikiran orang-orang ini? Kotornya Tuhan sahaja yang tahu. Itu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, Keretapi dikatakan tak boleh untung oleh

sebab inilah. Selain daripada itu, dalam perniagaan kita mesti tengok masa-masanya, masa Krismes dan hari-hari perayaan yang lain mesti diletakkan extra coach dan sebagainya. Orang berduyun-duyun hendak beli tiket, tak ada tiket, jadi macam mana perniagaan? Sebab itu Kerajaan rugi, tidak dibuat secara perniagaan. Ini hak government, peduli apa. Attitude beginilah menjahanamkan Keretapi. Selain daripada itu, Keretapi ini juga di waktu-waktu yang tertentu saya minta ditambah coach-coachnya supaya kita tidak payah lagi esok dikatakan rugi dan hendak ditambah duit lagi.

Berkenaan dengan kapal terbang, saya sudah katakan dulu. Apa yang saya katakan dulu, iaitu spare parts berharga hampir \$40 million di lapangan terbang dibiarkan begitu sahaja, tidak boleh digunakan untuk DC-10. Sudah \$40 million tidak boleh digunakan. Saya diberitahu oleh siapa? Ada orang Pakistan yang menjadi engineer di syarikat MAS, saya berani bercakap kerana dia sudah balik ke negerinya \$40 million tersangkut begitu sahaja dan hendak membaiki kapal terbang MAS hendak dihantar ke Sydney, dari Sydney dihantar ke Hongkong. Inilah satu daripada sebab-sebabnya kita mendapat kerugian; management kita salah. Hari itu kapal terbang jatuh, seorang Menteri, beberapa orang pegawai tinggi kita dan rakyat yang mati. Kita diberi tahu selepas kemalangan itu di Airport dijaga cukup keras, sudah tidak ada lagi apa-apa. Tetapi pada 15 haribulan baru-baru ini cuba tanya, ada seorang pemuda dapat lepas masuk ke dalam kapal terbang. Katakanlah budak itu gila atau stowaway, kalau dia buat gila di atas kapal terbang jahanam kapal terbang itu. Bagaimana security di situ? Kita diberi tahu airport dijaga cukup betul dan tak boleh orang masuk. Budak berumur 14 tahun, 16 tahun dapat masuk pada 15 haribulan yang lalu ini. Bagaimana security di situ. Kejadian ini General Manager syarikat itulah yang bertanggungjawab. Kalau hendak jumpa General Manager itu lebih baik jumpa Tuhan daripada jumpa dia.

Selain daripada itu berkenaan dengan Road Transport. Mengenai Road Transport, pada satu hari saya telah berjumpa dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya katakan semua orang sudah tahu corruption di Road Transport ini besar sangat, banyak betul corruptionnya. Itu betul, katanya.

Tetapi kita sudah banyak tukarkan pegawai-pegawai di R.I.M.V. Selangor. Oleh kerana 4 bulan surat tak berjawab-jawab, saya pun pergi berjumpa Ketua R.I.M.V. Selangor. Betul katanya, dahulu kalau pangkat saya ini dia dapat lebih \$20,000 sebulan duit suap. Kalau Examiner dapat \$15,000 hingga \$20,000 sebulan, kalau pemeriksa motokar \$12,000 hingga \$15,000 sebulan. Tak usah tanya apa buktinya, this is the talk of the town, kata bahasa Inggeris, saya bahasa Inggeris sedikit-sedikit saya boleh cakap, saya dengar orang berkata begitu. Inilah dia, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak lesen memandu kena membayar \$150, \$100 kepada pemeriksa lesen L dan \$50 extra untuk membayar kepada orang lain, kalau tidak beri tidak lulus ujian bawa kereta. Ini fact, betul. Kalau hendak tanya kenapa tak buktikan, kalau orang sudah pass dia tak hendak merepotnya. Begitu juga corruption kalau orang yang beri corruption boleh untuk \$100,000 apa fasal hendak report, corruption bodoh. Itu sebabnya perkara ini hendaklah ditengok betul-betul kerana kalau bapanya menjadi ketua transport, anaknya menjual lesen, habis jahanam. Begitu juga dalam pekan kalau misalnya bapanya berkuasa dalam pekan Kuala Lumpur, anaknya pun boleh mengutip duit berapa banyak untuk rumah murah, satu rumah murah \$500. Ini cakap orang, anti-corruption siasatan. Jangan kata Raja Nong Chik mesti siasat ini, bukan kerja saya hendak menyiasat perkara ini, kalau tidak jadikan saya chief, kalau mahu tahu.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta mendapat kerjasama di atas perkara ini dan selain daripada itu saya tak kuasa bercakap panjang, saya sudah berjanji dengan Tuan Yang di-Pertua tadi tak mahu bercakap panjang lebih daripada itu. Apa yang saya katakan tadi ini adalah dari hati ke hati supaya dapat kita menikmati kedudukan baik dalam negeri kita. Apa yang saya katakan tadi dan pada hari semalam kita mesti ingat-ingat musuh kita dalam selimut iaitu kominis yang ada di kalangan kita. Kalau kita mengatakan kominis di dalam hutan dan di bawah tanah itu lebih merbahaya, tetapi kominis yang di dalam pocket kita lebih merbahaya lagi, kerana selain daripada Samad Ismail, Dollah Ahmad, Dollah Majid banyak lagi yang ada berkeliaran yang tidak ditangkap dan yang tidak ditahan. Ini membahayakan negeri kita

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, persidangan ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.20 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.40 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa kita cuma ada masa hari ini dan hari esok sahaja, kemudian malam esok Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab dan lagi pada hari Jumaat. Kemudian kita terus meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan ini dan memandangkan kita ada sedikit masa lagi untuk perbincangan dan memandangkan ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini, kita akan terus membincangkan Rang Undang-undang ini sehingga larut malam, mulai malam ini dan malam esok. Walau bagaimanapun saya meminta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat memendek-mendekkan ucapan seberapa yang boleh oleh kerana Menteri-menteri akan menjawab pada malam esok. Sepatutnya pada petang esok Menteri-menteri akan menjawab selama dua hari, tetapi dipinda malam esok supaya Yang Berhormat Menteri-menteri boleh menjawab.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, kita telah hilang satu hari untuk perbincangan semalam oleh kerana kematian Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil. Untuk membolehkan saya memperuntukkan masa bagi tiap-tiap Ahli Yang Berhormat, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin bercakap sila tunjuk tangan.

Saya dapati lebih kurang 25 orang akan bercakap. Jika 15 minit untuk tiap seorang, memakan masa 6 jam sekurang-kurangnya. Saya diberitahu ada Ahli-ahli yang hendak bercakap 5-10 minit sahaja, tetapi ada yang hendak bercakap selama 20 minit. Saya minta kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi peluang tiap-tiap Ahli Yang Berhormat boleh dapat mengambil bahagian dalam perbincangan ini iaitu saya mencadangkan sekarang kita boleh memanjangkan

masa sampai pukul 9.00 malam ini dan esok malam hingga pukul 10.00 malam kerana kita perlu tempohkan satu jam kerana ada tahlil dari jam 6.30 hingga 7.30 malam. Jadi bolehlah kita cadangkan persidangan tamat pukul 9.00 malam ini. Saya minta sekali lagi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk meringkaskan ucapan.

Sekarang saya minta Yang Berhormat Encik Kam Woon Wah berucap dahulu.

4.48 ptg.

Tuan Kam Woon Wah: Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya ucapan Belanjawan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk tahun 1978 baru-baru ini adalah memuaskan dan tiap-tiap orang akan gembira kerana tiada cukai yang dicadangkan dan lagi pun dalam tahun 1977 telah mencapai lebih kurang 8% tambahan ekonomi dalam syarat benar. Tetapi ada kemungkinannya bahawa akan merosot sedikit jika pelaksanaan ekonomi negara-negara perindustrian diperlahankan lagi. Untuk menghadapi cabaran tersebut, satu cara yang telah ditunjukkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah terletak pada rakyat sendiri yang telah diperkatakan oleh beliau yang dapat saya petikkan:

(Dengan izin) Truly our national vehemence and indeed our national strength have been sustained by the rich resources which God has blessed us with. These resources are not only derived from God's good earth in terms of our traditional primary commodities which now include petroleum as well, but also and even more importantly from our rich national heritage in terms of the unique qualities, skills and ingenuity that has evolved from the contribution of all our people belonging to our multi-racial society. Our national heritage provides our national assets and indeed our blessings as well.

Tuan Yang di-Pertua, beliau telah memberi galakan kepada rakyat istimewanya sektor swasta supaya dapat mencapai lebih tambahan dalam masa-masa yang akan datang. Masalahnya sekarang adalah bahawa sektor swasta tidak bergerak secepat sebagaimana Kerajaan mahukannya. Sebab apa? Bolehkah dikatakan sebab banyak red-tape, banyak gangguan, banyak korupsi, terlalu banyak pentadbiran yang salah, polisi-polisi dari kedua-dua Kerajaan Pusat dan

Kerajaan-kerajaan Negeri. Terlalu banyak pajakan oleh wakil-wakil Kerajaan seperti PERNAS, UDA, MARA, SEDC, dan sebagainya. Faktor-faktor inilah yang akan diperiksa dan dapat menghancurkan dan saya percaya Kerajaan ada kemampuan dan kebolehan untuk berbuat demikian bagi kepuasan semua. Biasanya sektor swasta menubuhkan sahaja kepada dua faktor iaitu penanaman modal dan teknologi. Tiada apa-apa masalah tentang penanaman modal kerana bank-bank kami dipenuhi dengan wang. Tetapi kami tidak mempunyai teknologi yang cukup dan seharusnya kami mencarinya dari luar negeri serta juga bersedia membayar untuknya atau kami boleh mengajak pemodal-pemodal dari luar. Rakyat kami mestilah bekerja kuat dan mengambil peluang untuk bercampur-cukup dalam semua rancangan yang dijalankan oleh Kerajaan supaya keuntungan tidak didapati oleh pemodal-pemodal luar, sebaliknya rakyat kami dapat keuntungan itu. Dalam apa hal juga pemodal-pemodal luar negeri tidak akan datang jikalau Kerajaan tidak dapat menyelesaikan masalah yang tersebut di atas dan sama juga jikalau sektor swasta kami tidak bergerak dengan cepat.

Faktor yang lain pula ialah bahawa sektor swasta tidak mahu banyak gangguan atas pertalian dengan bangsa, istimewanya tajuk-tajuk yang dibuat oleh ahli politik halus yang membawa perasaan ketakutan dan kemarahan kepada rakyat kami. Kenyataan-kenyataan mereka adalah counter productive oleh kerana rakyat kami adalah orang yang terpelajar dan mereka mahu aman dan damai dalam negara supaya semua orang akan maju. Kami di sini cuma memberi tahu dua misal pengalaman yang saya telah saksikan.

Pertama, baharu-baharu ini saya bersama-sama dengan sekumpulan kawan saya yang bukan beragama Islam berhenti untuk makan di sebuah kedai kopi di bandar Maran, Pahang berdekatan dengan Bank Bumiputra yang diusahakan oleh seorang perempuan Melayu telah terkejut apabila tidak diminta membayar untuk makanan kerana hari itu adalah Hariraya Haji. Dengan sertamerta seorang di antara kami berkata: "Makcik, ini tidak adil sebab kami bukan Muslim atau Haji". Jawab perempuan Melayu itu: "Ini tidak membuat apa-apa perbezaan kepada saya, kalau awak

semua bukan Melayu atau Haji. Hari ini adalah Hariraya Haji semua orang adalah dipersilakan ke kedai saya dan makan percuma dengan tidak kira apa bangsa atau agama". Dia telah sesungguhnya memberi misalan yang terang dari kebanyakan orang-orang kami yang tidak memilih atas dasar bangsa atau agama.

Satu lagi saksi yang terang mengenai perasaan orang-orang kami boleh didapati dalam banyak aktiviti-aktiviti kesukanan. Bila Malaysia mengadakan perlawanan dengan sebuah negara luar, awak dapat melihat penuntun-penuntun tidak kira apa bangsa mereka itu, muda dan dewasa kesemua bersorak dan menjerit untuk Malaysia. Pemain-pemain kamipun baik apa bangsa berlawan untuk kemajuan, kehormatan dan nama baik Malaysia, agar kami berharap pengulas-pengulas ultras kami tidak akan membuat apa-apa lagi kenyataan yang mengemparkan dan kadang-kadang merumitkan dan memberi gambaran yang mana mudahan-mudahan tidak akan merendahkan bangsa yang damai di negeri ini. Kenyataan seperti "Saya akan pulang ke kampung jikalau polisi saya tidak menguntungkan orang Melayu" atau "Polisi Ekonomi Baru Sabah sebanyak 49% pemilik-pemilik tanah dibahagi-bahagikan kepada Bumiputra," adalah berselisih dengan Polisi Ekonomi Baru Persekutuan.

Ucapan daripada saudara saya Yang Berhormat Datuk Arshad di sini kelmarin . . .

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak betulkan sedikit. Nama saya ialah Datuk Haji Ahmad Arshad.

Tuan Kam Woon Wah: Saya minta maaf. Tidak apalah saudara saya. Seperti kedudukan kerusi-kerusi Parlimen dan Dewan Negeri haruslah mengikut berbagai bangsa di dalam negeri ini. Ini adalah sangat bahaya kerana ini akan mendekatkan kami dengan undang-undang apartheid dari Afrika Selatan yang mana dikutuk (condemn) oleh seluruh dunia. Saya mendesak Kerajaan untuk menghapuskan mereka, tidak peduli siapa dia supaya rakyat kami boleh bergerak ke hadapan bersama-sama. Polisi Kerajaan kami ialah bagi menentukan bahawa kemajuan ekonomi mencapai tujuan-tujuan untuk membasmi kemiskinan dan masyarakat diberi rangka baharu dengan tidak mengira

apa bangsa juga. President Sadat baru-baru ini telah mengatakan tidak ada bangsa sepatutnya memperolehi kekayaan atas orang lain yang bersusah hati no race should build his happiness on the unhappiness of others.

Marilah kita semua menurut sikap itu dan hidup atas dasar beri dan ambil dan menolong satu sama lain supaya negara keseluruhannya boleh maju dan bergerak ke hadapan menuju kekayaan yang besar untuk semua.

4.59 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kerana diberi peluang dalam membahaskan usul Menteri Kewangan iaitu Budget tahun 1978.

Saya bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain mengucapkan terima kasih banyak kerana Budget ini tidak membebankan rakyat yang begitu banyak dan sayugia dikatakan bahawa kesan-kesan daripada Budget ini tidak begitu memberatkan rakyat yang ada dalam negara kita.

Satu perkara yang saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Menteri dan Kerajaan ialah menyamakan cukai-cukai Kastam dalam negara kita ini iaitu menghapuskan keistimewaan yang ada pada Pulau Pinang. Serangkai kata, orang Pulau Pinang marahkan saya oleh sebab saya berkata demikian. Tetapi Pulau Pinang sendiri mesti fikir bahawa orang Tanjung sahaja yang bernasib baik, orang Seberang Perai nasibnya sama dengan orang yang ada di tanah besar negeri-negeri lain sekalipun dalam satu negeri. Diskriminasi ini sudahpun dihapuskan dan ini satu perkara baharu yang patut kita banggakan dan sebagaimana Kerajaan menghadapi masalah dan kesusahan yang timbul sedikit sebanyak kepada orang-orang di Pulau Pinang itu sendiri. Walau bagaimanapun saya fikir ada lagi tempat free tax yang patut dikaji supaya tidak ada satu tempat pun dalam Semenanjung ataupun dalam Malaysia ini yang keadaannya tidak serupa. Kawasan Kastam ini harus sama dan kita harus membayar cukai yang sama, harga yang sama, kadar yang sama dan tanggungjawab yang sama, bukan saya orang daripada Pantai Timur maka saya membuat ucapan

ini tetapi ini satu kelohan hati yang patut saya kelohkan kepada Dewan ini mengucap-kan berbanyak terima kasih kepada Kerajaan.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, lanjutan daripada ucapan saya yang pendek, yang dihadkan cuma sepuluh minit sahaja oleh sebab keadaan-keadaan yang tidak mengizinkan tetapi saya tidak boleh berkata lebih daripada itu, hanya saya berjanji bahawa saya akan mempercepatkan ucapan saya supaya habis semua perkara yang saya hendak cakapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sekarang sudah mengutukkan satu jumlah yang besar hampir-hampir \$500 juta kerana membuat jalan-jalan di luar bandar. Nisbah pada tujuannya sangat baik tetapi Kerajaan harus mengingatkan tenaga pemaju, pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang masih kekurangan. Umpamanya, kekurangan jurutera, kekurangan pembantu jurutera, kekurangan pembantu teknik; ini semua perkara-perkara atau gejala-gejala yang tidak boleh menjayakan dengan sepenuhnya kalau usaha-usaha ini tidak dipenuhkan. Kerajaan harus memandang jauh bagi mendapatkan atau membanyakkan usahawan-usahawan ini supaya membanyakkan juru-teknik dalam negeri kita. Jikalau banyak sekali pun duit yang kita peruntukkan jikalau pengawasannya tidak sempurna maka keadaan ini berlaku kerugian kepada kita. Walau bagaimanapun, saya sambut usaha memperuntukkan wang hampir-hampir \$500 juta ini, satu usaha yang baik.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang berat sekarang dihadapi oleh rakyat dalam negara ialah masalah api. Saya tidak menyentuh api letrik rosak dua tiga malam ataupun dua tiga hari tetapi masalahnya sekarang ini kita sudah 20 tahun menghadapi dua tiga rancangan pembangunan negara, negara kita masih ada lagi tempat-tempat yang tidak ada atau tidak dimasuki kuasa letrik. Pada hari ini Kerajaan Persekutuan telah menghadapi masalah bahagian peruntukan negeri telah ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan iaitu dua pertiga daripada peruntukan ditanggung oleh Kerajaan Pusat, satu pertiga ditanggung oleh Lembaga Letrik Negara. Tetapi dengan langkah yang dibuat oleh Lembaga Letrik Negara hari ini, dia tidak berubah, jalan cara lama itu memang dikekalkan sampai

bila-bila masa. Walaupun orang lain yang bertelur, yang memberi modal tetapi kecekapan L.L.N. ada terbatas dan batasan itu mengikut susunan asal. Saya mohon kepada Kerajaan menengok L.L.N. ini, kalau perlu mesti diletakkan di bawah satu Kementerian khas.

Saya mencadangkan, walaupun suara saya kecil bahawa L.L.N. ini diletakkan di bawah Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan Awam. Ia harus diletakkan di bawah Kementerian Tenaga dan Pengguna supaya benda ini ditanggungjawabkan oleh seorang Menteri yang betul-betul bukan Menteri yang ada hari ini, tidak betul sebab banyak sangat yang dia hendak tanggung. Menteri Perhubungan sampai 8 Kementerian yang dia jaga, atas setem pun dia jaga, kapal, pelabuhan, kapalterbang, keretapi, Bank Nasional, Pos, Talikom dan lain-lain lagi. Mengapa kita tidak agihkan? Kita ambil L.L.N. ini di bawah satu Menteri yang khusus. Sebab sekarang rakyat sudah 20 tahun masih lagi berjalan. Pada masa kita hendak merdeka dahulu, pemimpin negara kita bercakap, bila negeri kita merdeka kita boleh buat letrik, kita boleh beri letrik. Ini rakyat masih ingat, Tuan Yang di-Pertua. Masih banyak kawasan yang tidak ada api 24 jam. Masih ada kampung yang tidak merasa nikmat kemerdekaan. Belum ada jalan yang masuk, belum ada api dan belum ada air. Kita mengatakan, kita membawa investment daripada luar negeri tetapi kita kurang perancangan asas, kita masih belum ada jalan, belum ada api, belum ada air. Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan semacam ini tidak dipertikaikan, kalau tidak dipernyatakan dengan keras, kita akan menghadapi masalah ini di masa hadapan. Apakah masalah ini belum dijawab setelah 20 tahun kita merdeka. Sehingga sekarang, hendak memilih kayu untuk menjadikan tiang itu pun ada committee. Di antara balai, cengal, kempas, keruing ada committee, budak-budak pun tahu. Kempas ini kalau tak bubuh minyak akan hancur. Kita ambil sahaja seperti benda-benda lain, mengapa hendak sampai diadakan committee? Memilih kayu pakai committee. Ini hal L.L.N.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu lagi perkara Bandaraya yang patut dipersungutkan. Percakapan saya harus tidak teratur, kerana saya hendak menyelamatkan masa. Kita adakan kawasan perindustrian di bandar Kuala Lumpur ini. Kita adakan kawasan

yang kedua di Sungai Besi, tumbuhlah perusahaan di situ. Orang Tionghua ada, orang India ada menjalankan perusahaan roti. Orang Tionghua buat workshop, sambung besi dan sebagainya. Orang Melayu pun ada perusahaan suratkhobar di situ. Sungai Besi selalu putus perhubungan, api putus, talipon putus, kadang-kadang tergendala pula disebabkan banjir. Jalan Dua, Jalan Tiga itu kawasan industri, sepatutnya mesti dibuat asas. Bandaraya patut buat jalan. Dua tahun dahulu diambil daripada swasta \$7,000 konon hendak buat jalan, sekarang sudah masuk 4 tahun tidak ada cerita. Kalau sekiranya ada investment daripada luar hendak joint venture dengan kompeni Tionghua/Bumiputra atau orang Tionghua yang sederhana, sekali pandang Sungai Besi dia pun naik muak. Di sana—sini besi, semua besi, tempat pun besi, kita pun jadi besi, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Dia hendak pilih Shah Alam, berapa banyak dia mesti mempunyai wang, berapa banyak tenaga yang mesti dicurahkan lagi, sebanyak mana modal yang kita boleh ada? Kita bercakap: Oh! Bank Bumiputra mahu keluarkan \$84 juta, sahamnya akan dijual kepada bumiputra. Jikalau usaha-usaha yang kecil tidak dibentuk, di mana datangnya. Saya tidak suruh setingan di Sungai Besi itu pindah tetapi jalan itu patut dibetulkan. Ini jalan sampai ke hujung, ini jalan sempit, ini air, ini api, ini jalan—cukup. Yang dibetulkan di tengah bandar sahaja.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit berkenaan masalah jalan. Jalan Karak/Kuala Lumpur kita berbangga satu jalan yang baik, memakan belanja lebih \$100 juta. Saya ingin bertanya, jalan lama itu apa hendak buat, jalan lama Karak/Kuala Lumpur. Nampaknya dia pusing, potong, lintas yang lama juga, sehingga lori kadang-kadang kalau tidak terbakar berek, mati atas bukit, tidak boleh jalan. Macam mana kita punya akitek, engineer yang membuat jalan yang macam itu. Kadang-kadang saya turut takut kalau putus berek, sudah sallallah-alaihi-nabi—120 kaki. Tuan Yang di-Pertua, yang kita rugikan kerana kontrek itu kontrek luar negeri yang boleh kita suruh, yang boleh kita pandu buat begini, buat begini. Kemudian bila kita bercakap di sini, mereka gaduh “Awak mana tahu?” kata mereka. Apabila

sudah siap kita yang tahu. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada Kerajaan apakah sudahnya jalan lama ini iaitu di antara Kuala Lumpur dengan Karak? Adakah Kerajaan akan membiayai jalan ini, diperbaiki supaya seimbang dengan jalan lama dengan Karak Highway dan kalau sekiranya Kerajaan tidak memperbaiki jalan lama itu akan tinggallah jalan itu; maka rugilah duit rakyat selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih sangsi dalam rancangan Kerajaan hendak membuka jalan hendak beri kepada swasta iaitu pembukaan jalan di dalam negara ini bukan sahaja Kerajaan buat tetapi swasta buat dengan mengambil tol. Satu-satu jalan bukan ratus ribu malahan juta, berpuluh-puluh juta dan kadangkala ratus juta. Ambil tol sahaja, berapa lama duit tol ini boleh cukup dan saya takut kalau-kalau kampeni yang menjadi Kerajaan dalam negeri kita sebab pernah berlaku ada kampeni letrik yang memberikan perkhidmatan api, dia berkuasa lebih daripada L.L.N. sendiri walaupun pengawalannya dibuat oleh L.L.N. Jadi masalah memberi kepada swasta membuat jalan ini, saya fikir Kerajaan patut timbang dua kali, tetapi saya sokong untuk mengatasi kekurangan tenaga di negara kita dan Kerajaan patut beri kontrek membuat jalan. Saya sudah bangkitkan dalam Dewan ini beberapa kali, sehingga sekarang tidak ada Menteri menjawab bila saya bercakap. Entah tidak didengar atau tidak faham—wallah-hu-alam. Adakah dalam negara kita sudah 20 tahun merdeka orang daripada negeri Pahang hendak pergi ke Cameron Highlands mesti pergi ke Selangor, melalui Perak baru sampai ke Cameron Highlands. Apa sebabnya tidak boleh dibuat jalan keselamatan daripada Cameron Highlands ke Raub, lebih kurang 32 batu sahaja. Fasal apa? Menteri Kerja Raya tidak jawab ini, dia bencikan saya, apa boleh buat. Bertemu lagi sehingga tahun 1983 insya Allah, jikalau saya tidak diambil Tuhan umur saya, saya bangkitkan dalam sebuah negeri kita ini 20 tahun merdeka tidak sedarkah? Adakah Kerajaan Pahang tidak beri tanah—cakap! Kita boleh rombak Kerajaan kita, kita boleh gunakan tenaga kita, kalau betul-betul Kerajaan Pahang tidak beri. Tetapi saya tidak fikir Kerajaan Pahang tidak beri. Saya pernah bercakap, Tuan Yang di-Pertua, jalan mesti dibuat daripada Kuala Krai, daripada

Gua Musang ke Kuala Lipis, tidak dipedulikan. Bila darurat sudah habis, kominis mengganas, baru hendak dibuat. Sekarang baru hendak survey, Kerajaan Belgium yang survey, modalnya beratus-ratus juta tetapi tidak apalah kalau sudah bersetuju pada principle tetapi masaalah yang saya cakap dalam Dewan ini perkara yang benar yang patut kita perhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak begitu marah kalau sekiranya sekiranya peruntukan perbahasan ini 10 hari, perbahasan ini cuma 5 hari, Menteri menjawab 2 hari, Ahli Dewan 56 orang bercakap 3 hari, takdir Tuhan kita pula kemalangan—ambil sehari. Ini yang patut difikirkan mengapa bila Budget, bila hari Ucapan Titah Diraja, Dewan Negara ini bercakap hanya 3 atau 4 hari sahaja. Adakah tidak mahu beri kita bercakap? Kalau mahu kita tidak bercakap, naikkan elaun (*Ketawa*). Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat bukan wang yang saya pandang

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Untuk penjelasan. Jikalau begitu kata Yang Berhormat Datuk Haji Abdul Razak, mengapa dia tidak mencadangkan atau mengesyorkan kepada Dewan ini supaya Yang Berhormat dua tiga orang itu dipendekkan ucapan mereka, buat pindaan kepada Aturan Mesyuarat.

Datuk Haji Abdul Razak bin Husain: Tuan Yang di-Pertua, bila kita sampai lepas daripada mula perjalanan, kita tidak tahu di mana drebar hendak bawa kita. Bila sampai simpang, baru tahu. Jadi, hujung simpang baru tahu, kalau awal-awal tadi, sayapun tegur juga. Ini adalah perkara yang pertama yang kita cakapkan. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, insya Allah sampai pukul 3.00 pagi pun saya tunggu, tetapi Menteri tidak mahu tunggu, selebih-lebihnya pukul 9.00 habislah, sebab malam Sabtu ini kena malam baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, kerana saya hendak menyentuh pakaian Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya, saya tertarik hati dengan pakaian yang telah digunakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sebagai Cancellor Universiti Teknologi Malaysia. Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua pakai songkok, sebab sayapun bawa songkok tetapi pada hari-hari

yang utama songkok ini kadang-kadang tidak hormat juga jikalau ada orang yang pakai dasar. Mengikut adat resam Melayu, jikalau Raja pada waktu itu pakai dasar, pakai setangan, pakai tanjak, kita dalam Majlis lebih-lebih Tuan Yang di-Pertua sebagai orang yang utama mesti pakai dasar. Sebab mengikut adat resam Melayu, jikalau Raja itu pakai uniform dalam istananya; dia pakai tanjak, orang yang ada dalam istana mesti pakai tanjak. Jadi sekarang ini oleh sebab pada hari Ucapan Titah Di Raja Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pakai tanjak, saya mencadangkan supaya Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat atau Dewan Negara supaya memakai tanjak supaya adalah wakil kami sekurang-kurangnya Tuan Yang di-Pertua yang pakai tanjak. Jadi kalau sekiranya Tuan Yang di-Pertua pakai songkok, nampaknya mudah sedikti. Ini saya minta Tuan Yang di-Pertua kaji semula memakai tanjak pada hari yang tertentu, pada hari kebesaran, pada hari Ucapan Titah Di Raja, pada hari-hari biasa ini saya bersetuju, Tuan Yang di-Pertua pakai songkok dan kadangkala kalau panas bukalah, macam saya ini. Saya harap perkara ini Tuan Yang di-Pertua dapat disampaikan kepada pihak yang boleh menimbangkan cara manakah Tuan Yang di-Pertua memakai, menggantikan wig yang telah tidak ada itu.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya masih tidak puas hati terhadap sistem pentadbiran iaitu layanan kepada pegawai tadbir kita iaitu mereka yang berkhidmat sebelum Suffian Report yakni pada masa ini sekurang-kurangnya Division I dan Super-scale officer diberi peluang mengelilingi dunia. Tetapi mereka, pegawai-pegawai muda yang keluar daripada universiti dalam negeri dan luar negeri yang berkhidmat dengan Kerajaan mengikut Sekim Lapuran Suffian setelah 10 tahun berkhidmat mereka diberi peluang melawat ke luar negeri.

Saya tidak bincangkan masaalah melawat itu samada berfaedah atau tidak berfaedah, tetapi apa yang saya perkatakan perasaan hati pegawai-pegawai muda ini kepada pegawai-pegawai tua. Yang lebih banyak sekarang ialah pegawai-pegawai muda. Apa salahnya untuk menjaga hati anak-anak yang muda biarlah sama-sama kita berkorban iaitu hapuskan trip (privilege) mengeliling

dunia itu supaya orang-orang muda ada perasaan kerjasama, perasaan serba salah ataupun iri hati.

Saya minta perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dipanjangkan. Kalau ada Menteri-menteri di dalam Dewan ini kepada pihak yang lebih berkenaan perasaan mereka yang tidak ada peluang itu dengan mereka yang ada peluang. Jadi dalam pentadbiran ini ada Kelas A dan Kelas B. Kalau tidak, kita beri semula Pegawai-pegawai Division I yang berkhidmat dengan Kerajaan lebih daripada 10 tahun ada hak melawat ke luar negeri walaupun namanya tidak dapat naik nombornya hingga dia bersara, dia puas hati. Sekurang-kurangnya saya boleh jadi calun juga, kata dia. Inilah amalan yang kita patut buat, sebab fikiran bukan sekali tiba, akal tidak sekali datang. Kerajaan kita pun dibentuk bukan tegap sebagai sebuah rumah. Dia dilengkapi satu demi satu dan pentadbiran pun begitu juga maka undang-undang itupun diwujudkan dan diadakan undang-undang, satu kelemahan diganti satu. Pada pandangan saya perkara ini perlu dipertimbangkan.

Akhirnya, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana saya hendak beri peluang kepada sahabat saya.

5.24 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, dengan nama Tuhan saya mulakan ucapan saya dalam perbahasan Ucapan Belanjawan 1978 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 19-12-77 dan terutama sekali ucapan terima kasih saya juga kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya mengemukakan pandangan-pandangan saya kepada pihak Kerajaan untuk diambil perhatian dan tindakan demi untuk kepentingan agama, bangsa dan negara kita yang dicintai.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Anggaran Belanjawan pada tahun ini seolah-olah suatu anggaran yang tidak hendak membebaskan rakyat dengan kenaikan-kenaikan cukai seperti tahun yang lepas dan tidak hairanlah kalau bagi pakar-pakar politik menamakan sebagai belanjawan untuk menghadapi pilihanraya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun demikian Kerajaan perlu mengatasi sebab-sebab yang boleh menaikkan harga barang-barang yang mungkin berlaku dari punca lain yang mana rakyat yang berpendapatan rendah juga akan menjadi mangsa keganasan setengah-setengah golongan pemodal di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan dalam bidang pembangunan lahiriah (material) yang telah diusahakan nampaknya hanya tertumpu kepada kawasan-kawasan yang telah maju lebih diutamakan daripada kawasan-kawasan yang kurang maju. Kalau dibandingkan di antara negeri-negeri walau apapun negeri-negeri yang kurang maju mendapat peruntukan yang kurang daripada negeri-negeri yang lebih maju. Kalau antara daerah-daerah pula, daerah-daerah yang mempunyai bandar-bandar besarlah yang akan mendapat peruntukan yang lebih.

Kalau kita ambil satu contoh, bagi negeri Kelantan sahaja misalnya peruntukan bagi pembangunan kesihatan, peruntukan yang lebih diberikan kepada daerah atau jajahan-jajahan yang mempunyai bandar-bandar besar diberi peruntukan pembinaan hospital-hospital. Manakala bagi daerah-daerah yang kecil dan yang tidak mempunyai bandar besar seperti jajahan Bachok misalnya peruntukan bagi membina sebuah hospital daerah pun tidak diberikan, bukan sahaja untuk tahun 1978 bahkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga pun tidak dimasukkan. Inilah suatu daripada contoh-contoh bahawa pembangunan lebih diutamakan di kawasan-kawasan bandar daripada kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam pembangunan industri. Industri apa yang telah dibawa oleh Kerajaan Pusat ke negeri Kelantan, negeri yang dikatakan kurang maju di dalam Malaysia ini. Saya juga tidak iri hati seperti Pulau Pinang dan lain-lain yang lebih maju, tetapi kalau kita baca report pembangunan industri negeri-negeri yang lebih maju, kita angkat tangan memberi tahniah. Tetapi kalau kita pandang kepada negeri-negeri yang kurang maju terutama di Kelantan amat jauh daripada yang kita jangka. Kepada siapa kita hendak salahkan, tanah tapak untuk industri telahpun disediakan oleh Kerajaan Negeri

itu. Mungkin pihak Kerajaan Pusat mengatakan pihak-pihak swasta sahaja yang tidak mahu datang ke Kelantan kerana infrastrukturnya tidak ada. Jalan perhubungan kurang baik, pelabuhan tidak ada, bekalan air dan api tidak mencukupi, kemudahan-kemudahan talipon semuanya tidak memuaskan. Inilah sebab-sebab kenapa swasta-swasta tidak tertarik melabur di negeri Kelantan. Mungkin dijawab oleh Kerajaan Pusat, Kerajaan tidak berupaya hendak memaksa pihak swasta datang ke sana. Kenapa Kerajaan Pusat tidak mengutamakan pembinaan Lebuhraya Timur-Barat yang telah begitu lama tidak siap supaya segera disiapkan. Kenapa rancangan pembinaan pelabuhan di Tumpat tidak diluluskan. Kenapa rancangan-rancangan perbekalan air di Kelantan yang juga memakan masa begitu lama tidak disegerakan dan bekalan api yang sentiasa tergendala di bawah Lembaga Letrik Negara itu diatasi supaya tidak ada sebarang gangguan lagi yang semuanya menamatkan pemodal-pemodal dan syarikat-syarikat datang membuka perusahaan di sana. Kepada siapa kita hendak salahkan ini semua? Patutkah kita hendak salahkan kepada rakyat luar bandar? Kuala Lumpur telah sedia maju dipermajukan lagi! Lebuhraya demi lebuhraya disediakan, negeri yang mundur tidak dilipatgandakan pembangunannya.

Menyentuh tentang suatu rancangan baru untuk menyerahkan tugas membina jalanraya kepada swasta-swasta dengan perbelanjaan mereka sendiri, hanya Kerajaan akan memberi hak kepada syarikat swasta itu berkuasa memungut tol di atas jalan tersebut. Saya bersetuju pada dasarnya dengan cara ini akan dapat mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dalam perbelanjaan pembinaan dan jagaan jalan-jalan seperti itu. Tetapi perlu diatasi kemungkinan-kemungkinan seperti mana yang telah disebutkan oleh saudara saya Yang Berhormat Datuk Abdul Razak tadi bahawa kuasa syarikat-syarikat itu hendaklah dikurangkan seperti dengan cara pembinaan jalan tersebut diusahamakan dengan ajen-agen atau badan-badan Kerajaan supaya terlepas daripada kuasa monopoli 100% oleh syarikat-syarikat swasta.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan rohaniah untuk membina peribadi yang baik kepada masyarakat kita di

Malaysia kerana kita ketahui tanpa peribadi yang baik masyarakat tidak akan berada di dalam keadaan aman dan tenteram.

Saya telah dengar berkali-kali Menteri kita menyatakan bahawa suatu Rang Undang-undang Moral akan dikemukakan dalam Parlimen untuk mengawal moral masyarakat Malaysia ini tanpa mengira agama masing-masing yang berasaskan Undang-undang Moral dalam Islam. Saya suka mendapat jawapan bilakah Undang-undang seperti ini hendak dikemukakan ke dalam Parlimen ini? Saya tidak mahu mendengar perkataan "akan diusahakan" sahaja. Saya mahu dengar sejauh mana usaha telah dilakukan oleh pihak Kerajaan, dan bila, tahun berapa atau dalam Rancangan Malaysia yang keberapa akan dilaksanakan atau sekurang-kurangnya bila dapat dibawa dalam Parlimen kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada Undang-undang Moral ini perlu dilaksanakan perlu juga Kerajaan melipatgandakan usaha dakwah Islamiah dan melipatgandakan pemberian kemudahan-kemudahan kepada badan-badan sukarela bagi menjalankan kegiatan dakwah Islamiah oleh mereka supaya mentaliti rakyat terutama yang beragama Islam ini dapat digembelngkan dengan pembangunan rohaniah Islam yang boleh menghancurkan fahaman komunis yang sentiasa mengancam keselamatan negara kita sekarang ini. Suatu cara yang boleh dilaksanakan bagi menampung perbelanjaan dakwah Islamiah ini iaitu wang zakat, baik zakat tanaman, ternakan, perniagaan dan perusahaan yang diwajibkan oleh agama Islam kepada orang-orang atau syarikat-syarikat orang Islam, hendaklah dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang bertanggungjawab terhadap agama Islam di negeri masing-masing itu dengan cara Kerajaan Persekutuan mengadakan satu peruntukan dalam Undang-undang Income Tax Kerajaan Persekutuan supaya orang-orang atau syarikat-syarikat kepunyaan orang-orang Islam yang membayar zakat-zakat mereka mengikut kehendak-kehendak agama Islam kepada Jabatan-jabatan agama atau badan-badan dakwah Islam yang diiktiraf oleh Jabatan-jabatan agama di negeri masing-masing dilepaskan dan dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan mereka kepada Kerajaan Persekutuan supaya tidak berlakunya bertindih atau bayaran dua

kali kepada orang-orang Islam itu. Pendapatan wang melalui punca-punca ini akan dapat digunakan oleh Jabatan-jabatan ugama dan badan-badan dakwah sukarela dalam negara kita ini untuk tujuan tersebut.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, negara kita sekarang ini sedang menghadapi suasana wabak politik yang merugikan negara kita sendiri yang mana bermula dari usaha penyingkiran Menteri Besar Negeri Selangor, kemudian tercetusnya pula rancangan undi tidak percaya kepada Ketua Menteri Melaka, Menteri Besar Perak, Kelantan dan Kedah pada amnya sama-sama ada penyakit, cuma jenisnya sahaja yang berlainan samada usaha atau rancangan itu berhasil atau tidak, tidak menjadi masalah sangat. Tetapi kesan yang perlu dikaji supaya pengaruh pelaburan dapat dikekalkan walaupun tidak bertambah. Pelaburan modal amat perlu kepada pembangunan ekonomi negara. Kalau suasana dalam negara kita tidak menarik dan menggalakkan pemodal-pemodal luar negeri datang ke negara kita maka kemampuan negara kita sendiri tidak berupaya untuk membangunkan industri-industri dalam negara ini bagi menambah hasil negara dan juga bagi memberi pekerjaan kepada rakyat kita sendiri yang kian bertambah penganggurannya.

Perisytiharan dharurat di Kelantan dan perpecahan dalam Barisan Nasional adalah kemuncak krisis yang tersebut dan ini boleh menggambarkan kestabilan politik sudah terjejas yang boleh memberi kesan yang kurang baik dari segi penarikan dan galakkan modal luar datang ke negeri ini. Maka negara kita akan mengalami kemerosotan dalam bidang ekonomi yang berpunca dari krisis politik itu.

Menyentuh soal krisis politik, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menarik perhatian Dewan tentang peranan demokrasi dalam negara kita sekarang ini nampaknya telah disalahgunakan. Di negeri Kelantan misalnya, golongan majoriti telah dirampas kuasa oleh kuasa Parlimen dengan perisytiharan dharurat di negeri ini. Di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ahli-ahlinya tidak diberi kebebasan menentukan sikapnya sendiri kalau menentang Rang Undang-undang Kerajaan, ahli itu akan dipecat dari Barisan Nasional. Di Sabah pula Ahli Dewan Undangan Negeri kalau menentang Kerajaan

atau Ketua Menteri, keahlian mereka digantung. Pada pandangan saya cara-cara seperti ini bukanlah satu cara yang boleh mendatangkan ketenteram dan kestabilan politik dalam negara ini bahkan sebaliknya akan bertambah tegang. Saya mengesyorkan supaya asas-asas demokrasi diutamakan oleh Kerajaan Persekutuan dan diarahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya asas-asas demokrasi itu juga dipatuhi tanpa sebarang tekanan. Kalau di negeri Kelantan itu sekiranya tidak mahu pembubaran Dewan Undangan Negerinya dilakukan maka perlulah pihak majoriti dalam Dewan Negeri itu diberi peluang mentadbir negeri itu sesuai dengan Perlembagaan dan asas-asas demokrasi negara ini dengan menarik balik perisytiharan dharurat negeri itu.

5.38 *ptg.*

Tuan Michael Wong Kuan Lee: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1978.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan di Dewan Rakyat dahulu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah berkata bahawa strategi Belanjawan tahun 1978 adalah berorientasikan pertumbuhan dengan tujuan pertumbuhan ekonomi menerusi langkah-langkah belanjawan dan kewangan (fiscal and monetary measures). Perkara ini adalah perlu memandangkan keadaan ekonomi dunia yang lembab sekarang, tetapi perkara yang penting sekali untuk kita semua supaya segala matlamat Dasar Ekonomi Baru dapat dicapai ialah bukan sahaja pertumbuhan dikehendaki, tetapi pertumbuhan itu mestilah berpanjangan. Dasar itu hanya boleh dijalankan dengan adil dan saksama menurut semangat ketika ianya digubal sekiranya kita mempunyai perkembangan ekonomi yang berkekalan. Bagaimanapun segala dasar dan ingatan baik Kerajaan akan musnah sekiranya pegawai-pegawai yang melaksanakan dan mentafsirkan dasar itu membuat demikian dengan sesuka hati mereka sendiri.

Kejayaan Rancangan Malaysia Ketiga bergantung kepada penyertaan cergas dan menyeluruh oleh sektor swasta. Pelaburan

tempat diharapkan menjadi tulang belakang dalam perkembangan ekonomi kita, tetapi hingga ke saat ini harapan itu belum dapat dipenuhi. Adakah ini kerana keadaan ekonomi dunia yang lembab?

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin memetik ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu:

“Kita tidak boleh pula berdiam diri dan menunggu keadaan itu berubah, kita menghadapi masalah-masalah sosio-ekonomi yang tersendiri dan perlu menghadapi dan mengatasinya dengan daya usaha kita sendiri mengikut kemampuan yang ada kepada kita, lebih-lebih lagi dalam keadaan pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang sedang menurun. Kita mestilah maju ke hadapan untuk mencapai matlamat-matlamat mengikut keutamaan yang telah kita susun, bersesuaian dengan perkembangan ekonomi di dalam dan luar negeri.”

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah maju ke hadapan. Kita mesti menggalakkan perkembangan ekonomi bukan kerana perkembangan ini adalah kerana perkembangan semata-mata bahkan tanpa perkembangan ekonomi, kita tidak dapat memperbaiki agihan pendapatan serta menambah lagi peluang-peluang pekerjaan. Kejayaan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan tercapainya kedua-dua matlamat dasar itu iaitu menghapuskan kemiskinan tanpa mengira asal keturunan dan menyusun semula masyarakat adalah berasaskan dan bergantung kepada perkembangan ekonomi.

Tetapi perkembangan ekonomi bukan sahaja bergantung kepada langkah-langkah kewangan Kerajaan. Sudah tentu bahawa semua dorongan seperti galakan cukai memainkan peranan yang penting, menarik dan menggalakkan penanaman modal swasta. Tetapi adalah juga penting membuang segala rupa penghalang atau (disincentive) seperti peraturan-peraturan red-tape dan ketidak samaan di dalam pelaksanaan dan pentafsiran dasar-dasar Kerajaan oleh Pegawai-pegawai yang terlampau berminat (over zealous officials) yang telah memberikan gambaran umum kepada pelabur-pelabur samada dari luar negeri atau tempatan iaitu mereka hanya dibenarkan bukan dialu-alukan untuk melabur dan kelulusan-kelulusan untuk pelaburan adalah diberi sebagai satu favour dan bukan sebagai satu

pendorong untuk menyertai pembangunan negara ini. Penghalang-penghalang (disincentive) ini telah menimbulkan suasana buruk untuk pelabur-pelabur mendirikan atau membesarkan perusahaan-perusahaan mereka. Akta Penyelarasan Perusahaan, 1975, adalah satu contoh yang telah melemahkan semangat pelabur-pelabur mengenai perkara ini.

Sungguhpun Akta itu telah dipinda dan sebahagian daripada syarat yang dikenakan ke atas lesen untuk mengilang diubah kesimpulannya masih lagi bahawa walaupun Akta itu adalah sebagai alat untuk menyelaraskan dan menentukan perkembangan yang sihat dalam kegiatan perkilangan di dalam negeri ini, syarat-syarat yang dikenakan ke atas lesen itu membuat pelabur-pelabur berasa ragu-ragu terhadap tujuan benar Akta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan tulus ikhlas menggesa pihak yang berkuasa dan pegawai-pegawai yang berkenaan untuk menyemak semula sikap mereka, dan meneliti samada menurut kadar perkembangan yang ada sekarang ini dengan penghalang-penghalang yang diadakan akibat pandangan pendek setengah-setengah pegawai kita yang boleh benar-benar mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga dan Dasar Ekonomi Baru. Janganlah jalan ke arah kejayaan itu dihalang, sebaliknya marilah kita ada suasana yang lebih baik bagi memperbanyakkan lagi kegiatan-kegiatan perusahaan. Kerana sebagai analisa yang terakhir, kita berkehendakkan perkembangan ekonomi untuk mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyentuh mengenai satu perkara lain yang telah menjadi satu persoalan di negara ini. Di dalam beberapa tahun yang lampau ada bukti menunjukkan bahawa sikap tolak ansur telah mula malap di kalangan setengah-setengah bahagian masyarakat mengenai issue-issue seperti peluang-peluang di dalam bidang ekonomi, pekerjaan dan pelajaran tinggi hingga membawakan issue ini menjadi satu issue yang sensitif. Ini adalah satu keadaan yang tidak baik, lebih-lebih lagi pada hemat saya sikap tidak bertolak ansur ini yang timbul dari pandangan singkat yang keadaan kelam-kabut ketika menentukan makna sebenar maksud-maksud Dasar

Ekonomi Baru. Apabila ditimbulkan persoalan mengenai menampung aspirasi-aspirasi halal keturunan-keturunan yang tertentu di bidang yang disebutkan dahulu maka tuduhan-tuduhan pun dilemparkan kepada mereka yang menimbulkan persoalan itu. Sebagai orang atau anasir anti-nasional dan bercanggah dengan Dasar Ekonomi Baru. Persoalan itu adalah sah oleh kerana dasar itu adalah untuk semua warganegara dan mempunyai tujuan yang besar untuk perpaduan nasional. Contohnya, apabila dikemukakan soal kenapa kurang dari 2% daripada penghuni-penghuni di Sekim rancangan tanah Kerajaan seperti FELDA terdiri dari keturunan China dan apakah langkah yang diambil untuk menambahkan peratus itu. Jawapan yang diberi kepada soalan itu ialah soalan itu menyentuh perkara-perkara sensitif. Keadaan ini mengeneplikan langsung butir-butir dasar itu yang mensyaratkan dengan jelas bahawa penyertaan dari keturunan China mestilah ditambah. Juga di bidang pelajaran tinggi keadaan tidak sama di dalam bilangan pelajar di institusi pelajaran tinggi telah diutarakan beberapa kali. Jawapan yang diberikan ialah keadaan tidak seimbang di dalam bilangan golongan pengurusan dan professional di negeri ini mestilah dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju bahawa pembetulan ini mesti diadakan, tetapi ini hendaklah dijalankan menurut jangka masa Dasar Ekonomi Baru iaitu tahun 1970 hingga tahun 1990. Jika tidak, ini akan menimbulkan rasa keciwa dan pahit di kalangan belia-belia kita yang bersedia dan mempunyai kelulusan untuk melanjutkan pelajaran mereka tetapi tidak mendapat tempat di institusi tempatan. Apakah kata Dasar Ekonomi Baru mengenai ini? Adalah jelas diterangkan di dalam perenggan 3, Bab I Rancangan Malaysia Kedua dan diulang semula di dalam Rancangan Malaysia Ketiga bahawa di dalam pelaksanaan dasar itu adalah dijamin bahawa tidak ada kumpulan yang ada mengalami sebarang kerugian atau merasa hak mereka telah hilang. Perkataan-perkataan ini adalah kata sehati dirangka oleh penggubal dasar itu. Mereka merasa bahawa perpaduan nasional iaitu objektif besar negara tidak dapat dicapai sekiranya keadaan tidak seimbang dalam ekonomi kaum-kaum di sini tidak diperbetulkan. Dan pada ketika yang sama perpaduan yang ada

sekarang yang telah menghasilkan Merdeka dan pembangunan akan musnah sekiranya kita tidak cermat melaksanakan dasar itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita mestilah betul-betul bercermat supaya tidak ada golongan yang mengalami kerugian dan merasa hampa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menerangkan dengan sebenarnya bahawa semangat dan keteguhan negara yang telah mengekalkan kita dan telah menolong kita mengatasi keadaan buruk ekonomi dunia. Saya selanjutnya mengatakan bahawa semangat dan kekuatan dan juga qualiti/qualitikas kemahiran dan juga daya usaha yang dipunyai oleh masyarakat berbilang bangsa di negeri ini telah memberikan sumbangan besar di dalam mencapai kemajuan dan pembangunan negara kita.

Marilah kita mengukuhkan semangat dan kekuatan ini untuk maju ke hadapan. Marilah kita ketepikan segala halangan-halangan yang boleh menyekat kita dari mencapai tujuan kita mencipta masyarakat yang bersepadu.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1) Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga pukul 9.00 malam.

5.56 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan di atas Belanjawan yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Saya yakin Belanjawan ini akan mencapai berbagai kejayaan di segala bidang mahupun pembangunan ataupun pertanian. Belanjawan yang dibentangkan ini amatlah mendapat sokongan yang sungguh menggalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semoga rakyat di luar bandar khususnya mendapat faedah dari Belanjawan ini yang saya rasa selama ini rakyat di luar bandar kurang mendapat faedah ataupun kemewahan. Saya juga berharap Kerajaan akan mengutamakan projek-projek pembangunan di luar bandar khususnya sesuai dengan hasrat Kerajaan untuk memajukan dan meninggikan taraf hidup rakyat di luar bandar. Saya juga berasa gembira dan mengalu-alukan kerana perbelanjaan pembangunan untuk seluruh negara dijangka bertambah 41% melebihi perbelanjaan bagi tahun 1976. Saya harap penambahan seperti ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang.

Berkenaan dengan proses pembahagian tanah kelompok di negeri Pahang khususnya terdapat pemohon-pemohon yang telah memohon begitu lama dan apabila ditemuduga dan telah diluluskan oleh Majlis Tindakan Daerah tetapi beberapa tahun kemudian permohonan itu dilupakan sahaja dan apabila tanah itu didirikan dan tidak diberi perhatian maka orang-orang yang tidak bertanggungjawab pun membuka dan menggunakan tanah itu secara haram. Inilah yang mengakibatkan pembukaan tanah-tanah haram di negara ini sehingga ada di antara mereka menggunakan tanah itu secara haram begitu lama sehingga mendapat hasil yang lumayan dari tanah haram itu. Saya harap Kerajaan Pusat akan mengambil tindakan dan perhatian yang berat demi untuk menghapuskan membuka tanah secara haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah sedia maklum di negara kita ini terdapat ramai buruh-buruh kasar antaranya operator-operator jentera tetapi kebanyakan daripada mereka ini tidak diambil sebagai pekerja tetap di sesebuah jabatan Kerajaan, contohnya, Jabatan Kerja Raya, walaupun mereka

ini telah lama bekerja sehingga ada yang telah bekerja lebih daripada 10 tahun. Pekerja-pekerja sementara ini merasa kurang yakin dengan kebolehan mereka dan merasa tidak senang dan inilah mengakibatkan projek-projek Kerajaan tergendala dan Kerajaan menanggung kerugian besar. Saya mengambil contoh yang berlaku di Jengka Tiga Segi, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara di mana banyak projek-projek Kerajaan telah tergendala dan jentera-jentera dibeli dengan harga berjuta-juta ringgit hanya terbengkalai sahaja. Ini adalah kerana kebanyakan dari pekerja-pekerja itu adalah pekerja sementara sahaja. Oleh itu, saya berharap Kerajaan akan mengambil lebih ramai pekerja-pekerja tetap supaya projek-projek Kerajaan akan berjalan lancar dan Kerajaan tidak akan menanggung kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh pula mengenai kerakyatan di mana terdapat ramai pemohon yang dilahirkan di negeri ini dan telah bermastautin di sini begitu lama, tetapi mereka telah kehilangan surat beranak pada zaman Jepun dahulu dan kerana kehilangan surat beranak itu maka mereka tidak diterima menjadi warganegara dan pemohon mereka ditolak oleh Kementerian Dalam Negeri. Ada juga terdapat pemohon-pemohon walaupun sudah lulus ujian bahasa Malaysia dan sudah ditemuduga tetapi setelah menunggu begitu lama sehingga ada yang telah menunggu dua, tiga tahun tetapi akhirnya Kementerian Dalam Negeri telah menolak permohonan mereka ini. Saya harap Kementerian Dalam Negeri akan mempertimbangkan permohonan untuk menjadi warganegara dengan lebih teliti dan lebih awal jika tidak pemohon yang gagal itu akan merasa kurang senang dan kesal serta hilang kepercayaan kepada negara dan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat warganegara Malaysia yang melangsungkan perkahwinan di luar negeri dan apabila mereka membawa isteri ataupun suami pulang ke negara ini untuk menjadi warganegara negara ini pihak Kementerian Dalam Negeri tidak memberi permit tinggal tetap di negeri ini. Sebaliknya, pihak Kementerian hanya memberi permit sementara sahaja kepada pemohon itu untuk tinggal di negeri ini.

Saya percaya ini menjadi masalah yang amat berat khasnya kepada kedua pasangan itu.

Jumlah pelancung ataupun pelawat-pelawat yang melawat negara ini amatlah besar jumlahnya tetapi kebanyakan daripada pelancung itu hanya dibenar tinggal di negara ini untuk 3 hingga 6 bulan sahaja. Saya cadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri memberi tempoh yang lebih lama untuk pelancung tinggal di negara ini kerana pelancung-pelancung ini sudah tentu membawa jumlah wang yang banyak untuk berbelanja di dalam negeri ini. Ini sudah tentu memberi keuntungan dan faedah kepada negara ini.

Akhirnya saya menyokong penuh Belanjawan bagi tahun 1978.

6.01 ptg.

Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin: Tuan Yang di-Pertua, mula-mulanya saya tidaklah hendak mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 ini tetapi oleh sebab saya telah meneliti ucapan-ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada petang 19hb Disember, 1977 waktu Dewan bersidang, saya dapati Belanjawan tahun 1978 ini adalah perbelanjaan yang boleh dikatakan "no sweat" bagi seluruh rakyat dalam negeri ini, sebab eksport kita telah bertambah oleh kerana bahan-bahan mentah kita terutama seperti getah, kelapa sawit, bijih timah dan kayu-kayan telah meningkat pada tahun 1977, maka hasil telahpun meningkat dan juga G.N.P. kita telah bertambah baik daripada tahun-tahun yang sudah. Dengan adanya ekonomi dan iktisad negara kita ini telah kukuh maka tentulah perbekalan perbelanjaan dan cukai-cukai yang akan kita hadapi tahun 1978 berkurangan daripada tahun-tahun yang sudah. Ini adalah praktik dijalankan oleh negara-negara lain seperti Great Britain dan juga Amerika Syarikat.

Jikalau ekonomi sesebuah negeri itu baik maka cukai-cukai itu akan dikurangkan, iaitu akan diturunkan supaya tidak lagi ada beban kepada rakyat jelata dan penduduk-penduduk di dalam negeri ini, bukanlah semata-mata kerana Belanjawan Pilihanraya tahun depan. Kita belum mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membayangkan pilihanraya akan jatuhnya pada

tahun depan, di mana didapati oleh Yang Berhormat Senator daripada Kelantan wakil PAS yang duduk di hujung itu, saya pun tidak tahu. Ini adalah cakap beliau dan cakap setengah-setengah suratkhbar daripada luar negeri iaitu seperti New Eastern Review mengatakan perkara itu dan juga pihak-pihak oposisi daripada Dewan Rakyat. Jadi apa juga Kerajaan kita buat untuk membaiki taraf hidup dalam negeri ini, apa juga usaha-usaha Kerajaan buat pada hari ini mereka itu adalah dinafikan sahaja, iaitu tidak percaya dan tidak mengambil kenyataan itu sebenar-benarnya yang telah terjadi. Dengan adanya getah, kelapa sawit, bijih timah dan juga kayu-kayan yang kita eksport itu inilah, yang dapat hasil yang baik dan pasaran yang baik. Ini adalah usaha oleh Kerajaan kita iaitu usaha daripada Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama. Itulah rancangan daripada usaha ini. Saya mengucapkan kepada beliau setinggi-tinggi tahniah atas usaha dan jasanya dan dapat negeri-negeri yang mengeluarkan barang-barang mentah ini seperti yang saya sebutkan tadi bersama dengan negara kita untuk mengadakan satu rancangan stockpile di dalam negeri masing-masing.

Saya cuma hendak bercakap tiga perkara sahaja, iaitu Rancangan Malaysia Ketiga, penyertaan oleh bumiputra dan juga mengikut Dasar Ekonomi Baru ialah supaya bumiputra mesti mendapat sekurang-kurangnya 30% pada tahun 1990 di dalam bidang semua segi dan juga saya hendak bercakap mengenai Dasar Ekonomi Baru ini berkenaan dengan pelajaran dan akhirnya berkenaan dengan perumahan. Sebelum itu saya suka juga membetulkan kenyataan walaupun saya percaya Menteri-menteri akan menjawab kenyataan yang dibuat oleh Senator Haji Mohd. Amin daripada Kelantan yang mengatakan hari ini tidak ada stabilnya politik dalam negeri ini, demokrasi berparlimen tidak ada. Hari ini beliau boleh bercakap dengan lantang mengatakan tidak ada. Saya dengar juga oleh sebab yang tidak ada stabil, gelora politik berjalan, kerana di sana-sini ada usul tidak percaya kepada Menteri Besar tetapi usul tidak percaya kepada Menteri Besar Kelantan, Kedah dan lain-lain tempat bukan usul datang daripada UMNO atau Barisan Nasional, tetapi datangnya daripada PAS. Jadi dia sudah contradict kepada tujuan dan dia sendiri telah mengeluarkan hati

perut, maksud-maksud yang ada diidam oleh parti PAS—tujuan yang sebenarnya. Di negeri Perak mana ada usul tidak percaya kepada Menteri Besar Perak, saya tidak nampak, saya tidak tahu. Kepada Yang Berhormat Tan Sri Ghazali, saya tanya dan keluar sekejap, adakah usul dikemukakan di Dewan, iaitu tidak percaya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, katanya tidak. Jadi daripada mana kenyataannya?

Usul tidak percaya di negeri Melaka tidak ada dibentangkan. Itu adalah soal politik di dalam rumah tangga sendiri bukan bawa kepada Dewan. Usul-usul yang dibawa sekarang, esok di negeri Kedah, bukannya datang daripada UMNO. Ini datang daripada PAS—wakil-wakil PAS. Orang yang buat segala gelora dalam politik dalam negara ini siapa? Jadi sudah contradict iaitu tidak langsung mengakui bahawasanya yang buat kacau-bilau ini datang daripada PAS. Saya hendak tanya mengapa Lebuhraya tidak berjalan, mengapa Pelabuhan Besut tidak berjalan, mengapa itu, mengapa ini, mengapa itu? Tetapi baru-baru ini Yang Berhormat itu sedar, sudah tidur lama bahawasanya PAS sudah memerintah di negeri Kelantan lama daripada Perikatan. Apa yang PAS buat di Kelantan. Tidak ada satu benda. Sekarang baru masuk empat tahun di dalam Barisan. Empat tahun, tidak sampai empat tahun sudah mengungkit itu dan ini. Jadi di mana kuasa manusia yang boleh membuat perkara yang diungkit oleh wakil PAS tadi. Mana kuasa di dalam dunia ini yang boleh buat dalam tiga tahun apa yang disebut oleh wakil PAS itu. Bahkan usul tidak percaya kepada Menteri Besar Kelantan itu baru sahaja ditimbulkan masa itu PAS yang memerintah. Menteri Besar itu ahli PAS, bukannya ahli UMNO. Jadi sudah nyata modal tidak ada. Itulah sebab saya kata jikalau hendak keluar, keluarlah seperti anak jantan, jikalau hendak cakap biarlah standard itu tinggi, jikalau hendak fact buatlah homework barulah bercakap dalam Dewan yang menjadi Ketua Opposisi. Tetapi fact tidak ada, bawa sahaja, itulah sebabnya saya terpaksa bangkit.

Saya tahu Menteri-menteri akan menjawab tetapi tidak usah Menteri jawab, back-bencher Kerajaan boleh jawab. Jadi masaalah yang saya kata berkenaan dengan yang saya hendak cakap tadi, pertama sekali berkenaan dengan Dasar Ekonomi Baru.

Yang dikatakan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan berkenaan dengan penyertaan bumiputra, di dalam konsep supaya menaikkan, meninggikan ekonomi bumiputra, iktisad bumiputra hendak sampai kira-kira 30% ke peringkat tahun 1990. Gaya mana hendak dilaksanakan belum dapat kita pastikan hari ini, cuma kita dengar beli saham.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah menyebutkan baru-baru ini seorang Menteri telah mengatakan iaitu Bank Bumiputra akan mengeluarkan saham sebanyak \$86 juta. Di mana ada seperti kata Yang Berhormat itu, saya hendak jawabannya. Lojik cadangan saya iaitu bukan orang Melayu—Bumiputra ini semiskin-miskin yang disangka oleh setengah-setengah golongan tetapi orang Melayu ada kekayaan, Bumiputra ini ada kekayaan berkenaan dengan tanah dan harta di dalam negara ini, tetapi nilainya adalah jatuh sekali jika dibandingkan tanah yang bukan dimiliki oleh bukan Bumiputra iaitu tanah yang saya cakap ini adalah tanah Malay Reserve yang diduduki oleh bumiputra. Misalnya, cuba Tuan Yang di-Pertua, tengok di Petaling Jaya yang dekat iaitu ada satu kawasan dinamakan Kawasan Melayu. Dalam kawasan itu ada masjid-masjid di Kawasan Melayu dekat dengan Instituti Teknologi MARA. Itu kawasan Melayu tetapi di depan kawasan Melayu itu adalah kawasan freehold tetapi jikalau hendak nilai kawasan Melayu itu harganya lebih kurang daripada sempadan freehold itu tetapi rumah bentuknya serupa, facilitynya serupa, amenitynya serupa, elektrik ada, air ada, jalan ada, bangunan serupa, tetapi nilainya jatuh. Serupa juga berkenaan dengan tanah-tanah Melayu yang di luar bandar iaitu katakanlah estet Melayu, bukan tidak ada estet Melayu, bukan tidak ada Melayu berusaha untuk membuat estet iaitu rubber estate—getah yang lebih daripada 100 ekar, 200 ekar ada banyak dan juga tanam seperti mana yang dikehendaki oleh Kerajaan atau mengeluarkan susu yang baik dan gred yang baik dan mempunyai labour line dan mempunyai segalanya serupa macam gaya estet yang diusaha oleh estet yang besar-besar. Jikalau owner atau tuannya itu hendak meminjam wang untuk hendak membuat rancangan lain pergi Bank Bumiputra, pergi Malayan Banking, tetapi bila Bank Bumiputra, Malayan Banking atau bank-bank tempatan akan nilai bahawasanya estet ini

ialah estet kawasan Melayu dan juga nilainya tidaklah lebih daripada estet yang dipunyai oleh bangsa asing tetapi yang keluar daripada kawasan Melayu nilainya berlainan. Bahkan kalau kita tengok kenyataan daripada Kementerian Perusahaan Utama yang mengatakan ada kawasan-kawasan Melayu yang mempunyai bijih yang banyak.

Di Perak ada kawasan-kawasan Melayu yang mempunyai bijih yang banyak dan juga di Selangor dan juga di setengah-tengah negeri lain. Empat negeri yang ada bijih yang banyak, tetapi dalam Malay Reserve, jikalau dinilai dia hendak sandar kepada bank maka penilaian itu tidak dengan kawasan yang lain. Jadi jawapan daripada Kerajaan atau bank-bank tempatan: "Kami tidak boleh ambil kawasan Malay Reservation kerana tidak boleh beri penilaian yang tinggi oleh sebab siapa akan beli balik jikalau tuannya estet atau tanah itu tidak mampu mengambil balik. Siapa hendak beli". Di sini jikalau soal ini adalah satu soal yang besar—problem yang besar saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya adakan nominee satu bank yang boleh mengambil harta-harta Malay Reserve ini supaya esok pulang balik kepada Melayu—orang bumiputra yang boleh mampu membelinya. Sekarang tidak ada. Ini jalannya. Saya ada tanah, Raja Datuk Nong Chik ada tanah, Senator Kamarul Ariffin ada tanah bolehlah pergi ambil dengan dapat penilaian serupa dengan nilai tanah luar daripada Malay Reserve.

Jadi dengan ada undang-undang seperti itu saya rasa barulah dapat orang Melayu mencapai cita-cita Kerajaan sekurang-kurangnya 30% dalam penyertaan ekonomi. Ini masaalahnya. Kerajaan hari ini ada disebutkan di sini iaitu bagaimana hendak mengeluarkan fund, meminjamkan duit dan juga hutang daripada luar negeri. Dengan apa ini? Apa sandarannya iaitu sandarannya ialah dengan kekukuhan negara kerana di atas iktisadnya dan mampu membayar balik. Itu cadangan saya berkenaan perkara ini. Saya berharap pihak Perbendaharaan atau pihak Kementerian Kewangan dapat mengkaji sedalam-dalamnya dalam masaalah ini.

Kedua iaitu berkenaan penyertaan bumiputra di dalam ekonomi iaitu mengenai pelajaran. Kita tahu hari ini bumiputra banyak kekurangan orang-orang yang terpelajar untuk menjalankan usaha-usaha yang ada yang banyak dikehendaki oleh

Kerajaan dan pihak swasta dan kebanyakan bumiputra ini mengharapkan biasiswa (scholarship) daripada Kerajaan yang ada sekarang. Jika tidak ada kewangan, walaupun anak dia pandai atau cerdik dia tidak dapat menghantar anaknya melanjutkan pelajaran ke mana-mana atau ke seberang laut. Tetapi bila mereka itu ada sedikit harta atau tanah, tempat yang dapat dia mengadu tidak ada melainkan MARA. Fasal apa MARA sahaja? Apa salahnya bank tempatan beri pinjaman sebab bank-bank ada meluluskan pinjaman jikalau ada dua guarantor dan bukan semua pinjaman hendak disandarkan atau ada geran. Mengapa tidak diuruskan oleh bank? Fasal apa bumiputra pergi kepada MARA sahaja? Itu soalnya. Saya rasa patut pihak Kementerian Kewangan mengkaji hal ini supaya mereka yang ada anak-anak yang pandai yang tidak dapat scholarship daripada Kerajaan yang terbatas untuk melanjutkan pelajaran kerana tidak ada dapat wang untuk perbelanjaan. Jika kita kekurangan di manakah sebabnya kekurangan? Di sinilah sebabnya tidak ada bantuan. Sebenarnya bukan tidak ada bantuan, tetapi tidak ada jalan selain daripada biasiswa Kerajaan dan MARA, tetapi bank tempatan tidak membantu. Bank sekarang banyak duit oleh kerana circulation wang di dalam negara ini tidak ke mana. Mengapa tidak? Ini adalah satu investment yang bagus, sebab investment ini lebih baik lagi dari investment jalanraya di Kelantan dan di luar bandar. Sebab mereka ini akan balik menjadi engineer, ahli sains dan menjadi berbagai pakar yang sekarang tidak ada di dalam negara ini. Ini adalah the best investment. Jika kita beri pinjaman kepada mereka yang betul-betul ada kelayakan untuk pergi melanjutkan pelajaran di luar negeri. Janganlah soal hendak beli saham sahaja dapat pinjaman. Tetapi pelajaran ini sebagai the best investment, kita tak dapat hendak beri pinjaman.

Ketiga, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kayu-kayan, papan lapis, kayu gergaji dan berbagai jenis kayu yang ada dalam negara kita. Saya teringat waktu ekspot kayu keluar negeri tidak ada pasaran. Dan kita juga tahu ada kalanya menimbun stockpile kayu-kayan itu dalam setok kita, berjuta-juta tan tidak dapat diekspot. Menteri ada bercakap: "Oh, semua perusahaan atau pemaju perumahan kita mesti dirikan

rumah kayu. Mengapa kita tak bina rumah kayu? Mengapa kita hendak bina rumah corak batu sahaja? Mengapa kita tak gunakan kayu-kayu yang ada dalam negara?" Sekarang pemaju-pemaju perumahan sedang giat memajukan perumahan dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan di dalam negara kita tiap negeri ada rancangan perumahan, Kerajaan Persekutuan pun ada rancangan. Jadi semua pihak memberi galakan bumi-putra supaya memajukan perumahan, semua corak rumah batu (bricks terraced houses) tetapi kayu tidak juga digunakan. Rupanya sebab kayu balak kita, kayu-kayan kita yang digergaji atau papan lapis telah dapat harga yang baik untuk diekspot. Jika jatuh balik harga kayu, tiada lagi orang hendak ambil kayu, seru rakyat semula. Jadi apa akan jadi? Kata Dr Mahathir: "Jika begini keadaan forest kita dikeluarkan dalam 12 tahun harus hutan kita habis, harus kita kena impot kayu daripada luar negeri." Pada masa itu barulah orang hendak buat rumah kayu. Kementerian Perumahan pun tak ada apa-apa rancangan hendak buat sekarang ini bagi mendirikan rumah berharga \$19,000 atau \$20,000. Saya tengok tak ada. Di Petaling Jaya, Projek perumahan di Paramount Garden dan lain-lain yang disiarkan dalam suratkhbar semua pakai simen (brick) rumah kayu kurang. Kalau begitu di mana ada pasaran kayu di dalam negeri ini. Adakah kita mahu sebab kayu sudah naik, kita hendak utamakan supaya mendapatkan pasaran di luar, supaya kayu itu naik. Jadi kita lupa waktu kita menghadapi krisis, diajak rakyat bersama-sama gunakan kayu, bila kita tidak ada krisis, harga kayu baik diekspot; rakyat tak dipedulikan, kita lupakan rakyat. Inilah satu cara Menteri kita membuat atau memberi kenyataan-kenyataan yang tidak ada follow-up. Kita mahu perkara ini ada follow-up.

Saya percaya setiap Ahli Dewan Negara tentu dapat membaca satu majalah asing berkenaan dengan housing, dalam majalah itu ada menunjukkan elok dan cantiknya pembinaan rumah dengan menggunakan kayu tempatan, belanja atau kosnya kurang. Di sini ditunjukkan di Amerika Syarikat kebanyakan rumah di country side ada menggunakan kayu. Saya ada pergi ke Washington menengok kebanyakan semua yang duduk di country side semuanya rumah bentuk kayu. Di Manila pun begitu juga, melainkan kita di sini hendak duduk dalam

rumah batu, kita bukan ada musim sejuk, musim panas, tak ada, sepanjang masa musim panas dan musim hujan.

Akhirnya, biarlah saya tambah sedikit sahaja iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Polisi Menteri disebutkan dalam Dewan ini, dalam ceramah, dalam conference atau di mana-mana tempat, tetapi polisi itu tidak dijalankan oleh pihak pentadbir, orang mentadbir. Misalnya, jikalau kita hapuskan "A.P." ini yang membawa kereta buruk (secondhand) dalam negeri kita ini. Ini luar daripada Kementerian Perdagangan dan dijual dengan harga yang mahal dan setengah-setengah bahan yang ada di dalam negeri ini yang buatan negeri ini yang dapat pioneer status tetapi ada juga orang mendapat "A.P." supaya daripada Europe daripada Amerika daripada Jepun masuk bebas. Jadi macam mana perusahaan orang yang kita bagi pioneer status? Jadi, beri pula "A.P." supaya dia boleh impot dan berlawan dengan perusahaan yang dibuat dalam negeri ini. Di mana lojiknya? Jadi kita di sini kononnya hendak memakai local content dan hendak beri pekerjaan kepada orang yang menganggur. Mengadakan faktori, mengadakan pentadbiran, membeli mesin dan segala-galanya mengikut faktori. Tetapi beri pula "A.P." kepada orang lain dengan tidak ada membuka faktori datang dengan tidak ada bayar cukai kastam, diassemble lagi barang itu dan dijual di market dengan harga yang murah. Jadi, takkanlah orang ini selalu hendak jumpa Menteri mengadu hal ini. Ini telah berjalan. Jadi di mana dasar Kementerian ini. Dasar ini dibuat oleh Menteri atau FIDA. Jadi mana satu? Adakah Ketua FIDA atau Menteri yang bertanggungjawab? Menteri ini sudah bercakap dalam Parlimen ini begini-begini. Pergi pula kepada FIDA dia pula ada kuasa mengeluarkan lesen. Inilah satu masalah yang dihadapi oleh setengah-setengah industri, setengah-setengah orang yang hendak menanam modal di dalam negeri ini. Ini bukanlah apa yang dikatakan disebabkan golongan politik dalam negeri ini orang lari tidak hendak tanam modal. Ini hal administration dalam satu-satu Kementerian. Jadi ini bercanggah di antara satu sama lain. Saya harap teguran-teguran saya yang empat-empat perkara ini dapati diambil perhatian. Untuk menjimatkan masa yang telah diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu tiap-tiap

satu Ahli itu memendekkan dan tidak mengulung balik hujah yang telah dikeluarkan, jadi saya membawa hujah yang lain.

Saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

6.36 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya ini yang mana wanita yang pertama bercakap. Sebelum saya bercakap mengenai Belanjawan ingin saya menarik perhatian saudara-saudara Yang Berhormat sekalian iaitu semasa Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan bagi tahun 1978 di Dewan Rakyat pada 28-10-77 pihak TV Malaysia mengadakan siaran secara langsung dan ini adalah kali kedua bagi pihak TV berbuat demikian dan saya ucapkan tahniah kepada TV Malaysia. Jadi dengan cara demikian dapatlah sebahagian rakyat melihat bagaimana cara Dewan mengadakan persidangan dan juga dapat Belanjawan itu diketahui oleh seluruh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila tiba akhir tahun setiap lapisan rakyat menunggu dengan perasaan yang berdebar-debar dan bertanya di hati kecilnya adakah Kerajaan akan menaikkan cukai itu dan cukai ini pada tahun hadapan. Tetapi setelah mereka mengikuti Belanjawan 1978 yang dibentangkan di Dewan Rakyat tidak ada satu cukai pun yang dinaikkan bahkan tiada sejarah di Dewan Negara kita ini setengah-setengah barang cukai jualan diturunkan dan ada pula setengah barang-barang cukai jualan dihapuskan. Untuk kepentingan rakyat Kerajaan kita sanggup kehilangan cukai yang berjumlah \$43.7 juta. Ini menunjukkan bahawa satu pertanda baik kesetabilan ekonomi dan politik bagi negara kita. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana Belanjawan tahun 1978 tidak begitu membebankan semua lapisan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ada setengah-setengah wanita terutama suri-suri rumah tangga menemui saya agar menyampaikan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kerana menurunkan sedikit-sebanyak cukai jualan kepada beberapa jenis barang. Tetapi apa yang mereka gelisah kebanyakan cukai jualan yang diturunkan itu adalah terdiri dari jenis barang-barang mewah seperti

bahan-bahan letrik, kamera, jenis bag dari kulit dan batu-batu permata yang barang-barang ini bukanlah barang keperluan harian bagi suri-suri rumah tangga terutama suri-suri rumah tangga dari luar bandar. Apa yang menjadi masalah besar kepada suri-suri rumah tangga ialah barang-barang keperluan harian seperti gas, minyak kelapa, gula, cili, bawang dan sebagainya. Dan barang ini semakin hari semakin meningkat.

Satu perkara lagi mengenai persatuan-persatuan pengguna yang telah ditubuhkan di setiap negeri. Memang tidak boleh dinafikan bahawa setengah-setengahnya tidak bergerak langsung dan tidak bertindak di atas satu-satu kenaikan barang yang dinaikkan dengan sewenang-wenang. Jadi untuk melicinkan perjalanan persatuan pengguna ini supaya mereka sentiasa bergerak dan mengambil tindakan tegas, saya syorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu badan penggerak dari peringkat Kebangsaan dan peringkat Negeri di mana peringkat Kebangsaan akan mengawasi di peringkat Negeri dan peringkat Negeri mengawasi peringkat Daerah.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan Belanjawan yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada tahun hadapan Kerajaan akan membuka seluas 120,000 ekar tanah rancangan Felda dengan tanaman kelapa sawit, getah dan koko. Pembukaan tanah ini akan dapat menampung seramai 28,000 orang peserta. Apa yang saya hendak utarakan ialah tentang pemilihan peserta-peserta dalam satu-satu kawasan tanah itu hendaklah dipilih orang-orang yang betul-betul tidak mempunyai tanah, mempunyai tanggungan yang ramai, sanggup berusaha dan sebagainya, kerana yang lepas-lepas mereka yang berjaya ada setengah-setengahnya mempunyai tanah yang banyak dan mereka ini dapat memasuki menjadi peserta di dalam satu-satu rancangan. Selain daripada itu juga pihak yang berkenaan patut juga membuat kajian dengan teliti sebelum satu-satu rancangan itu hendak diadakan, baik dari segi tanah dan iklim satu-satu tempat, umpamanya, di pendalaman di negeri Trengganu sesuai dengan kelapa sawit tetapi tidak begitu sesuai dengan tanaman getah kerana sentiasa mengalami hujan, getah tidak dapat diusahakan sepanjang tahun. Dengan ini sudah tentu pendapatannya tidak begitu memuaskan.

Selain daripada itu, mengenai jawatan-jawatan yang baharu pada tahun 1978 yang berjumlah 29,000 akan diadakan di berbagai-bagai peringkat, di berbagai-bagai Kementerian dan jabatan tidak termasuk agensi-agensi Kerajaan, kalau dimasukkan agensi-agensi Kerajaan akan lebih banyak lagi jawatan yang baharu. Apa yang hendak saya menyuarakan di sini bila hendak mengadakan jawatan baharu hendaklah dibanyakkan dalam kelulusan M.C.E., S.P.M., kerana golongan inilah teramai sekali menjadi penganggur terutama S.P.M. Gred III sehingga mereka namakan sijil S.P.M. adalah "Sijil Penganggur Malaysia" kerana mereka merasai bahawa mereka tidak mempunyai peluang untuk menyambung pelajarannya yang lebih tinggi samada di maktab-maktab ataupun pusat-pusat pengajian yang lain. Janganlah seperti yang lepas-lepas apakala keluarnya iklan di akhbar-akhbar mengenai jawatan kosong terdapat kelulusan yang dikehendaki adalah kelulusan universiti dan juga pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Apa yang saya harapkan kepada pihak yang berkenaan semua golongan kelulusan S.P.M. akan dapat perhatian yang sepenuhnya kerana golongan inilah yang ramai terdapat di luar-luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya mewakili Kerajaan Negeri Trengganu saya terpaksa menyentuh sedikit sebanyak mengenai pelaksanaan pembangunan negeri itu. Walaupun Trengganu diberi peruntukan yang agak banyak tetapi perlaksanaannya tidak dapat berjalan dengan pesat selalunya satu-satu rancangan itu tergendala disebabkan kurangnya, pegawai-pegawai mahir, kurangnya alat-alat jentera moden, kurangnya bahan-bahan binaan. Sebagai contoh untuk mempercepatkan pembinaan jalanraya kerana kurangnya jurutera-jurutera maka Kerajaan terpaksa memberi kontrak kepada pemborong-pemborong iaitu diutamakan kepada pemborong-pemborong Bumiputra tetapi seringkali pemborong-pemborong ini mengalami berbagai-bagai kesulitan untuk mendapatkan bahan-bahan seperti tar, gas, simen dan sebagainya yang bahan-bahan ini adalah biasanya diedarkan dari Kuala Lumpur.

Dalam pelaksanaan bekalan letrik amat menyedihkan sekali ada terdapat projek-projek yang patut dilaksanakan pada Rancangan Malaysia Kedua dan sudah masuk

ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga belum dapat lagi dilaksanakan. Setengah-setengah projek letrik tergendala setahun, dua tahun ada tiang, wayar tiada, pasang wayar barang lain pula tiada. Dengan ini saya berharap kepada pihak Kerajaan Pusat akan mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini.

Menyentuh tentang Kerajaan akan memperuntukkan wang sebanyak \$641 juta bagi tujuan menyusun semula masyarakat dalam sektor perdagangan dan perindustrian, dengan disalurkan melalui agensi-agensi Kerajaan seperti UDA, MARA, PERNAS dan sebagainya bagi tujuan membuat rumah kediaman dan juga rumah-rumah kedai. Janganlah hendaknya ditumpukan di bandar-bandar besar sahaja tetapi hendaklah juga ditumpukan di pekan-pekan kecil yang menjadi pusat satu-satu daerah kerana di sinilah peluang-peluang bagi orang Melayu dapat menyertai sama dalam menyusun semula masyarakat dalam sektor perdagangan dan perindustrian.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perbelanjaan yang besar yang diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran bagi memisahkan lagi pelajaran di negara ini dari peringkat rendah sehinggalah ke pusat pengajian tinggi. Apa yang saya harap hendaklah Kementerian Pelajaran menambahkan bangunan-bangunan bilik-bilik darjah yang mana sekolah yang ada mempunyai kelas pagi dan petang supaya semuanya dapat berjalan di waktu pagi, kerana kelas-kelas waktu petang apabila pulang terlalu lewat terutama kepada murid-murid yang tinggal di pendalaman yang tidak dapat tinggal di asrama dan tidak ada perhubungan jalan yang baik. Tiap-tiap sekolah terutama di luar bandar hendaklah dilengkapi dengan kakitangan yang cukup seperti tukang kebun, tukang sapu dan lain-lain, janganlah hendaknya dikiranya mengikut keramaian murid tetapi hendaklah mengikut keluasan kawasan sekolah itu walaupun sekolah itu kecil tetapi kawasannya luas tidak dilengkapi dengan pekerja-pekerja yang saya katakan tadi.

Menyentuh ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan ini pada hari Isnin yang lalu di muka 7 pada para 16, 17 mengenai mempercepatkan pelaksanaan jalan luar bandar dengan memberi peruntukan sebanyak \$120

juta. Inilah yang ditunggu-tunggu oleh setiap rakyat di luar bandar terutama sekali di Trengganu. Kerana kebanyakan jalanraya-jalanraya yang menghubungkan dari satu-satu kampung ke satu-satu kampung dan satu-satu pekan ke pekan kecil adalah jalan yang dibuat oleh pembalak dan jalan-jalan ini tidak dapat digunakan apakala tibanya musim hujan, dan juga menjadi sukar kepada mereka untuk pergi ke pekan-pekan untuk membawa hasil usaha mereka. Saya harap dengan adanya peruntukan ini maka Kerajaan dapat mengambil jalan-jalan tersebut di bawah pentadbiran Jabatan Kerja Raya. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Belanjawan tahun 1978.

6.50 ptg.

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan untuk tahun 1978 dan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita. Sungguhpun beberapa pihak telah mengatakan iaitu Budget yang telah dikeluarkan pada bulan November lepas ialah Budget pilihanraya dan sebagainya, tetapi pada pandangan dan fikiran saya bukan begitu sungguhpun Budget ini boleh dikatakan sebagai mild Budget. Oleh sebab, Tuan Yang di-Pertua, segolongan rakyat jelata tidak merasai kekurangan dan penurunan harga yang bersangkutan dengan mereka. Harga yang diturunkan itu bukan makanan-makanan yang penting atau mustahak (essential commodities), patut apabila Yang Berhormat Menteri Kewangan buat Belanjawan tahun hadapan mestilah mencari jalan untuk menaikkan harga barang-barang penting seperti getah, kelapa sawit dan bijih timah yang keluar daripada negeri ini, semasa itu juga kita balancekan makanan-makanan yang penting digunakan oleh rakyat jelata. Barulah kita boleh katakan Budget atau Belanjawan untuk tahun hadapan ini reasonable. Rakyat mesti merasai tiap-tiap langkah yang penting diambil oleh Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, semasa zaman inflasi pada tahun 1971 hingga 1976 apabila barang-barang makanan naik begitu hebat, tidak ada apa-apa harga turun sehingga sekarang. Harga itu memang terus meningkat. Jadi patut Kerajaan mengambil tindakan untuk menurunkan harga-harga yang patut kita menurunkan demi kepentingan rakyat yang ada di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan \$12,700.3 juta iaitu lebih dari 15.5% untuk perbelanjaan tahun hadapan ialah amat memuaskan dan dengan mengadakan kelebihan peruntukan ini dan dengan kita mempunyai Rancangan Malaysia Ketiga dan juga dengan Dasar Ekonomi Baru negara, saya harap segala kelemahan, apa yang tertinggal ke belakang akan diatasi oleh Kerajaan kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Dewan Senate bermesyuarat bersama-sama dengan Dewan Rakyat, saya syorkan kepada wartawan-wartawan dan juga TV dan Radio Malaysia seperti yang saya telah syorkan di masa mesyuarat yang lepas, mesti memberi peluang coverage yang betul dan lebar kepada Dewan Senate ini oleh sebab ada pihak mengatakan supaya Dewan Negara ini ditutup. Rakyat mesti mahu tahu apa Yang Berhormat Senator di sini datang tidur atau hangatkan kerusi atau betul-betul membawa perkara-perkara, usul-usul demi kepentingan negara dan rakyat. Oleh sebab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita telahpun berkata iaitu Dewan Negara ini ialah amat penting dan menjadi satu symbol untuk demokrasi berparlimen kepada negara kita. Dan juga saya harap dan minta kerjasama daripada pihak Kerajaan iaitu perkara-perkara, soalan-soalan yang dibawa oleh Senators tolong ambil berat dan jangan jawab begitu sahaja dan tutup buku. Harap bukan perhatian, biasa kita memang dengar Yang Berhormat Menteri-menteri itu mereka akan mengambil perhatian. Apa yang mustahak ialah tindakan, bukan perhatian. Tiap-tiap kali kita mengadakan mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara, Dewan Rakyat ialah satu Dewan perwakilan tertinggi di dalam tanahair kita dan Dewan Negara satu Dewan perundangan tertinggi dalam tanahair. Oleh sebab itu tiap-tiap perkara dan usul, soalan yang dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah diambil berat oleh pihak Kerajaan dan juga saya minta Kerajaan kita untuk menggalakkan ahli-ahli backbenchers kita daripada kedua-dua Dewan untuk mengkritik kelemahan-kelemahan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengkritik ada dua macam: satu kita mengkritik untuk membaiki keadaan yang kita ini lemah dan mengkritik seperti yang parti Pembangkang buat itu cuma menentang oleh sebab mereka

menjadi Pembangkang. Jadi apabila seseorang daripada pihak Kerajaan mengkritik Kerajaan atas satu-satu kelemahan daripada mana-mana Kementerian kita atau Jabatan, patut Kerajaan terima kritik itu daripada ahli-ahli yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah keadaan politik di dalam tanahair bukan tenang pada masa sekarang dan jika dipandang beberapa lama sekarang dan ada orang berkata oleh sebab satu-satu parti telah menarik diri dari Barisan Nasional, perpaduan antara orang Melayu atau antara kaum boleh berpecah. Pada pandangan dan fikiran saya, saya tidak bersetuju. Rakyat ialah bertanggungjawab, our people highly sophisticated, dan bukan disebabkan sesuatu parti menarik diri daripada parti Kerajaan maka ia akan memecahkan perpaduan antara kaum. Rakyat kita lebih bertanggungjawab kepada perpaduan. There is a saying, "If you dump all the politicians into the sea, still the situation will be the same."

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara oleh sebab kita telah mengadakan Pembangkang di Dewan Negara yang mulia ini, barangkali Kerajaan tidak ingat perkara ini sehingga sekarang dan memandangkan syorsyor yang dibawa iaitu motion tidak percaya dibawa oleh parti PAS di beberapa tempat di dalam negara kita dan parti PAS itu sendiri suruh ahli-ahli Exco mereka letak jawatan dan saya mengingatkan parti PAS dan pemimpin-pemimpin parti PAS kerana parti PAS memang berada di Dewan Negara dan juga mereka telah ada seorang dari parti PAS menjadi Duta Besar dan juga mereka dilantik di beberapa banyak jabatan Kerajaan dan juga di Lembaga-lembaga, patut mereka letak jawatan semuanya, bukan sahaja ahli-ahli Exco di mana-mana tempat yang dahulunya dalam Barisan Nasional, di Dewan, Duta Besar dan juga di Lembaga-lembaga di mana parti PAS telah menjadi Barisan Nasional dahulu dan sekarang sudah berhenti, letaklah jawatan semua. Sekarang mereka sudah keluar daripada Barisan Nasional, saya fikir patut mereka letak jawatan yang mereka dapat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, satu cadangan lagi oleh sebab barang-barang keluaran Malaysia atau tempatan tidak begitu nampaknya harga atas mutunya tinggi orang kata. Saya cadangkan Menteri-menteri kita, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen menggunakan

kain baju yang dibuat di dalam negara kita. Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen mestilah menunjukkan satu tauladan atau contoh (example) kepada rakyat. Kita boleh pandang di India atau di Afrika, Menteri-menteri mereka terus memakai pakaian keluaran tempatan. Saya bukan mencadangkan supaya Menteri-menteri kita memakai pakaian batik waktu official functions walaupun negara kita ada kain yang elok tetapi saya mencadangkan supaya semua Yang Berhormat Menteri-menteri menunjukkan satu tauladan kepada rakyat dengan menggalakkan penggunaan barang-barang keluaran tempatan.

Perkara seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, ialah berhubung dengan MAS. Selepas kemalangan yang amat mendukacitakan dan menyedihkan di mana 100 orang kehilangan nyawa termasuk seorang Menteri kanan Malaysia. Kita telah mendengar mula-mula pihak berkuasa telah memberitahu bahawa peti hitam telah dijumpai. Kemudian dalam suratkhbar mengatakan bukan peti hitam tetapi voice recorder. Mereka menafikan bukan voice recorder. Sebenarnya peti hitam dan voice recorder itu tidak dijumpai. Saya fikir barangkali satu besi yang terbakar yang dijumpai. Saya ingin tahu apa benda atau maklumat (information) yang kita betul-betul boleh dapat daripada peti hitam ataupun daripada voice recorder jika dijumpai. Daripada DC-8 yang jatuh di estet tidak berapa lama dahulu dikatakan peti hitam tidak dapat beri apa-apa maklumat yang penting. Saya harap pihak yang berkenaan akan mencari voice recorder yang mana barangkali kita akan dapat menentukan percakapan di antara hijacker dengan pilot officer kita. Dan harap Menteri yang berkenaan akan memberitahu Dewan ini betulkah atau tidak sehingga sekarang kita masih tidak menjumpai voice recorder atau peti hitam kepunyaan kapalterbang MAS itu.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan MAS juga. Kita nampak banyak diskriminasi dalam penerbangan MAS. Saya memang suka dan berbesar hati jika menengok seorang warganegara Malaysia berkhidmat di dalam penerbangan MAS. Tetapi di dalam penerbangan MAS apabila didapati orang putih kakitangan MAS itu bukan main lagi apabila tengok anak orang putih diberinya

barang-barang mainan dan chocolate. Tetapi apabila tengok anak orang Malaysia, dia buat tidak peduli.

Tuan Yang di-Pertua, tolong jangan lupakan, kita telah dijajah selama 100 tahun oleh penjajah British. I will be a very proud man to serve fellow Malaysians. Patut Kementerian berkenaan khususnya Kementerian Perhubungan mengambil tindakan supaya diskriminasi ini tidak lagi berlaku di dalam penerbangan MAS.

Dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan negeri Pulau Pinang. Dengan dukacita sekali lagi negeri Pulau Pinang akan dihukum seperti dahulu juga iaitu kebebasan pelabuhan Pulau Pinang telah ditarik balik oleh Kerajaan dan sekarang beberapa banyak duti telah dinaikkan. Saya tidak faham bagaimana sebuah negeri yang sudah hilang taraf kebebasan pelabuhannya boleh dibaiki dengan menyatukan di dalam pentadbiran Kastam. Sekarang perniagaan di dalam negeri Pulau Pinang telah jatuh begitu buruk. Saya tidak faham, Tuan Yang di-Pertua, jika kita satukan kawasan Kastam termasuk Pulau Pinang.

Menyentuh cadangan Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan kita untuk mengadakan duty free shops, saya ingin bertanya mengapa kita harus mengadakan duty free shops untuk pelancung-pelancung daripada luar negeri, sedangkan warga-negara Malaysia yang membuat lawatan ke luar negeri tidak pun mendapat sebarang duty free. Misalnya di negeri-negeri seperti England, Australia dan New Zealand. Jika kita boleh berhubung dengan negara-negara Komanwel untuk mengadakan duty free goods di negara-negara Komanwel di mana warganegara Malaysia boleh dapat peluang membeli barang-barang dengan duty free, saya mencadangkan supaya kita reciprocate duty free goods di Malaysia. Apa yang penting ialah kita mesti menjaga kepentingan orang-orang miskin di Malaysia.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya harap cadangan-cadangan yang dibuat oleh saya akan diambil perhatian berat oleh pihak yang berkenaan.

Sebelum saya duduk satu perkara yang penting saya ingin bercakap iaitu oleh sebab Parlimen/Dewan Rakyat mengadakan Yang di-Pertua seorang bumiputra saya cadangkan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

dilantik daripada orang bukan bumiputra. Dan oleh sebab Senate ini menjadi satu Dewan Perundangan yang tertinggi di dalam tanahair kita dan menjadi symbol kepada demokrasi berparlimen, dan oleh sebab Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua bukan daripada keturunan bumiputra, saya cadangkan Tuan Timbalan Yang di-Pertua dilantik daripada orang kaum bumiputra. Dengan itu saya sekali lagi sokong sepenuhnya.

7.08 mlm.

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita pada petang hari Isnin yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya suka mengambil kesempatan untuk menyuarakan beberapa perkara yang berkaitan dengan Anggaran Perbekalan 1978 ini.

Yang pertama ialah masaalah perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan pengisytiharan Kerajaan yang mana telah memperuntukkan sebanyak \$132 juta sebagai pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk pembinaan 200 projek rumah murah di sekitar tanahair. Projek-projek ini akan menyediakan 30,000 unit rumah murah untuk dijual kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Di samping itu mencapai matlamat Kerajaan supaya tiap-tiap rakyat mempunyai peluang untuk memiliki rumah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita berasa amat dukacita iaitu semenjak tahun 1970 hingga ke hari ini didapati projek-projek perumahan yang dilaksanakan oleh pihak swasta adalah lebih mementingkan rumah-rumah yang berharga tinggi. Ini termasuk projek-projek perumahan yang diselenggarakan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri, oleh kerana harga rumah terlampau tinggi maka kebanyakan rakyat yang berpendapatan rendah tidak mampu membelinya. Kita berharap kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan akan dapat berunding dengan pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri untuk mencari jalan supaya dapat membina

rumah murah yang berharga tidak lebih daripada \$15,000 bagi menampung keperluan rakyat yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri tidak seharusnya mengikut jejak langkah pihak swasta yang mementingkan keuntungan dalam menjalankan urusan pembinaan projek-projek rumah murah. Pengurus-pengurus pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri sepatutnya mempunyai kesedaran yang mana tugas pertama mereka adalah menolong rakyat yang kurang bernasib baik di samping memajukan negeri masing-masing. Jadi kita berharap juga kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita agar beliau dapat berunding dengan pihak Bank Negara supaya mencari satu jalan untuk mengarahkan bank-bank tempatan atau bank-bank swasta dapat memberikan pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah murah dengan satu cara yang lebih mudah. Pinjaman yang lebih besar serta dengan kadar faedah yang lebih rendah untuk menolong rakyat yang berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri.

Masalah kedua, Tuan Yang di-Pertua, ialah berkenaan kampung-kampung baru. Dalam belanjawan tahun 1978 peruntukan bagi kemajuan kampung-kampung baru hanya \$4 juta sahaja. Peruntukan ini adalah sangat kurang jika dibandingkan dengan peruntukan sebanyak \$6 juta yang telah diluluskan bagi tahun 1977. Peruntukan bagi tahun ini telah dikurangkan pada pendapat saya adalah disebabkan jumlah Anggaran Pembangunan bagi kemajuan kampung-kampung baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga, hanya \$19 juta sahaja. Di sini saya suka merayu kepada Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan-peruntukan anggaran bagi pembangunan kampung-kampung baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang sebanyak \$19 juta itu akan dapat dikaji semula dan memberi tambahan kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita tahu dalam Semenanjung Malaysia kita mempunyai tidak kurang daripada 450 buah kampung-kampung baru yang mempunyai penduduk sebanyak tidak kurang satu juta manusia iaitu 1/10 daripada jumlah penduduk Malaysia. Dengan sejumlah peruntukan yang \$4 juta itu saya memikirkan ini adalah sangat sedikit dan kita tak dapat men-

gatasi masalah-masalah kampung-kampung baru seperti kemiskinan, tempat kediaman, jalanraya, tempat bercucuk tanam, kesihatan, pelajaran dan lain-lain lagi bagi memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa kawasan kampung-kampung baru ini adalah tempat membiaknya ideologi atau fahaman kominis dan anti-nasional. Ini telah dapat dibuktikan daripada gambar-gambar pemuda-pemudi yang telah disiarkan atau ditunjukkan di akhbar-akhbar dan panggung-panggung wayang oleh pihak Polis yang berkehendakkan maklumat-maklumat mereka itu daripada orang ramai. Kebanyakan mereka ini adalah terdiri daripada penduduk kampung-kampung baru dan Kerajaan patutlah meneliti mencari sebab-sebab yang mereka ini mula dipengaruhi oleh pihak kominis. Adakah kerana mereka ini telah dianaktirikan atau mereka ini telah putus asa terhadap masa hadapan mereka yang menyebabkan mereka ini dengan mudah jatuh di perangkap kominis atau anti-nasional.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab yang demikian saya merayu kepada Kerajaan supaya memberikan peruntukan yang lebih cukup bagi memperbaiki keadaan hidup penduduk kampung-kampung baru yang kebanyakannya terdiri dari golongan yang miskin supaya mereka ini dapat dipujuk dan mempunyai azam serta kepercayaan kepada Kerajaan dan Kerajaan harus mengambil perhatian yang lebih berat terhadap perkara ini untuk mengelakkan masalah sosial dan keselamatan dari bertambah buruk di kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang ketiga ialah masalah tanah. Sebagai sebuah negara yang penduduknya terdiri daripada berbilang kaum seperti negara kita Malaysia, segala pentadbiran Kerajaan tidak boleh berat sebelah. Kerajaan sebagai ketua keluarga hendaklah bersifat adil dalam segala pelaksanaan dan pengurusan kehidupan rakyat yang berbilang kaum seperti pelajaran, tanah dan pekerjaan supaya dapat menarik sokongan rakyat terhadap Kerajaan; hanya dengan kejujuran dan keadilan Kerajaan barulah kita dapat menyatupadukan dan mengelakkan perasaan curiga dan tidak puas hati di antara satu dengan lain.

Tuan Yang di-Pertua, kerana kecurigaan-lah ini akan menimbulkan suasana politik yang tidak stabil dan akan mengancam perkembangan ekonomi negara kita serta cita-cita Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat. Seperti mana yang kita tahu matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ialah untuk membasmi kemiskinan dan merapatkan jurang perbezaan di antara orang yang berada dengan orang yang tidak berada tanpa mengira kaum, supaya semua rakyat dapat menikmati kekayaan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang banyak negeri-negeri dalam negara kita masih mempunyai tanah hutan rimba yang luas untuk diusahakan terutama di negeri-negeri yang bersempadan dengan Thai iaitu Kelantan dan Trengganu.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan selain daripada menggalakkan kaum bumiputra berkecimpung dalam bidang perusahaan dan perniagaan adalah menjadi tugas Kerajaan juga untuk menggalakkan dan menolong kaum bukan bumiputra untuk menyertai dalam bidang perkembangan pertanian dengan memberikan tanah kepada mereka yang tidak mempunyai tanah untuk bercucuk tanam. Di samping itu dapatlah mereka menolong Kerajaan mencapai matlamat Kerajaan untuk membekalkan makanan yang cukup untuk keperluan rakyat di masa hadapan. Begitu juga Kerajaan hendaklah mencari jalan supaya menarik lebih ramai rakyat yang bukan bumiputra menyertai rancangan-rancangan tanah seperti FELDA dan FELCRA. Dengan cara ini barulah kita dapat benar-benar dapat mencapai matlamat Rancangan Malaysia Ketiga bagi menyusun semula masyarakat yang berbilang kaum.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang keempat, ialah masalah pelajaran. Dalam negara kita buat masa sekarang hanya mempunyai 5 buah universiti dan 4 buah institusi pengajian tinggi. Dengan tempat pengajian tingginya yang terhad, dengan ini kita tidak dapat menampung keperluan ribuan pelajar yang layak memohon untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1977 iaitu tahun ini, kita mempunyai 25,998 pelajar daripada berbilang kaum yang layak yang telah memohon untuk melanjutkan pelajaran mereka di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam negara kita. Oleh kerana

kekurangan tempat belajar di universiti-universiti dan institusi-institusi yang tersebut di atas maka hanya 5,953 pelajar yang berjaya dan seramai lebih dari 20,000 pelajar iaitu empat kali ganda daripada pelajar-pelajar yang berjaya telah ditolak untuk melanjutkan pelajaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah sebuah negara yang berdasarkan demokrasi berparlimen. Oleh yang demikian, peluang pelajaran bagi setiap pelajar atau bagi setiap warganegara yang layak adalah menjadi hak asasi setiap individu. Memandangkan kepada masa sekarang kita masih sangat kurang tempat institusi-institusi pengajian tinggi untuk keperluan rakyat yang kian bertambah dari setahun ke setahun tambahan pula dalam proses pembangunan negara kita, kita berkehendakkan tenaga mahir untuk melaksanakan projek-projek pembangunan negara maka adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan lebih banyak tempat pengajian tinggi bagi menampung kehendak-kehendak rakyat di samping meninggikan taraf pelajaran rakyat jelata.

Jika kita menoleh kepada negara-negara jiran kita seperti Indonesia dan Philipina, Indonesia, Tuan Yang di-Pertua, walaupun jumlah bilangan penduduk hanya sebelas kali ganda daripada jumlah bilangan penduduk negara kita, tetapi ianya mempunyai 220 buah pusat pengajian tinggi. Antaranya 92 buah adalah kepunyaan Kerajaan dan baki-nya adalah di bawah pentadbiran pihak swasta. Begitu juga negara Filipina penduduknya lebih kurang empat kali ganda daripada jumlah penduduk negara kita tetapi di negaranya ada sebanyak 646 buah pusat pengajian tinggi di bawah pentadbiran Kerajaan dan swasta. Jika dibandingkan dengan angka-angka Pusat Pengajian Tinggi di negara-negara jiran yang saya sebutkan tadi maka adalah terang dan nyata bahawa negara kita masih di dalam keadaan kekurangan pusat pengajian tinggi untuk menampung keperluan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa perbelanjaan pelajaran adalah yang terbesar sekali di dalam Anggaran Belanjawan Persekutuan pada tiap-tiap tahun termasuk tahun ini hampir satu perempat daripada jumlah Anggaran Belanjawan Persekutuan adalah diuntukkan kepada Kementerian Pelajaran. Oleh itu adalah menjadi sukar

bagi Kerajaan kita mendirikan pusat-pusat Pengajian tinggi dalam jangka masa yang singkat kerana kekurangan peruntukan. Sepertimana yang kita tahu di negara-negara maju pihak swasta telah memainkan peranan yang penting untuk membantu Kerajaan dalam menyediakan tempat-tempat pengajian tinggi yang cukup serta meninggikan taraf pelajaran di negara yang berkenaan. Kita patut mencontohi dasar cara bebas perkembangan pusat pengajian tinggi yang diamalkan oleh negara-negara jiran kita yang sedang maju dan mengalakkan pihak swasta dalam negara kita untuk mendirikan lebih banyak pusat pengajian tinggi untuk membantu Kerajaan mengatasi masalah kekurangan tempat-tempat pengajian tinggi di samping itu kita dapat melahirkan lebih banyak lagi tenaga mahir untuk kegunaan perkembangan pembangunan negara kita.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 1978 ini.

7.22 mlm.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang saya bercakap. Saya juga bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan.

Pada pandangan saya Budget ini adalah sangat baik dan disambut oleh rakyat semuanya sungguhpun ada pihak-pihak khasnya parti-parti lawan mengatakan ini adalah Budget Pilihanraya tetapi sebenarnya bukanlah kerana pilihanraya tetapi nasib kita baik mendapat hasil yang lumayan pada tahun-tahun sudah kerana dengan adanya hasil daripada minyak petrol. Dan kita harap pada tahun hadapan begitu juga jikalau kita dapat hasil yang lebih baik maka Budget kita bertambah-tambah baik lagi daripada tahun ini pula.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju terus berkenaan dengan perkara-perkara yang bersangkutan di Pulau Pinang. Pertama sejarah free port status maka tamatlah kelmarin di Pulau Pinang dan dengan tidak ada free port sebagai yang kita maklum, maka saya percaya banyak barang-barang yang telah kena cukai di Pulau Pinang dan ini menyebabkan peniaga-peniaga di Pulau Pinang menghadapi kesusahan biar pun peniaga kecil, peniaga

besar, importers dan sebagainya. Dan kita berharap sangat supaya Kerajaan dapat memberi satu compensation.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka bandingkan sedikit antara Pulau Pinang dengan negeri-negeri lain. Sebagaimana kita ketahui Pulau Pinang ini berharap sangat-sangat kepada perniagaan sahaja. Kita di Pulau Pinang tidak seperti di lain negeri ada getah, bijih, kelapa sawit dan kayu balak. Dengan keadaan begini di Pulau itu mereka berharap sangat kerana tidak ada lain, dengan cara perniagaan. Dan kalau dengan compensation mengadakan free duty shop, saya fikir ini tidak pergi ke manalah dengan tidak berapa kerat kedai-kedai yang dapat dan mereka ini akan menjual sebagaimana yang kita ketahui iaitu cigarette, liquor kamera dan berbagai yang lain-lain yang tidak ada membawa satu kesan kepada peniaga-peniaga di Pulau Pinang. Tetapi ada juga pihak yang mengatakan Pulau ini adalah satu Pulau untuk menarik tourist yang menguntungkan daripada tourism ini tidak lain tidak bukan, hotel sahajalah. Tetapi orang ramai tidak merasai faedah sama sekali. Oleh kerana itu sudah sampailah masanya saya merayu kepada Kerajaan supaya mencari jalan ataupun memberi compensation yang sepatutnya supaya dapatlah peniaga-peniaga ini lega sedikit.

Satu masalah yang saya bangkitkan beberapa kali supaya menolok peniaga-peniaga ini ialah mengadakan free trade area. Saya bercakap banyak kali dan sampailah hari ini benda ini tidak kedengaran sama sekali, boleh jadi ada sebab-sebab yang tertentu. Tetapi bagaimanapun saya harap sangat supaya Kementerian yang berkenaan ini mengadakan free trade area, dengan adanya free trade area dapatlah barang-barang daripada Indonesia masuk ke Pulau Pinang dan daripada situ tidak kena cukai dan kemudian dijual balik ke negeri yang lain. Dengan cara beginilah dapat peniaga-peniaga daripada Indonesia bertapak lagi sekali di Pulau Pinang kerana pada masa yang lampau banyak sangat orang Indonesia ada kedai-kedai, firma-firma di Pulau Pinang tetapi dengan kerana ketiadaan free port ini maka mereka berhijrah ke Singapura. Ini satu perkara yang besar dan saya harap Kementerian berkenaan tolonglah ambil

berat, kerana bila satu-satu benda kita rugi, dapatlah kita menampung pula kerugian dengan cara compensation.

Bercakap berkenaan dengan Pulau Pinang juga selain daripada perkara-perkara perniagaan yang bukan bumiputra, saya suka bercakap juga sedikit sebanyak berkenaan dengan hal-hal kaum bumiputra. Kaum bumiputra ini semenjak kita mencapai kemerdekaan 20 tahun, saya nampak tidaklah ada perubahan sangat, yang miskin, miskin juga cuma yang ada yang senang berapa kerat sahaja dan orang-orang ini juga berjuang dalam kemerdekaan tetapi mereka kalau dibandingkan dengan orang-orang bumiputra di lain-lain negeri, saya fikir orang di Pulau Pinang adalah lebih susah daripada negeri-negeri yang lain. Dan bukan saya sebagai seorang daripada Pulau Pinang bercakap begini bahkan ada beberapa orang Ahli-ahli Dewan Negara yang bersimpati atas hal kaum-kaum bumiputra di Pulau Pinang. Kita kedengaran satu Jawatankuasa Petugas telahpun berjalan dan pada masa sekarang saya difahamkan pegawai-pegawai yang akan mentadbirkan Jawatankuasa ini sudahpun ada di Pulau Pinang. Alhamdulillah, cuma satu sahaja, perlaksanaannya belum berjalan lagi. Saya harap secepat-cepat supaya Kementerian ini menjalankan kerja-kerja supaya dapatlah kaum bumiputra juga mengecap kesenangan yang didapati oleh bumiputra yang ada di lain-lain negeri.

Selain daripada itu berkenaan dengan perumahan. Pada 11hb Disember, 1977 yang lalu saya telah dilantik salah seorang daripada ahli Penal untuk mengundi cabutan rumah-rumah Kampung Melayu di Ayer Hitam. Di sini saya suka terangkan rumah yang disediakan adalah sebanyak 470 yunit. Ada 16,000 orang yang memohon penduduk hendak menduduki 470 yunit tadi. Dan selepas Kerajaan siasat didapati tidak kurang daripada 8,000 yang layak. Tuan Yang di-Pertua, cubalah berfikir rumah yang ada 470 tetapi yang layak 8,000. Oleh itu tidak ada jalan lain melainkan dengan cara undi. Ini menunjukkan betapa banyaknya penduduk-penduduk di Pulau Pinang tidak ada rumah sama sekali. Dan saya difahamkan juga iaitu untuk Rancangan Malaysia Ketiga di-untukkan sebanyak \$34,442,000 supaya dibina sebanyak \$3,900 juta, bermakna dalam setahun 800 yunit sahaja. Ini sangatlah men-

dukacitakan kerana sehari demi sehari penduduk di sana makin bertambah banyak, saya fikir sekarang lebih kurang ada satu juta orang. Apa yang saya harap di sini supaya Kementerian yang berkenaan beri allocation yang lebih supaya tiap-tiap orang di Pulau Pinang dapat sebuah flat. Selain daripada itu diharap juga membina rumah-rumah murah bukanlah rumah yang setakat \$25,000 ke atas kerana orang yang berpendapatan rendah tidak dapat memiliki rumah-rumah yang begitu mahal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah Kementerian Kesihatan. Saya telah bercakap atau telah menyoal di dalam Dewan yang mulia ini di dalam mesyuarat yang sudah berkenaan dengan extension kepada Hospital Besar di Pulau Pinang. Timbalan Menteri Kesihatan pada hari itu telah menjawab iaitu memang ada allocation untuk memperbaiki Hospital Besar, tetapi dukacita, saya adalah seorang pelawat Hospital Besar sampai hari ini tidak ada kedengaran sama sekali. Kita ada lagi dua tahun sahaja hendak habis Rancangan Malaysia Ketiga tetapi tidak dengar adakah tender dan bilakah hendak mulakan kerja ini. Ini juga saya minta supaya Menteri yang berkenaan tolong jawab supaya orang ramai tahu sebenarnya sudahkah dikeluarkan tender dan bilakah hendak mula kerja, kerana hospital di sana terlampau sesak dengan banyak pesakit-pesakit dan sangat kekurangan bilik.

Saya beri satu contoh pada satu ketika saya telah melawat Hospital Besar di Pulau Pinang didapati tiap-tiap hari pesakit-pesakit luar tak kurang daripada 800 sampai 1,200 orang pesakit-pesakit dan cuma ada 6 doktor sahaja untuk memeriksa pesakit-pesakit ini. Jadi bila saya kira tak lebih daripada 3 minit seorang, bermakna bila masuk tak periksa lagi, cuma bertanya sahaja, kalau selsema diberi ubat selsema, kalau demam diberi ubat demam, kalau batuk diberi ubat batuk. Ini kita tak boleh salahkan doktor berkenaan kerana cuma ada 6 doktor melayan 1,200 orang pada tiap-tiap hari. Ini satu masalah supaya Kementerian Kesihatan berfikir menambah lagi doktor-doktor di Hospital Besar di Pulau Pinang.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh berkenaan dengan airport. Saya datang daripada sana dan lebih kurang saya tahu hal

airport di Pulau Pinang dan tuan-tuan juga yang telah melawat Pulau Pinang tahu. Airport Pulau Pinang boleh dikatakan terbuka, boleh orang lalu-lalang dengan senang dan saya juga salah seorang yang berasa dukacita atas kemalangan baru-baru ini, 100 nyawa hilang kerana ada sebab-sebab yang tertentu. Saya berharap supaya kawalan rapi patut diadakan kerana ada orang yang boleh melalui VIP room dia keluar begitu dengan tidak sesiapa bertanya tambahan pula pada masa sekarang dengan adanya extension kepada airport ini maka lebih senang orang datang daripada kiri kanan terus pergi ke kapalterbang. Adalah lebih elok, saya fikir dan saya cadangkan untuk mengadakan satu fencing supaya orang-orang yang hendak naik kapalterbang itu tidak boleh lari ke mana lagi. Yang lebih anihnya saya nampak di airport kita bukan sahaja di Pulau Pinang kalau seseorang minta booking daripada agen kapalterbang, dia cuma bagi nama sahaja, kemudian bila pergi ke airport ditengok dalam list, kalau ada nama dia bagi tiket dan terus naik. Cara begini saya fikir kalau macam mana kita periksa security di bangunan tidak mencukupi, jadi saya cadangkan tiap-tiap orang yang telah memohon atau buat booking bila sampai di airport dia mahulah keluarkan Identity Card dia, barulah kita tahu sebenar-benar orang ini siapa yang hendak naik kapalterbang itu. Kalau tidak boleh jadi orang yang hendak naik kapalterbang boleh jadi tidak ada sama sekali identity card, yang boleh jadi penjahat, boleh jadi kominis, boleh jadi siapa pun. Ini satu cara yang saya fikir sungguhpun menyusahkan penumpang-penumpang tetapi kalau dengan tidak periksa identity card saya fikir kejadian ini akan berlaku lagi, kerana kita tak tahu siapa yang naik. Cadangan saya ini patutlah diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, masalah di Pulau Pinang juga pada 12hb Disember dengan serta-merta pada pukul 7.00 malam lampu padam. Ini juga apa yang dibawa oleh sahabat saya memang jadi di Pulau Pinang, keseluruh di pulau itu tidak ada lampu sama sekali. Ini menyusahkan sungguh-sungguh kepada penduduk di sana dan lip-lip berhenti, kebetulan pula banyak kenduri malam itu. Jadi satu halangan yang teruk di kilang-kilang berhenti kerja dan saya bimbang kepada keadaan begini, saya bimbang jenayah bertambah banyak, kecurian dan

berbagai-bagai dan siapa hendak bertanggungjawab. Ini saya minta juga L.L.N. ambil perhatian. Benda ini telah jadi bukan sekali, bukan dua kali dan saya biasa bawa dalam Dewan yang mulia ini. Yang sudah-sudah cuma seksyen-seksyen sahaja yang padam tetapi pada 12hb Disember seluruh Pulau Pinang dan Seberang Perai padam. Ini menyusahkan orang sungguh-sungguh. Besuknya kita dapat tahu dari akhbar, itu tak kena, ini kurang teknikal term yang mana saya tidak faham. Kita tidak mahu dengar ini. Apa yang kita mahu supaya L.L.N. ataupun Kementerian yang berkenaan ambil satu kajian yang betul-betul supaya jangan lagi jadi perkara macam ini. Kita sudah maju ke hadapan boleh dikatakan vote allocation banyak dalam kesemua Kementerian tetapi pelaksanaannya atau kerjanya semakin mundur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya telah bawa perkara ini sungguhpun perkara ini kecil tetapi ini menyusahkan orang-orang kampung iaitu borang biasiswa kecil Persekutuan. Kalau seorang hendak memohon scholarship ini dia terpaksa sudah ambil semua tanda tangan guru besar dan sebagainya dia kena ambil tandatangan iaitu Ahli Dewan Negeri/Senator/Ahli Parlimen/J.P./Ketua Jabatan/Penghulu kemudian Ketua Kampung, elok bagus sangat. Saya biasa tandatangan banyak borang-borang macam ini tetapi yang menyedihkan selepas salah seorang daripada yang saya sebutkan ini menandatangani terpaksalah orang kampung pergi ambil lagi tandatangan iaitu daripada Magistrate/Pegawai Daerah/atau Kakitangan Kerajaan Bahagian Satu. Orang kampung di mana hendak cari orang-orang ini semua. Tidakkah orang-orang yang saya sebutkan tadi seperti J.P. dan sebagainya, orang-orang ini lebih tahu hal orang-orang kampung. Tidak patut sekali diminta lagi ibubapa pergi jumpa dengan Pegawai Daerah, 10 batu jauh ataupun Magistrate yang saya sendiri tidak kenal dengan Magistrate, tambahan lagi orang kampung. Ini menyusahkan orang ramai. Jadi saya minta supaya borang yang macam ini dimansuhkan. Tak patut lagi menyusahkan orang sungguh-sungguh. Banyak sangat pengaduan-pengaduan berkenaan dengan ini kerana hendak mendapat \$25 menyusahkan orang ramai. Saya telah bawa perkara ini dalam Dewan ini tetapi

nampaknya borang ini berjalan terus. Jadi saya mintalah Kementerian Pelajaran ambil berat atas perkara ini.

Satu masalah lagi berkenaan dengan rokok. Kadang-kadang saya berasa hairan tengok kita ini Kerajaan Barisan Nasional. Satu Kementerian mengatakan rokok ini merbahaya iaitu "amaran oleh Kerajaan Malaysia merokok merbahaya kesihatan". Eloklah, satu kempen yang cukup bagus, tetapi sebaliknya pula di dalam Jabatan Penerangan menggalakkan bertambah-tambah kempen advertisement berjalan lebih daripada yang sudah-sudah, berbagai-bagai anika rokok. Jadi yang manakah orang ramai ini hendak ikut? Hendak ikut Kementerian Kesihatan atau hendak ikut Jabatan Penerangan. Saya minta kedua-dua Jabatan ini cubalah berfikir mana yang betul, boleh jadi barangkali Menteri Kesihatan ini tidak hisap rokok, Menteri Penerangan hisap rokok tetapi yang betul beliau hisap paip. Jadi inipun satu masalah kita di bawah satu naungan, satu Kerajaan tetapi yang sebelah kata jangan hisap, yang sebelah kata buat kempen advertisement yang lebih kuat lagi.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Berkenaan dengan jalanraya, saya kerap kali berjalan naik motokar daripada Pulau Pinang sampai ke Kuala Lumpur. Boleh dikatakan jalan daripada Pulau Pinang sampai ke Ipoh bagus semuanya, boleh lari 50 b.s.j. tetapi apabila kita sampai di Tanjong Malim hendak sampai ke Kuala Lumpur sekurang-kurangnya dua jam, sebabnya jalanraya antara Tanjong Malim dengan Kuala Lumpur terlampau buruk keadaannya, jalan sempit, lingkoknya banyak dan berlubang merata-rata. Saya pun hairan fasal apa Kementerian Kerjaraya tidak ambil tahu hal ini, cuma ambil tahu jalan di sebelah selatan sahaja. Saya fikir banyak Ahli Dewan Negara yang telah berulang alik antara Tanjong Malim ke sini menghadapi kesusahan sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan talipon. Perkara inipun telah dicakapkan, saya pun naik jemu tetapi oleh kerana kita sebagai wakil orang ramai kita tidak boleh jemu, saya hendak bercakap lagi sekali iaitu sistem dial kita ini makin sehari makin buruk, makin tidak bagus dan orang tidak

ada confidence lagi. Baru-baru ini saya bercakap daripada Pulau Pinang hendak bercakap ke Seremban kepada lima orang di Seremban, kelima-limanya kononnya engaged dan saya tidak faham antara Pulau Pinang ke Seremban ini kerana apa begitu, bukan itu sahaja bahkan di dalam local pun begitu. Bila kita bercakap setengah jalan dia berhenti, kemudian kita minta nombor, nombor yang kita minta kita dial, minta rumah Melayu dapat rumah China. Saya sendiri kena marah beberapa kali. Nampaknya sistem dial kita ini hopeless dan fasal apa kita tidak tahu. Adakah kekurangan apa-apa, ini Kementerian yang berkenaan sahaja yang faham. Dan over-charging pun begitu juga. Sampai hari ini jadi begitu juga, banyak sangat komplek. Apabila orang komplek dalam akhbar kata di Pulau Pinang tidak apalah, pergi jumpa dengan pegawai berkenaan, itu kita tidak mahu dengar. Apa yang kita mahu ambil satu kajian, adakah meter sistem kita ini berjalan betul atau tidak. Kalau tidak betul—campak, buang, buat lain, jangan beri orang susah semua sekali.

Sekianlah sahaja ucapan saya. Saya bercakap ini dengan ikhlas, tidak ada menyinggung sesiapa dan saya menyokong penuh Bil yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

7.43 mlm.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan dan juga segala pihak yang telah mengambil bahagian menyusun dan membentangkan perbelanjaan kewangan bagi tahun 1978 yang saya percaya sebelum daripada dibentangkan ke dalam kedua-dua Dewan ini tentulah telahpun diluluskan oleh Kabinet pada masa dua tiga bulan dahulu yang mana belum ada lagi pemecatan ataupun belum ada lagi perletakan jawatan daripada parti-parti yang telah menyebutkan bahawa perbelanjaan ini ialah perbelanjaan bagi pilihanraya. Walau bagaimana sekalipun saya rasa patutlah diberi beberapa perhatian. Jumlah perbelanjaan yang akan dibelanjakan dalam tahun 1978 berjumlah lebih daripada \$12,000 juta yang mana \$8,000 juta daripadanya ialah untuk Belanja Pengurusan yang boleh dikatakan setiap \$3 yang dibelanjakan, \$2 daripadanya ialah untuk

Belanja Pengurusan dan saya percaya juga sebahagian besar daripada Belanjawan Pengurusan ini adalah untuk membayar gaji dan elaun kakitangan Kerajaan yang berjumlah lebih daripada setengah juta kakitangan.

Kita semua maklum di dalam mengawasi lebih daripada setengah juta kakitangan ini tentulah satu perkara yang rumit dan satu perkara yang sukar untuk dikendalikan. Di dalam Dewan yang mulia pada hari ini telah kita dengar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyebut ada berlakunya penyelewengan ataupun kesilapan yang sengaja dilakukan atau tidak oleh sebahagian daripada kakitangan Kerajaan, khususnya mereka yang memegang tampuk Kerajaan yang penting ataupun memikul tanggungjawab yang penting di dalam pengurusan Kerajaan. Dan telah kita dengar juga tidak sunyi daripada rungutan-rungutan yang mengatakan rasuah atau korupsi yang masih berjalan, yang masih diamalkan di dalam negara kita yang permai ini. Pada masa dahulu saya telah meminta Kementerian Undang-undang menyatakan samada undang-undang mencukupi untuk membenteras atau mengurangkan perbuatan-perbuatan rasuah ini. Jawapan yang diperolehi seperti yang telah dicatit di dalam *Hansard* Dewan yang mulia ini bahawa undang-undang adalah mencukupi. Dalam pada itu-pun kita nampak rungutan-rungutan masih terdapat, perbuatan ini boleh dikatakan memberi kesan kepada perdagangan, perusahaan dan sebagainya. Jadi untuk mengawasi hal ini, saya rasa adalah perlu sekali bagi Kerajaan menubuh sebuah kuliah yang mana jika didapati pegawai-pegawai yang tidak begitu menjalankan kewajibannya dengan penuh dedikasi bolehlah dimasukkan ke dalam kuliah ini untuk diorientasikan semula supaya menyedari tanggungjawabnya dengan lebih mendalam dan boleh menambahkan kadar pengeluaran hasil daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan bahawa pada tahun akan datang akan diadakan peluang pekerjaan sebanyak 29,000. Saya rasa ini adalah satu kenyataan yang menarik dan saya ingin mengesyorkan mengikut pengalaman-pengalaman yang telah lalu jawatan-jawatan ini biasanya disukat atau diberi mengikut kadar kelulusan masing-masing. Oleh itu saya sukalah mengesyorkan

Kerajaan haruslah memberi arahan-arahan walaupun kita memberi jawatan-jawatan ini mengikut kelulusan masing-masing tetapi satu faktor yang penting iaitu kadar kemiskinan yang berlaku di kalangan rakyat yang miskin patutlah dijadikan satu faktor di dalam pemilihan ini. Dengan lebih jelas lagi kalau kita katakan pemilihan Pegawai-pegawai Kerani misalnya yang pada kebiasaannya diambil kelulusan-kelulusan Gred II. Walaupun di dalam kumpulan-kumpulan Gred II ini terdapat latarbelakang rumah tangganya yang begitu mewah, yang begitu senang, yang mempunyai keturunan yang lebih baik maka diketepikan mereka yang berpendapatan rendah walaupun pada hakikatnya orang-orang yang berpendapatan rendah itu mempunyai qualifications ataupun kelulusan yang agak rendah sedikit daripada yang terdapat pada mereka yang mempunyai keturunan yang lebih baik. Di dalam hal ini walaupun kita menjadi satu sukatan bahawa kelulusan yang baik itu terdapat pada pemikiran yang baik tetapi keadaan atmosphere ataupun kemiskinan adalah satu-satunya faktor yang membawa kelemahan pemikiran dan kelemahan kemajuan hasil pelajaran anak-anak kita. Jadi saya sukalah mengesyorkan iaitu patutlah di dalam memilih calon-calon kelak anak-anak orang-orang yang miskin iaitu anak-anak orang yang berpendapatan rendah patutlah diberi satu markah yang tertentu agar dapat kita menseimbangkan pendapatan mereka itu sendiri.

Di dalam usaha-usaha yang telah lalu juga kita telah banyak mendengar sungutan-sungutan yang bersabit dengan pembahagian kekayaan di antara kaum-kaum di negeri ini baikpun daripada segi pembahagian tanah mahupun daripada segi pembahagian kerusi-kerusi ataupun tempat-tempat di pelajaran-pelajaran tinggi. Saya haruslah menegaskan di sini bahawa pada hemat saya orang-orang Melayu ataupun bumiputra adalah dikenali sebagai satu golongan yang mudah, yang senang untuk mendapatkan sesuatu daripadanya. Sebagai seorang yang pernah berniaga sudah lebih daripada suku abad saya rasa saya lebih senang menjual kepada bumiputra daripada untuk menjual sesuatu kepada mereka yang mempunyai satu pemikiran yang lebih sophisticated daripada bumiputra sendiri. Saya rasa apa yang telah diperolehi oleh golongan-golongan lain di negeri ini adalah wajar sekali dan kalau

ditilik daripada hasil-hasil pilihanraya di mana kawasan-kawasan yang mempunyai majoriti orang-orang Melayu didapati orang-orang bangsa lain masih boleh memenangi kerusi di kawasan yang majoritinya orang-orang Melayu, tetapi sebaliknya adalah satu perkara yang mustahil bagi orang-orang Melayu untuk memenangi di kawasan di mana ada pengundi-pengundinya lebih majoritinya bukan orang Melayu. Saya rasa ini adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan bahawa orang-orang Melayu boleh memberi kuasa politik kepada saudara-saudaranya yang bukan seketurunan. Tetapi saudara-saudara kita yang lain tidak pernah membahagi kuasa politik ini di dalam kawasan-kawasan di mana majoritinya bukan bumiputra. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan sama sekali oleh siapa sekalipun. Oleh itu sebagai ketua-ketua kaum yang mewakili berbagai-bagai parti saya rasa bukanlah kewajipan mereka hanya bercakap untuk satu pihak sahaja di dalam Dewan ini dan mengambil apa yang menjadi keuntungan sahaja maka adalah menjadi kewajipan juga membetulkan keadaan masyarakat yang masih mempunyai tebal perasaan jawnisma ataupun perasaan perkauman yang lebih tebal daripada bumiputra sendiri. Saya rasa keadaan kita sekarang bukannya untuk meninggikan atau melebihi mana-mana kaum. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah ditegaskan bahawa rancangan kita adalah untuk memberi persefahaman di antara segala kaum yang mendiami bumi yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam konsep kita mengadakan perumahan di bandar-bandar di dalam negeri ini mengikut perhatian saya sedikit demi sedikit kebudayaan dan keugamaan yang dianut oleh orang-orang Melayu mungkin akan hapus kalau perkara ini tidak dibetulkan dengan cara yang memberi kesan. Di mana-mana kawasan perumahan di peringkat pertengahan iaitu rumah-rumah yang berharga \$50,000 ke atas kita tidak langsung mendapat perkara-perkara yang menjadi keutamaan kepada masyarakat Islam, kepada masyarakat Melayu yang beragama Islam seperti surau-sarau dan tempat-tempat untuk mengadakan perjumpaan-perjumpaan. Jadi budak-budak atau anak-anak yang dilahirkan di dalam peringkat ini sudah tidak lagi mengenali kebudayaan dan sudah tidak lagi mengenali keugamaan dan sudah tidak mempunyai

adat resam yang patut diketahui oleh setiap orang-orang Melayu yang beragama Islam. Kalau kita dapat melahirkan satu masyarakat yang sudah melupai ugamanya sendiri, sudah melupai kebudayaannya sendiri maka saya rasa kita telah membuat satu kesalahan yang akan menimbulkan satu perkara yang tidak diinginkan pada masa akan datang.

Saudara saya dari Sabah semalam telah bercakap mengenai dengan pelajaran yang saya boleh kata sangat mempersetujui hakikat ini iaitu kita telah melihat banyak universiti-universiti kita yang telah melahirkan beberapa banyak teknokrat dan beberapa banyak professional yang menjalankan tugas-tugas yang penting di dalam negara ini. Akan tetapi hasil daripada sistem pelajaran ini kita belum atau amat sedikit yang dapat dilihat bahawa kesan-kesan daripada pelajaran itu dapat melahirkan satu moral, satu integrity ataupun satu keperibadian yang tinggi di kalangan pelajar-pelajar kita. Oleh itu, saya rasa adalah satu perkara yang penting, perkara akhlak ini dapat dijadikan satu perkara yang penting di dalam sekolah rendah baikpun sehingga ke universiti.

Perkara yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan sedikit iaitu berkenaan dengan perkara disiplin di kalangan orang ramai. Disiplin di kalangan orang ramai ini dapat dilihat daripada keadaan lalulintas di mana-mana sahaja terutama sekali di mana keadaan sesak yang kerap kita dapati bahawa keadaan disiplin pembawa-pembawa motokar amatlah ketara sekali. Saya rasa hal ini kalau tidak dibetulkan seolah-olah mereka ini tidak mengenali sama sekali di mana hak mereka dan di mana hak orang lain. Kerap kali kita dapati siapa yang lebih gelujuh maka dialah yang dapat pergi dahulu. Jadi hal ini yang berlaku di jalanraya sekarang adalah satu bukti yang menunjukkan kita masih jauh daripada satu masyarakat yang berdisiplin dan saya berharaplah pihak pemerintah ataupun pihak Kementerian berkenaan akan mengambil tindakan sedikit demi sedikit untuk menghapuskan keadaan yang buruk ini, keadaan yang tidak siuman yang berlaku di jalanraya yang mana pembawa motokar langsung tidak mengenali peraturan-peraturan dan tidak langsung menghormati hak-hak orang lain di jalanraya.

Sekianlah sahaja dan saya mengakhiri dengan menyokong Rang Undang-undang ini.

8.01 mlm.

Tuan Choo Ching Hwa: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1978 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dalam berbuat demikian saya ingin mengemukakan beberapa hal mengenai gerakan koperasi di dalam negara kita seperti sedia maklum adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk menggalakkan pertubuhan gerakan koperasi petani-petani, nelayan dan orang-orang kecil digalakkan supaya menubuhkan atau memasuki koperasi-koperatif dan menyertai perdagangan dan perindustrian. Adalah juga menjadi tujuan Kerajaan untuk meninggikan daya pengeluaran dan menaikkan taraf hidup rakyat dengan menggalakkan penyertaan yang lebih besar di dalam gerakan koperasi. Untuk menghasilkan penubuhan dan pembangunan gerakan koperasi yang sihat Kerajaan telah menubuhkan Jabatan Pembangunan Koperasi di bawah Kementerian Pertanian. Maktab Kerjasama di Petaling Jaya sudah didirikan sejak tahun 1956 dengan tujuan memaju dan meluaskan prinsip-prinsip dan pengajaran gerakan koperasi dalam negara ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Kerajaan berharap untuk melibatkan sekurang-kurangnya 1.7 juta orang dan di dalam gerakan koperasi, setakat ini terdapat 1,844 buah koperasi dalam negara ini dengan keahliannya berjumlah lebih kurang 1 juta orang dan sahamnya berjumlah lebih daripada \$404 juta. Sementara mengakui bahawa banyak kemajuan dan kejayaan telah dicapai oleh koperasi kita pada setengah abad yang lampau hendaklah diperhatikan bahawa gerakan tersebut sekarang hanya melibatkan sebahagian kecil daripada jumlah penduduk kurang daripada 10% atau lebih tepat lagi 8.75%. Dari segi penyertaan saham modal kemajuan adalah diperlukan. Saya sendiri percaya bahawa terdapat banyak peluang dan potential bagi gerakan koperasi kita bertumbuh dan perkembangan. Gerakan koperasi di negara-negara lain boleh menjadi contoh dan inspirasi bagi kita. Misalnya di Sweden di mana 80% daripada perindustrian termasuk limbungan

kapal dan kilang-kilang besar adalah dimiliki dan dijalankan oleh koperasi-koperatif. Penyertaan gerakan koperasi di dalam perindustrian serupa ini memberikan satu cara yang berkesan untuk memastikan kecukupan dan daya pengeluaran yang bertambah dan pekerja yang menjadi ahli koperasi akan dapat menikmati kejayaan usaha-usaha perindustrian yang dimiliki oleh koperasi. Usaha mempelbagai koperasi ke dalam beberapa perusahaan akan memberi suatu kedudukan ekonomi yang kuat bagi koperasi dan menolong dalam mewujudkan pekerja juga.

Seperti kita sedia maklum sektor swasta adalah dikehendaki memberikan sebahagian terbesar daripada pelabur tempatan bagi melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga dengan berjaya. Satu gerakan koperasi yang sihat dan cergas dapat membantu dalam mencapai gerakan modal yang begini diperlukan. Inilah daripada beberapa sebab mengapa kita mesti memperkembangkan gerakan koperasi dan tindakan-tindakan yang tepat dan betul hendaklah dicari untuk memastikan satu kemajuan, pertumbuhan yang teratur dan sihat bagi gerakan koperasi ini. Sementara peniaga-peniaga menghargai peluang untuk mengekal dan mengawal bagaimanapun kita pastikan bahawa the Co-operative Society Ordinance and Rules are not tampered in such a way as to make them unnecessarily restrictive and not workable thereby resulting in obstructing and retarding rather than promoting and facilitating the order and healthy growth and development of the co-operative movement.

Tuan Yang di-Pertua, in this connection, I would like to refer specifically to Rule 10A of the Co-operative Societies (Amendment) Rules, 1976. Under Rule 10A (1) no person shall be appointed as a member of a Board of Directors of a Co-operative for any continuous period exceeding six years. It is compulsory for a director to step down and vacate his seat after six years for a minimum period of two years even though he may have the confidence and support of 100% of the membership of his co-operative society.

This is definitely highly undemocratic, if not unconstitutional. Furthermore, how can a co-operative, as a socio-economic body, be able to see its long term projects through and to provide continuity in proper and efficient management if its key members of the Board

are not permitted to serve for a longer period and for as long as the members want them? This disruption is certainly going to do more harm than good to a co-operative for it leaves very little time for long-term planning and implementation of the co-operative's projects and undertakings. Its adverse effect on a co-operative which undertakes multiple business functions and activities would be more evident and telling than on a single purposes co-operative like thrift and loan or a credit co-operative.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dahulu, Saya tidak dengar Ahli Yang Berhormat minta izin daripada saya untuk menggunakan bahasa Inggeris. Sila minta izin dahulu.

Tuan Choo Ching Hwa: Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin sekarang untuk berucap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh kerana perkara ini teknikal sedikit, bolehlah, tetapi minta izin dahulu!

Tuan Choo Ching Hwa: (*Dengan izin*) Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Rule 20A (3) of the Co-operative Societies (Amendment) Rules forbids a person for auditing the accounts of a co-operative for any continuous period exceeding six years even though he is a qualified certified public accountant and also possesses a valid audit licence from the authorities concerned. Why should the Co-operative Department deny a licensed auditor from continuing to audit a co-operative for a continuous period exceeding six years? After all, before auditing a co-operative, a licensed auditor has first to obtain the necessary approval from the Registrar-General of Co-operatives. If the integrity of a particular auditor is in doubt or his work unsatisfactory, the proper and correct thing to do is for the Registrar-General of Co-operative Societies to single him out and penalise him accordingly, for instance, by black-listing him or withdrawing his authority to audit co-operatives. Certainly it is very wrong and high-handed of the Department to impose such a general restriction on all licensed auditors thereby placing their professional integrity in doubt.

It is appreciated that the Government introduced or brought in this legislation with a view to wiping out malpractices in the

management of co-operatives and in the interest of their members, especially the ordinary members—the small people who have been encouraged to join and participate in co-operatives in order to improve their socio-economic well being. But the Rules, as I mentioned earlier, cut both ways. While they are intended to prevent certain people from becoming entrenched in positions on the Board and to give a chance for others to serve, they also reduce the effectiveness of the Board. New Members of the Board must pick up from scratch and this needs time. There will also be less enthusiasm and inclination for long-term planning of business projects, which they are not certain of seeing through to completion themselves.

Jaminan yang terbaik sekali untuk memastikan pertubuhan dan kemajuan yang teratur dan sihat bagi koperatif-koperatif ialah mendapatkan ahli-ahli yang bertanggungjawab dan enlightened. Mereka mesti menjadi anjing penjaga di dalam pertubuhan mereka untuk mengurangkan perbuatan yang salah dan pastikan bahawa koperatif mereka adalah dijalankan dan diuruskan dengan sewajarnya dan secepatnya. Yang demikian approach yang berkesan sekali ialah mengajar para ahli dan menjadikan mereka sedarkan hak-hak kewajipan dan tanggungjawab mereka sebagai ahli-ahli biasa dalam sebuah koperatif dan bagaimana mereka boleh menjadikan koperatif mereka bekerja dan berkhidmat kepada mereka. Mereka mempunyai hak untuk tidak memilih sebarang daripada pengarah-pengarah dan mereka hendaklah berbuat demikian sekiranya didapati sebarang daripada pengarah-pengarah itu tidak cekap atau integritinya dan kejujurannya adalah diragukan ataupun yang berpegang kepada jawatan mereka bagi faedah persendirian. Saya perhatikan bahawa Cawangan Pelajaran dan Penerangan di Jabatan Pembangunan Koperasi telah memberikan latihan pada kira-kira 300,000 orang tahun ini. Dengan kadar ini ia sepatutnya dapat melatih semua Coperator yang ada di dalam negara ini dalam tiga atau empat tahun. Dengan ahli-ahli yang enlightened dan bertanggungjawab yang sedarkan hak-hak kewajipan dan tanggungjawab mereka sebagai coperator dan yang mengambil minat yang giat dalam perusahaan dan hal ehwal koperatif-koperatif mereka, para pengarah akan dijaga supaya tidak melampau batas. Saya rasa betul-betul iaitu undang-undang

yang kita mempunyai sekarang untuk menjaga kesalahan-kesalahan jenayah dan korupsi adalah lebih daripada mencukupi. Kalau seseorang anggota Lembaga Koperasi didapati menjalankan perbuatan yang salah ia hendaklah dikeluarkan dan dihukum dengan beratnya di bawah undang-undang jenayah untuk menjaga orang-orang yang lain.

It is wrong and highly unfair for the Co-operative Development Department to hide behind diverse legislations like Rule 10A and Rule 20A to rope all in—the guilty as well as the innocent ones. Go for the guilty by all means and clean up the Movement. But please leave the innocent and dedicated ones aside to continue to lead and serve their members for as long as they are needed.

Dalam hubungan ini, saya sukacita mengalu-alukan pengumuman bekas Menteri Pertanian Allahyarham Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad pada 3hb November semasa merasmikan upacara pembukaan Mesyuarat Agong Pelancaran Koperasi Perumahan Nasional Berhad di Maktab Kerjasama, Petaling Jaya. Dalam peristiwa tersebut Allahyarham Datuk Seri telah mengakui di depan umum ujudnya beberapa peruntukan daripada undang-undang koperasi yang berjalan menentang pertubuhan dan kemajuan yang licin teratur dan sihat bagi gerakan koperasi.

Beliau selanjutnya mengumumkan iaitu ianya telah meminta Jabatan Pembangunan Koperasi supaya memeriksa semula undang-undang tersebut dengan maksud untuk memasukkan peruntukan-peruntukan tersebut. Sungguhpun Allahyarham Datuk Seri sekarang tidak berada bersama-sama kita, saya ingin mendesak Jabatan Pembangunan Koperasi supaya jangan biarkan amanat akhir Allahyarham Datuk Seri Ali bin Haji Ahmad mengenai perkara ini dan bertindak mengikut pesannya secepat mungkin.

8.21 mlm.

Tuan Joseph Unting Anak Umang: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan Belanjawan 1978 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita baharu-baharu ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Menteri Kewangan yang menurangkan cukai barang-barang keperluan rakyat kita di negara ini. Sambil saya menyokong Rang Undang-undang tersebut, saya juga menyentuh sedikit berkenaan dengan perkara-perkara yang menimpa rakyat bumiputra di Sarawak atau di Semenanjung Malaysia menceburkan diri di dalam ke semua bidang perniagaan atau kontrek terutama sekali bangsa bumiputra di Sarawak. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri iaitu Kerajaan Barisan Nasional memanglah menggalakkan bangsa-bangsa bumiputra menceburkan diri dalam ke semua bidang perniagaan selain daripada perniagaan runcit iaitu perniagaan-perniagaan pemborong. Banyak bumiputra kita di Sarawak memohon lesen pemborong atau kontrek Kelas F kerana Bumiputra di Sarawak tidak dibenarkan mengambil lesen Kelas A, B dan C kerana kita bangsa Bumiputra di Sarawak cuma dibenarkan mengambil lesen Kelas F sebab Bumiputra tidak mempunyai modal atau pengalaman. Jadi, Bumiputra di Sarawak cuma diberi lesen kontrek Kelas F sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, lesen kontrek Kelas F cuma dapat \$30,000 sahaja masuk tender tetapi ramai bangsa Bumiputra di Sarawak yang masuk tender tiap-tiap tahun cuma dapat \$2,000-\$3,000 seperti mengecat rumah dan sebagainya. Sekira Kerajaan Pusat tidak ada berkaitan dengan perkara tersebut, saya minta juga Kerajaan Pusat mengarahkan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri iaitu Department of Land Revenue tidak mengenakan Income Tax kepada peniaga-peniaga pemborong bangsa Bumiputra di Sarawak. Kerana lesen yang kecil begitu bayar registration \$50 bukan syarikat sendiri berhad—cuma syarikat Bumiputra sahaja, jadi tidak mempunyai modal yang banyak dan kalau untung pun tidak melebihi dari perbelanjaannya sendiri. Jadi, kadang-kadang rakyat bumiputra di Sarawak sekiranya tahun ini dapat tender mengecat rumah tetapi dua tiga tahun lagi dia tidak dapat tender kerana ramai kontrektor Bumiputra yang mempunyai lesen Kelas F. Tiap-tiap kali rakyat merungut kerana membayar income tax. Kalau dapat untung \$10 dikenakan tax 4 ertinya 40%. Kalau kerajaan Negeri kita memaksa berbuat begitu jadi sebenarnya bukan hendak menggalakkan orang Bumiputra untuk mempelajari kontrek

ataupun dalam bidang perniagaan yang lain. Saya mintalah Kerajaan Pusat mengarahkan Kerajaan Negeri bangsa Bumiputra di Sarawak dapat mengambil lesen Kelas B atau C ataupun tidak dengan kerasnya mengenakan income tax yang kalau dapat untung \$100 dipotong tax \$40.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan guru-guru. Ramai guru-guru di Sarawak yang sudah bersara daripada jawatan, ada yang dua tahun, ada yang tiga tahun belum lagi menerima apa-apa pencen atau bonus. Saya mintalah Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri atau Kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat tentang perkara ini supaya Kerajaan Barisan Nasional tidak diburuk-burukkan. Sebab saya tahu beberapa orang di Sarawak, di Sibu atau Bahagian Ketiga, Keempat telah menemui saya dan memberi tahu bahawa mereka sudah dua, tiga tahun pencen tetapi masih belum dapat menerima apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga menyentuh sedikit berkenaan dengan murid-murid sekolah rendah yang tinggal di asrama, sebab di Sarawak murid-murid ini tinggal jauh dari rumah mereka. Mereka tidak sanggup pergi ke sekolah waktu pagi dan balik petang melainkan mereka tinggal di asrama. Kerajaan telah mengadakan peruntukan \$10 untuk belanja makan murid-murid yang tinggal di asrama tetapi pada pendapat saya wang sebanyak ini tidak mencukupi dan tidak seimbang pula dengan harga barang-barang pada masa sekarang. Jadi, saya mintalah Kementerian yang berkenaan sekiranya dapat diberikannya dua kali ganda iaitu \$20 sebulan atau \$30 sebulan supaya ibubapa murid-murid kita di luar bandar puas hati. Jadi, saya harap Kementerian yang berkenaan mengambil berat perkara ini supaya rakyat kita ini dapat senang sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan General Hospital Sibu. Dahulu kita ada mendengar Ahli Parlimen dari Bandar Sibu iaitu Yang Berhormat Tuan Wee Ho Soon ada menyentuh General Hospital Sibu akan dibina tetapi betul-betul tidak mencukupi, bukan katil-katilnya tidak cukup tetapi hospital itu sendiri tidak cukup kerana orangnya ramai. Saya minta Kerajaan Pusat mengarahkan Kerajaan Negeri jangan mengambil tanah

orang yang dikatakan maize zone kalau tanah maize zone ini mahal. Kalau tanah maize zone dibeli untuk membina hospital ini mahal jadi keuntungan kepada orang seorang sahaja. Kalau mengambil tanah untuk membina hospital ataupun manamana tempat yang berkaitan dengan Kerajaan Pusat, eloklah ambil native area. Native area ini murah, bayarannya \$50 seekar. Rakyat jelata ini bila diberi 2 ekar atau 3 ekar seorang, semua orang senang. Bila kita ambil rezone, ada gerannya. Maize zone ini mahal, keuntungan orang perseorangan sahaja. Saya tahu di Sibu, pertamanya di Nyarot, sekarang dipindahkan di Bahagian Lima. Di Bahagian Lima orang yang punya tanah maize zone ini mahal. Saya minta Kerajaan Pusat mengarahkan Kerajaan Negeri janganlah mengambil tanah maize zone, ambillah native area, sebab harganya murah.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai perkhidmatan kapal terbang di Pulau Pinang sebagaimana yang disentuh oleh seorang Ahli Yang Berhormat tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini memang selalu naik kapal terbang, jarang yang pakai perahu, cuma orang Sarawak sahaja yang gunakan perahu. Tahun 1950 dahulu saya jadi askar di Malaya tidak pernah saya dicek, bila sampai di Kuala Lumpur, baru dicek, begnya besar sekali, bila masuk tidak dicek. Pergi ke Singapura atau pergi ke Indonesia atau ke mana-mana, bila masuk, cuma badan sahaja, handbag atau beg ataupun kata orang Sarawak. Ini sahaja yang dicek, tetapi beg yang besar tidak dicek. Bila sampai di Kuala Lumpur baru check. Kalau saya bawa beg besar, masuk sahaja. Kalau bom, saya kira meter satu jam ia berjalan, akan meletup, tentulah kita susah. Pada pendapat saya sebelum beg itu dibawa masuk, semuanya dibuka apa yang ada di dalamnya. Badan dibuka. Orang perempuan, kalau dia malu, masuk di dalam. Itulah dia keselamatan. Saya tahu kerana ini berlaku di Singapura di mana saya bersama Yang Berhormat Haji Latip Dris, bila masuk dari Kuching Airport, mereka check, bila masuk Singapura, check lagi. Tetapi pistol saya dia tidak dapat check, tetapi saya dapat masuk ke Singapura. Saya tidak percaya security yang sebegini. Kita mesti buka betul-betul. Kalau dia perempuan dari luar negeri, misalnya seorang perempuan Inggeris bawa baju

besar-besar, dia bawa pistol, disangkutnya, siapa yang tahu. Tetapi kemalangan kapal-terbang kita bukan akibat daripada pistol. Pada pendapat saya sendiri ini akibat daripada bom. Beg besar, masuk tidak dicheck, tetapi bom, dia bukan beberapa minit kapal-terbang itu boleh meletup, itu yang berlaku. Ini pada pendapat saya sendiri dan saya bukanlah orang yang ada pengalaman dalam perkara itu tetapi jangka-jangka sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 ini.

8.34 m/m.

Tuan Ali bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 19-12-1977 ini.

Saya mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan yang telah mencadangkan peruntukan yang besar bagi tahun 1978 iaitu kira-kira 15.5% lebih daripada peruntukan tahun 1977, dan lebih daripada 1/3 daripada peruntukan ini adalah belanja pembangunan terutama sekali di luar-luar bandar. Dari keterangan-keterangan yang diperolehi dapatlah difahamkan bahawa kedudukan kewangan negara kita pada masa ini masih tegak dan teguh dan kita berharap keadaan ekonomi yang berubah-ubah di negara-negara perindustrian itu hanya sementara sahaja. Begitu-lah juga sikap perdagangan mereka terhadap Malaysia dan negara-negara ASEAN tidak diperkotak-katikkan dan diharapkan tidaklah akan menjejaskan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyokong Rang Undang-undang ini, saya suka menyentuh sedikit tentang dasar kewangan dan inflasi. Kerajaan hendaklah lebih berhati-hati dalam menggunakan dasar kewangan sebagai alat untuk pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi lebih bererti jika ianya berlaku di dalam keadaan kestabilan harga dan inflasinya .0%. Inflasi walaupun kecil bererti satu keadaan yang tidak sihat berlaku di dalam ekonomi. Inflasi sebanyak 5% setahun bererti mereka yang berpendapatan tetap di mana gaji atau upahnya itu yang naik hanya 5% setahun akan tidak mengalami apa-apa kenaikan

dalam pendapatan mereka yang sebenarnya. Ini adalah mendukacitakan kerana sewaktu ekonomi secara keseluruhannya berkembang dan bertumbuh tetapi pihak-pihak yang menerima pendapatan daripada gaji atau upah di mana kenaikan gaji mereka hanya 5% sahaja setahun, tidak akan menerima apa-apa perubahan. Dengan ini adalah wajar sekali Kerajaan terutama pihak berkuasa kewangan dan melalui Bank Negara mengawal perkembangan bekalan wang negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada Laporan Ekonomi tahun 1977/1978 di dalam Jadual 8 (i) adalah didapati di dalam tahun-tahun enam puluhan sehingga tahun 1971 kadar pertumbuhan bekalan wang tetap hanya di dalam lingkungan 10% ataupun kurang. Pada waktu itu negara kita menikmati kestabilan harga. Inflasi tidak pernah berlaku pada ketika itu dan kita tidak pernah mendengar pun perkataan inflasi. Tetapi pada tahun 1972 dan 1973 apabila bekalan wang bertambah sebanyak 28.1% dan 37.6%, negara kita telah mengalami tekanan inflasi yang teruk.

Tuan Yang di-Pertua, syukurlah kita bahawa Kerajaan telah mengawal perkembangan matawang bagi tahun 1974 dan 1975 di mana perkembangan matawang hanya 8.6% dan 7.3%. Ini telah menghasilkan satu kesetabilan harga pada tahun 1975 dan pada awal tahun 1976 walaupun beberapa negara di dunia pada masa itu mengalami inflasi yang tinggi. Tetapi pada akhir-akhir ini bekalan matawang telah dibenarkan berkembang dengan kadar 20.9% pada tahun 1976 dan dijangka akan berkembang 21.9% pada tahun 1977 ini. Ini nyatalah satu langkah yang bertentangan dengan dasar men-setabilkan harga di dalam negeri. Perkembangan matawang tahun lalu dan tahun ini amat membimbangkan kepada rakyat jelata kerana ini dengan sendirinya nanti akan menyebabkan inflasi muncul semula.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mengesyorkan dan rakyat jelata benar-benar berharap supaya pihak berkuasa kewangan terutamanya Bank Negara menentukan supaya bekalan wang tidak dibenarkan bertambah melebihi kadar pertumbuhan benar keluaran negara kasar. Jika ini sukar saya kira 8% adalah satu angka yang maksima yang dibenarkan untuk perkembangan bekalan wang.

Ingin saya menyetuh tentang adanya kebimbangan bahawa dasar kesetabilan tanpa apa-apa inflasi mungkin tidak sesuai dengan pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, negara kita telah tumbuh dengan baiknya di tahun-tahun enam puluhan di waktu mana inflasi tidak berlaku oleh itu kesetabilan tidaklah menghalang pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ulangi iaitu inflasi adalah sangat buruk akibatnya walaupun ia hanya 5% sahaja. Oleh itu, saya berharap angka tunjuk harga hendaklah dikawal supaya tidak naik melebihi 8%. Ini boleh dilakukan dengan syarat, yang penting ialah kesediaan pihak berkuasa kewangan dan Bank Negara mengawal matawang tidak naik melebihi 8% setahun. Kesetabilan harga adalah satu daripada tugas yang diserahkan kepada Bank Negara dalam penubuhannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyetuh berkenaan dengan rancangan pelaksanaan jalan-jalan di luar bandar yang berjumlah \$477 juta dan \$65 juta adalah bagi tahun 1978 ini yang akan dilaksanakan projek ini menerusi pemborong-pemborong utama. Ini adalah membimbangkan pemborong kecil terutamanya pemborong-pemborong bumiputra. Tidakkah boleh Kerajaan mencadangkan supaya pemborong-pemborong kecil ini bersatu di dalam satu sendikit kemudian memohon tender-tender yang besar itu. Walau bagaimanapun, kalau hendak berjaya seperti yang dirancangan oleh Kerajaan, Kerajaan hendaklah terlebih dahulu menyediakan pegawai-pegawai yang cukup, cekap dan dedikasi terutama seperti di negeri-negeri yang kurang maju seperti di negeri Perlis. Kerajaan hendaklah juga menubuhkan sebuah badan pengawasan samada di peringkat pusat ataupun di peringkat negeri dengan tujuan supaya dapat mengawasi adakah pemborong-pemborong utama ini di dalam melaksanakan tugas-tugasnya menurut dasar dan tujuan yang dirancangan oleh Kerajaan di dalam segi pengambilan pemborong-pemborong kecil dan juga pekerja-pekerja bumiputra tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan projek 30,000 buah rumah yang berharga murah yang bernilai \$132 juta untuk rakyat yang berpendapatan rendah selalu menjadi heboh di negeri-negeri, bila rumah ini siap ada sebilangan orang-orang

yang bukan berpendapatan rendah dapat memilikinya. Perkara ini patutlah diawasi dalam masa melaksanakannya. Janganlah diharap kepada telunjuk akhirnya telunjuk itu akan menikam mata sendiri. Kerajaan perlu menyediakan rumah ini untuk dapat dimiliki oleh orang-orang yang luar bandar, daripada petani-petani dan juga peladang-peladang yang berpendapatan rendah. Syarikat M.B.S.B. patutlah menyediakan skim perumahan seumpama itu kerana sekarang rakyat di kampung-kampung juga ingin menerima angin perubahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat yang tinggal di sebelah utara iaitu yang bersedudukan dengan negeri jiran saya mengambil peluang ini mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang telah menghantar pasukan U.P.P. bagi mengawasi penyeludupan kerana di dalam penyeludupan tidak mustahil senjata-senjata turut diimpor.

Satu perkara yang saya suka sebutkan di sini iaitu sepatutnya Pasukan U.P.P. ini disediakan rumah-rumah untuk tempat mereka tinggal. Tetapi malangnya pasukan U.P.P. yang telah dihantar ke kawasan-kawasan sempadan ini mereka tidak disediakan rumah-rumah. Mereka hanya menyewa rumah-rumah di kampung-kampung kurang dengan berbagai-bagai kemudahan. Dengan sebab itu saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan patutlah mengambil ingatan supaya memberi kemudahan kepada pegawai-pegawai yang berkenaan ini dengan menyediakan berek dan sebagainya. Dalam masa menjalankan tugasnya pasukan U.P.P. ini di waktu malam kadangkala tidak menggunakan alat sekatan jalanraya bertanda "Polis". Ini sangatlah merbahaya dan sangat membimbangkan rakyat terutama sekali rakyat yang baik. Kerana pada masa penahanan ini sekiranya mereka tidak berhenti boleh jadi mereka akan ditembak tetapi kalau berhenti boleh jadi penjahat-penjahat ataupun perompak-perompak menyamar diri sebagai pegawai-pegawai U.P.P. dan menyamun pula mereka ini. Dengan sebab itu kita berharap perkara yang seumpama ini patutlah diambil tindakan yang bijaksana supaya rakyat yang tidak bersalah tidak lagi menjadi gelisah.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya suka sebutkan di sini ialah pada masa ini ada sebanyak 19,985 orang pemohon-pemohon untuk menjadi rakyat di negara kita ini. Hal yang seumpama ini Kerajaan patutlah mengkaji semula sebelum mengeluarkan sijil-sijil kerakyatan kepada mereka. Kerana apa yang difahamkan kepada saya, orang-orang yang mendapat hak kerakyatan itu ada yang tidak boleh dan tidak faham apakah maksud soal bahasa yang telah disoalkan kepada mereka pada membuat soal jawab. Jika ini terus-terusan berlaku inilah akibatnya menjadi rakyat yang tidak faham dan tidak cintakan kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya datang daripada kawasan pertanian, saya suka menyatakan bahawa kaum tani atau petani-petani adalah satu golongan yang menerima pendapatan yang serendah-rendahnya. Rata-rata hitung panjang tidaklah lebih dari \$100 sebulan dengan beberapa orang keluarga-keluarga mereka. Kalau kaum buruh ada tabung K.W.S.P.nya, Pasukan Keselamatan ada Tabung Perwiranya, pekebun-pekebun kecil ada tabungnya dengan itu saya mengesyorkan kepada Kerajaan patutlah memikirkan bagi mengadakan satu tabung (fund) yang boleh menjamin hidup kaum-kaum tani, pesawah-pesawah padi pada ketika menemui bencana atau lain-lain perbelanjaan yang terdesak. Saya suka mengesyorkan selain daripada memberi subsidi benih-benih padi, baja, racun serangga dan sebagainya Kerajaan perlulah menimbangkan iaitu diberi sugu hati kepada tiap-tiap pengusaha-pengusaha atau petani-petani ini yang diusahakan satu ekar dengan \$100 dan wang ini hendaklah dijadikan sebagai saham yang diamanahkan pada tabung amanah penanam-penanam padi. Untuk menyesuaikan dengan kehendak Dasar Ekonomi Baru Kerajaan, maka Kerajaan patutlah memikirkan dan berikhtiar menggalakkan kaum tani ini menjadi satu petani moden dan menyusun semula masyarakat kaum tani supaya mengadakan rancangan-rancangan pertanian berkelompok. Dengan ini dapatlah menjimatkan tenaga-tenaga pekerja dan juga menyenangkan pihak yang berkenaan iaitu mengumpulkan, membantukan alat-alat pertanian moden, dengan pimpinan pegawai-pegawai pertanian dan L.P.P. yang dedikasi supaya pada satu masa kelak tidaklah lagi ada

orang-orang tengah yang akan memasarkan pengeluaran-pengeluaran petani ini. Oleh sebab tanah pertanian di dalam negeri ini sangat terhad, saya mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan undang-undang pemilikan tanah yang terhad di tanah-tanah pertanian hanya dibenarkan miliknya iaitu kepada kaum tani sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya bahagian Perlis Selatan termasuklah di dalam Rancangan Perairan Muda ataupun MADA iaitu rancangan tanaman padi dua musim, tetapi Kementerian yang berkenaan patutlah faham bahawa di dalam bahagian Perlis Selatan ini ada beberapa tempat di kawasan MADA ini yang tidak sampai air dan tidak boleh ditanam dengan dua kali pada setahun. Ini menjadi rungutan petani-petani, mereka membayar cukai air tetapi tanah tidak dapat ditanam dengan padi dua kali. Dengan demikian perlulah bagi pihak Kementerian yang berkenaan menyemak dan memperbaiki segera iaitu keadaan-keadaan ini jika dibiarkan berterusan berlaku ini akan memberi peluang kepada mereka yang anti-Kerajaan membakar jiwa petani-petani supaya kurang yakin dan percaya kepada rancangan Kerajaan yang sedang berjalan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, di bahagian Perlis Utara pula tidak terlingkang di dalam Rancangan Perairan Muda, tetapi hanya dapat bersawah semusim pada setahun. Untuk menambahkan pendapatan-pendapatan petani-petani di sini mereka juga telah mengadakan tanaman selingan terutama sekali tembakau dan lain-lain lagi. Dengan sebab itu, saya mengambil peluang ini dan berharap supaya Lembaga Tembakau Negara akan menambahkan lagi quota-quota tembakaunya kepada negeri Perlis. Selain daripada itu, Kementerian Pertanian patutlah juga mengalihkan pandangannya kepada petani-petani di sini kepada menanam tebu, kerana tanaman tebu adalah sangat sesuai di negeri Perlis bahagian utara ini. Mengikut feasibility study yang saya sendiri terima tiap-tiap satu ekar akan mendapat keuntungan lebih daripada \$500. Jika perkara ini diambil daya usaha oleh Jabatan Pertanian negeri dengan membantu petani-petani di kampung-kampung ini dan dapat pula bekerjasama dengan kilang FELDA yang ada di negeri itu saya percaya pendapatan petani-petani di negeri Perlis akan bertambah lebih baik.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

8.58 *mlm.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, di malam yang agak sudah berlarutan maka tidak hairanlah yang udara di dalam Dewan ini juga sudah menjadi dingin. Tetapi bagi kita yang membahaskan masalah Belanjawan Negara bagi Tahun hadapan, adakah tahun 1978 juga tahun yang dingin? Mengikut kajian-kajian yang dibuat oleh para-para ekonomis antarabangsa dan juga para-para ekonomis tempatan tahun 1978 diramalkan bukanlah tahun yang senang. Ada yang menganggap tahun 1978 sebagai tahun yang meleset mungkin lebih dahsyat lagi recessi daripada tahun 1930an. Macam-macam ramalan di-

buat. Kalau kita pandangkan daripada kejayaan selepas recessi pada tahun 1975 maka mengikut kajian-kajian para ekonomis sudah tentu kemelesetan akan berlaku lagi. Semenjak akhir Peperangan Dunia Kedua mengikut kajian juga economic recovery bagi satu negara itu tidak lebih daripada 39 bulan dan kalau kita boleh pandang kepada recovery pada tahun 1975 maka bolehlah dianggarkan tahun 1978 ini satu tahun yang membahayakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 22hb Disember, 1977.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.